

**SEMIOTIK RIFFATERRE DALAM PANTUN
KANAK-KANAK**

AIDA QAMARIAH BINTI ISHAK

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**SEMIOTIK RIFFATERRE DALAM PANTUN
KANAK-KANAK**

AIDA QAMARIAH BINTI ISHAK

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **AIDA QAMARIAH BINTI ISHAK**
No. Matrik : **JHA 140010**
Nama Ijazah : **DOKTOR FALSAFAH**
Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”): **SEMIOTIK RIFFATERRE DALAM PANTUN**
KANAK-KANAK
Bidang Penyelidikan: **SEMANTIK**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

..... Tarikh:

Tandatangan Calon

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

..... Tarikh:

Tandatangan Saksi

Nama

Jawatan

SEMIOTIK RIFFATERRE DALAM PANTUN KANAK-KANAK

ABSTRAK

PKK merupakan salah satu daripada jenis pantun Melayu. PKK dicipta dengan bentuk dan makna yang ringkas, seiring dengan meningkatnya usia kanak-kanak, tahap perkembangan kognitif, kematangan serta fitrah kanak-kanak yang amat gemar akan bahasa yang mudah dan berirama. Makna dalam PKK dapat disimpulkan dalam bentuk peribahasa, kiasan bahasa dan kata-kata yang pendek, tegas, tetapi luas dan dalam maknanya. Walau apapun jenis pantun yang tercipta, pantun tetap unggul sebagai simbol artistik masyarakat Melayu dan juga lambang kebijaksanaan berfikir. PKK mendukung maksud yang sukar difahami menghalang pembaca khususnya kanak-kanak untuk memahami makna yang hendak disampaikan. Hakikatnya, bukan semua kanak-kanak dapat menguasai pantun dengan mudah apatah lagi bagi kanak-kanak yang memiliki latar belakang bahasa Melayu yang masih rendah. Gaya bahasa dalam PKK sangat ketara penggunaan bahasa sasteranya berbanding puisi Melayu moden kerana banyak menggunakan kata-kata kiasan dan kata-kata yang jarang digunakan dalam pertuturan seharian. Berlandaskan permasalahan kajian, unsur bahasa yang menjadi wadah dalam penciptaan PKK perlu dilihat melalui pendekatan semiotik bagi menemukan pusat makna dalam PKK. Analisis semiotik yang digunakan adalah model semiotik yang diasaskan oleh Michael Riffaterre. Teori SR (1978) dilihat sebagai pendekatan yang sesuai berdasarkan 'langkah kerja' yang jelas melalui empat aspek pemaknaan iaitu pertama; ketidaklangsungan ekspresi, kedua; pembacaan heuristik dan pembacaan hermeneutik, ketiga; matriks, model dan varian-variannya serta aspek keempat; hipogram. Kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasi PKK mengikut tema menggunakan unsur matriks, model dan varian-variannya. Pemilihan tema dibuat berdasarkan cakupan tema merujuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang

dilaksanakan melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu. Kajian ini juga menganalisis aspek ketidaklangsungan ekspresi dan hipogram, dan seterusnya menilai aspek pembacaan heuristik dan hermeneutik untuk memaknai PKK. Hasil penyelidikan menunjukkan makna semiotik PKK dapat dijelaskan melalui kemampuan melihat penyatuan bahasa pantun yang mendukung sistem semiotik tingkat pertama dan kedua. Analisis PKK melalui unsur matriks, model dan varian-variannya boleh menjadi petunjuk yang jelas untuk mengklasifikasi tema dalam PKK hingga menjurus pada sistem semiotik tingkat pertama yang disampaikan dalam pantun. Hasil penyelidikan juga menunjukkan pembacaan heuristik mampu menemukan makna dalam PKK melalui pengkajian struktur bahasa dengan mengintrepetasikan secara referensi kepada tanda linguistik. Seterusnya pembacaan hermeneutic, kesinambungan dari pembacaan heuristik yang melibatkan banyak kod di luar bahasa serta menggabungkannya secara integratif mampu membongkar makna keseluruhan pantun sebagai sistem tanda. Kajian ini juga dapat meletakkan pantun sebagai suatu teks sastra yang berkesinambungan baik di peringkat sebelum mahupun selepas pantun tersebut tercipta sehingga boleh ditransformasikan kepada teks-teks sastra yang lain. Implikasi kajian ini menampakkan kesesuaian tema KSSR untuk diterapkan dalam PKK yang boleh menjadi wadah pengajaran bahasa sekali gus memperkembangkan bidang yang dikaji iaitu pantun Melayu dan menampakkan kepelbagaian fungsi teori SR sebagai alat untuk mengkaji puisi moden dan tradisional. Kajian ini memperoleh penemuan baharu berkaitan pengaplikasian pembacaan heuristik dan hermeneutik dalam PKK sebagai medium yang membantu untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa khususnya penguasaan terhadap aspek semiotik dalam pantun melayu.

Kata kunci: Pantun kanak-kanak, Semiotik Riffaterre, makna, pembacaan heuristik, pembacaan hermeneutik

SEMIOTIC RIFFATERRE IN CHILDREN PANTUN

ABSTRACT

Children Pantun (CP) is one type of Malay 'pantun'. CP is created with simple meanings and pattern, inline with children's age, level of cognitive development, maturity and their nature who like a simple and rhyme language. Meanings in CP can be summarised into proverbs, similes and short and brief sayings, with vast and profound meaning. Regardless of how 'pantun' is created, it remains as an artistic symbol of Malay culture and wisdom. CP with ambiguous meanings prevents readers particularly children to comprehend the predetermined meaning. In reality, not all the children can grasp the meaning of 'pantun' dexterously, especially to those who have a Malay background. Based on research problem, the language element which becomes the medium of creating CP can be seen through semiotic approach to meet the central meaning in CP. The semiotic analysis used is a model by Michael Riffaterre. SR Theory (1978) is regarded as an appropriate approach based on clear 'work procedure' via four meaning aspects. Firstly, unpremeditated expressions. Secondly, heuristic and hermeneutic reading. Thirdly; matrix, models and variants and last but not least is hypogram. This study aims to classify CP based on themes using matrix, models and variants. The theme selection is referred to the Primary School Curriculum Standard which is being applied through Curriculum Standard Document and Malay Language Assessment. This research also analyses unpremeditated expressions and hypogram, and subsequently applying heuristic and hermeneutic reading aspects to interpret CP. Findings showed that the semiotic meaning of CP can be clarified through the ability to see the unity of language in 'pantun' which supports the first and second level of semiotic system. Significantly, CP analysis via matrix, models and variants can be a definite guide to classify themes in CP that draws to the first level of semiotic system which can be delivered in 'pantun'. Furthermore, findings also demonstrated that the

application of heuristic reading is effective in understanding meaning in CP through the study of language structure by interpreting, referring to linguistic symbols. Moreover, the application of hermeneutic reading, a continuation from heuristic reading that involves abundant codes outside the language and combines them integratively could unload the whole meaning of 'pantun' as a symbol system. This study hopes to set 'pantun' as a sustainable literary text either before or after 'pantun' is created which can be transformed to other literary texts. The implications of this research reveals the KSSR themes can be applied in CP as a medium to teach language, as well as expanding the research of 'pantun' Melayu and exhibits multiple functions of SR Theory as a tool to study modern and traditional poems. This research gains a new discovery related to the application of heuristic and hermeneutic reading in CP as a means that supports in improving level of language proficiency, especially in understanding all the meaning and semiotics in Malay 'pantun'.

Keywords: Children pantun, Semiotic Riffaterre, meanings, heuristic reading, hermeneutic reading

PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi di atas limpah kurnia kasihNya, tesis ini dapat disempurnakan. Sesungguhnya, pengalaman dalam menyiapkan kajian ini amat mencabar dan bermakna dalam kehidupan. Semoga kajian ini boleh memberikan manfaat kepada semua pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kedua-dua penyelia yang tidak jemu memberi bantuan, bimbingan, tunjuk ajar dan semangat iaitu Dr Salinah Ja'afar dan Dr Ahmad Ramizu Abdullah. Segala jasa baik dan pengorbanan serta tunjuk ajar amat dihargai dan hanya Allah yang akan membalasnya. Semoga kedua-duanya sentiasa beroleh keberkatan dan kesejahteraan di dunia juga di akhirat.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah membiayai pengajian ini. Tidak dilupakan juga sekalung penghargaan untuk seluruh warga APM, Universiti Malaya, pihak Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Sarikei, Sarawak, Pejabat Pendidikan Daerah Mersing, Johor, warga SK Agama (MIS) Sarikei, Sarawak dan warga Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Mersing serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada buat yang teristimewa bonda Hamdiah binti Hasan atas restu dan doa yang tidak pernah putus selama perjalanan pengajian ini. Sesungguhnya doa dan restunya sentiasa mengiringi langkah demi memperoleh ilmu kurniaan daripada Allah s.w.t. Khas buat kakak dan abang, Noer Rahmah & Nor Azam, adik-adik tersayang iaitu Ummi Soefiah, Awg

Zainurin, Darma Sukarsih, Mohd Khairin Amirin, Mohd Addi Waqash, Hjh Dyg Ariaiah dan Siti Fadzillah Adhariah serta seluruh ahli keluarga sekalung terima kasih diucapkan atas dorongan, sokongan dan motivasi yang telah diberikan selama ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada sahabat, Hasnah Abd Kadir serta seluruh ahli keluarga di Mersing, Johor yang sering memberi sokongan. Semoga Allah memberikan keberkatan, nikmat dan kemuliaan yang berkekalan di dunia juga di akhirat. Sesungguhnya perjalanan pengajian ini menjadi lebih indah dan bermakna dengan kehadiran kalian.

Akhir sekali, buat semua yang mengenali diri ini. Terima kasih atas cabaran dan motivasi yang diberikan. Semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan dan kejayaan menjadi milik kita di dunia juga di akhirat. Aamin Ya Allah.

Aida Qamariah Binti Ishak
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

JADUAL KANDUNGAN

Borang Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	v
Penghargaan.....	vii
Jadual Kandungan.....	ix
Senarai Gambar Rajah.....	xii
Senarai Jadual.....	xiii
Senarai Singkatan.....	xiv
Senarai Lampiran.....	xv

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Bidang Kajian.....	3
1.3	Pernyataan Masalah.....	11
1.4	Objektif Kajian.....	14
1.5	Persoalan Kajian.....	17
1.6	Skop Kajian.....	18
1.7	Bahan Kajian.....	18
1.8	Kerangka Kajian.....	21
1.9	Metodologi Kajian.....	24
	1.9.1 Kaedah Pemerolehan Data.....	25
	1.9.2 Kaedah Penganalisan Data.....	26
1.10	Kepentingan Kajian.....	26
1.11	Definisi Operasional.....	27
1.12	Pembahagian Bab.....	28
1.13	Rumusan.....	30

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan.....	31
2.2	Sorotan Kajian Makna dan Semiotik Dalam Pantun.....	31
2.3	Sorotan Kajian Pantun Melayu.....	42
2.4	Sorotan Kajian Pantun Kanak-Kanak.....	51
2.5	Rumusan.....	58

BAB 3: KERANGKA TEORETIS

3.1	Pendahuluan.....	59
3.2	Semiotik Riffaterre dan Empat Aspek Pemaknaan.....	61
	3.2.1 Ketidaklangsungan Ekspresi.....	63

3.2.2	Matriks, Model dan Varian-Variannya.....	69
3.2.3	Pembacaan Heuristik dan Pembacaan Hermeneutik	71
3.2.4	Hipogram.....	76
3.3	Model Kajian.....	79
3.5	Rumusan.....	82
BAB 4:	KLASIFIKASI TEMA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) DALAM PANTUN KANAK-KANAK (PKK) BERDASARKAN MATRIKS (MAT), MODEL (MOD) DAN VARIAN (VAR)	
4.1	Pendahuluan.....	83
4.2	Tema dalam PKK Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).....	85
4.2.1	Tema Kekeluargaan.....	88
4.2.2	Tema Kemasyarakatan.....	95
4.2.3	Tema Kesihatan dan Kebersihan.....	100
4.2.4	Tema Keselamatan.....	106
4.2.5	Tema Perpaduan.....	108
4.2.6	Tema Kebudayaan, Kesenian dan Estetika.....	111
4.2.7	Tema Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan.....	115
4.2.8	Tema Sains, Teknologi dan Inovasi.....	119
4.2.9	Tema Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.....	121
4.2.10	Tema Pertanian.....	125
4.2.11	Tema Ekonomi/Keusahawanan.....	128
4.3	Rumusan.....	131
BAB 5:	ANALISIS KETIDAKLANGSUNGAN EKSPRESI DAN HIPOGRAM (HIP) DALAM PANTUN KANAK-KANAK (PKK)	
5.1	Pendahuluan.....	133
5.2	Ketidaklangsungan Ekspresi dalam Pantun Kanak-Kanak.....	134
5.3	Hipogram dalam Pantun Kanak-Kanak.....	143
5.17	Rumusan.....	153
BAB 6:	APLIKASI PEMBACAAN HEURISTIK (PHEU) DAN PEMBACAAN HERMENEUTIK (PHER) DALAM PANTUN KANAK-KANAK (PKK)	154
6.1	Pendahuluan.....	154
6.2	Pembacaan Heuristik dalam Pantun Kanak-Kanak.....	155
6.3	Pembacaan Hermeneutik dalam Pantun Kanak-Kanak.....	160
6.4	Rumusan.....	165

BAB 7: PENUTUP

7.1	Rumusan Kajian.....	167
7.1.1	Semiotik dalam Pantun Kanak-Kanak Daripada Perspektif Semiotik Riffaterre.....	167
7.2	Implikasi	169
7.2.1	Implikasi Terhadap Pembaca Pantun Kanak-Kanak.....	169
7.2.2	Implikasi Terhadap Pencipta/Penulis Pantun Kanak-Kanak.....	170
7.2.3	Implikasi Terhadap Pendidik/Pengajar Pantun Kanak-Kanak.....	170
7.2.4	Implikasi Terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia.....	171
7.2.5	Implikasi Terhadap Pengkaji dan Bidang Kajian.....	172
7.3	Cadangan.....	173
	RUJUKAN.....	174
	LAMPIRAN.....	187

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1.1	: Kerangka Kajian.....	22
Rajah 3.1	: Teori Semiotik Riffaterre (Semiotics of Poetry, 1978).....	63
Rajah 3.2	: Model Kajian.....	81

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Kekeluargaan)	92
Jadual 4.2	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Kemasyarakatan)	97
Jadual 4.3	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Kesihatan dan Kebersihan)	103
Jadual 4.4	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Keselamatan)	108
Jadual 4.5	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Perpaduan)	110
Jadual 4.6	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Kebudayaan, Kesenian dan Estetika)	113
Jadual 4.7	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan)	118
Jadual 4.8	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Sains, Teknologi dan Inovasi)	121
Jadual 4.9	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Alam Sekitar dan Teknologi Hijau)	124
Jadual 4.10	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Pertanian)	127
Jadual 4.11	: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Ekonomi/Keusahawan)	130

SENARAI SINGKATAN

SR	Semiotik Riffaterre
PHEU	Pembacaan Heuristik
PHER	Pembacaan Hermeneutik
MAT	Matriks
MOD	Model
VAR	Varian-variannya
HIP	Hipogram
PKK	Pantun Kanak-Kanak
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
BM	Bahasa Melayu
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
DSKPBM	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu
KPKK	Koleksi Pantun untuk Kanak-Kanak
KOMSAS	Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A** Jadual 1.1 Koleksi Pantun Kanak-Kanak
- LAMPIRAN B** Jadual 5.1: Ketidaklangsungan Ekspresi dalam PKK
- LAMPIRAN C** Jadual 5.2: Jadual HIP Potensial dalam PKK
- LAMPIRAN D** Jadual 6.1: PHEU dalam PKK
- LAMPIRAN E** Jadual 6.2: PHER dalam PKK

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Semantik dan semiotik merupakan dua bidang ilmu yang tidak dapat dipisahkan. Kajian ini secara umum mencakupi bidang semantik dan secara khusus meneliti bidang semiotik yang merupakan salah satu cabang semantik. Ullmann (1962, p. 15) menyatakan semiotik merupakan kajian ke atas sistem tanda dan terbahagi kepada tiga bahagian, pertama; semantik yang mengkaji tentang pemaknaan tanda, kedua; sintaktik yang mengkaji tentang kombinasi tanda-tanda, dan ketiga; pragmatik yang mengkaji tentang asal usul, penggunaan dan pengaruhnya dalam perlakuan yang dihubungkan dengan tanda itu.

Semantik mengkaji tentang makna yang berfokuskan pengetahuan tentang kod dalam kosa kata bahasa dan pola untuk membangun makna yang lebih rumit hingga ke tingkat makna ayat. Hal ini dijelaskan oleh Griffiths (2006, p. 1),

“Semantics is the study of the “toolkit” for meaning: knowledge encoded in the vocabulary of the language and in its patterns for building more elaborate meanings, up to the level of sentence meanings”.

Bidang makna atau semantik, sebenarnya menjadi sebahagian daripada ilmu linguistik kerana bahasa tidak akan sempurna jika tidak ada unsur makna. Semantik merupakan bidang yang mengkaji sistematik makna, dan semantik linguistik pula adalah bidang yang mengkaji bagaimana bahasa mengorganisasi dan mengekspresikan makna. Kenyataan ini dijelaskan melalui pandangan Kreidler (1998, p. 3),

“Semantics is the systematic study of meaning, and linguistic semantics is the study of how languages organize and express meanings”.

Semantik sebagai bidang ilmu yang mengkaji tentang makna juga telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji seperti Ferdinand de Saussure (1857-1913), Hurford (1984), Wijaya (1996), Darmojuwono (2005) dan lain-lain lagi. Ferdinand de Saussure, bapa linguistik moden dalam Chaer (1994, p. 285) menyatakan bahawa semantik terdiri daripada dua komponen, pertama; komponen yang mengertikan, yang wujud dalam bentuk dan bunyi bahasa. Kedua; komponen yang diertikan atau makna dari komponen yang pertama (komponen yang mengertikan, yang wujud dalam bentuk dan bunyi bahasa). Pandangan Saussure di atas telah diperincikan oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Antaranya menurut Hurford (1984, p. 1), Semantik adalah ilmu yang mempelajari hubungan antara tanda-tanda linguistik dengan hal-hal yang ditandainya; atau salah satu cabang linguistik yang mengkaji tentang makna bahasa. Wijaya (1996, p. 1) juga mengemukakan Semantik adalah disiplin ilmu bahasa yang menelaah makna satuan yang merangkumi makna leksikal dan juga makna gramatikal. Pandangan di atas dikukuhkan lagi melalui pendapat Darmojuwono (2005, p. 114) yang menegaskan bahawa Semantik merupakan bidang linguistik yang mempelajari makna tanda bahasa yang memiliki unsur lambang bunyi dan konsep.

Relasi semantik dan semiotik boleh dilihat melalui peranan dan fungsinya dalam pengkajian. Semiotik berfungsi sebagai ilmu yang mengkaji tanda-tanda, mengkategorikan dan mengklasifikasi tanda-tanda tersebut bertujuan untuk mendapatkan makna. Sebagaimana Eco (1979, p. 67) menyatakan Semiotik sebagai ilmu yang mempelajari sederetan luas objek-objek, peristiwa, seluruh kebudayaan sebagai tanda. Seterusnya, Semantik diperlukan sebagai berperanan untuk mengekspresi segala tentang makna melalui idea, gagasan atau konsep-konsep dalam semantik. Hal ini dijelaskan oleh Tarigan (1985, p. 9) yang mengemukakan bahawa Semantik adalah telaah makna. Semantik menelaah lambang-lambang atau tanda-tanda yang menyatakan makna, hubungan di antara makna dan pengaruh makna terhadap manusia dan masyarakat.

Menurut Tarigan juga Semantik mencakupi makna-makna kata, perkembangannya dan perubahannya. Berdasarkan pandangan di atas, jelas bahawa semiotik wujud kerana adanya semantik dan semantik wujud kerana adanya semiotik. Tidak mungkin wujud tanda jika tiada yang ditandai dan tidak mungkin wujud yang ditandai jika bukan kerana wujudnya tanda.

1.2 Bidang Kajian

Semiotik diertikan sebagai ilmu yang mengkaji tanda-tanda dalam kehidupan manusia. Menurut de Saussure (1983, p. 24) semua yang hadir dalam kehidupan kita dilihat sebagai tanda yang harus diberikan makna. Hashim Hj. Musa, (1994, p. 44) juga mengemukakan bunyi ucapan dan coretan tulisan yang merujuk hal tentang makna merupakan sejenis tanda atau '*sign*'. Tanda atau '*sign*' ialah sesuatu yang mewakili atau melambangkan sesuatu yang lain. Teori Semiotik yang dikemukakan oleh Ferdinand De Saussure (1983, p. 22) menerangkan bahawa semiotik terbahagi pada dua bahagian iaitu penanda (*signifier*) dan petanda (*signified*). Penanda dilihat sebagai bentuk yang wujud secara fizikal dan dapat dikenali melalui wujudnya karya manusia untuk kehidupan manusia. Pertanda pula dilihat sebagai makna yang terungkap melalui konsep, fungsi dan/atau nilai-nilai yang terkandung di dalam karya tersebut. Kewujudan semiotika Saussure adalah bertunjangkan relasi antara penanda dan petanda berdasarkan konvensi iaitu ciri yang sudah diiktiraf dengan meluas dan dipatuhi, yang juga disebut sebagai signifikasi. Semiotika signifikasi adalah sistem tanda yang mempelajari relasi elemen tanda dalam sebuah sistem berdasarkan aturan atau konvensi tertentu. Kesepakatan sosial (konvensi) diperlukan untuk dapat memaknai tanda tersebut. Menurut Saussure (1983, p. 25) tanda terdiri daripada bunyi-bunyian dan gambar yang disebut sebagai

penanda dan konsep-konsep dari bunyi-bunyian dan gambar yang disebut sebagai petanda.

Pemikiran Saussure (1857-1913) diteruskan oleh Roland Barthes (1915-1980). Barthes antara tokoh terpenting yang menggunakan aliran semiotik dan menyatakan bahawa teori ini sesuai dan unggul untuk sebarang kajian sastera dan juga aspek kebahasaan dalam keilmuan. Menurut beliau, semiotik muncul sebagai teori yang mantap dalam usaha untuk memahami aspek penandaan (Barthes, 1967, p. 80). Teori Semiotika yang dikemukakan oleh Barthes (1977, p. 92) mengembangkan semiotika menjadi dua tingkatan pertandaan iaitu tingkat denotasi dan konotasi. Denotasi adalah tingkat pertandaan yang menjelaskan hubungan penanda dan petanda sehingga menghasilkan makna eksplisit, langsung, dan pasti. Konotasi pula merujuk tingkat pertandaan yang menjelaskan hubungan penanda dan petanda yang di dalamnya beroperasi makna yang tidak eksplisit, tidak langsung, dan tidak pasti (Yusita Kusumarini, 2006, p. 39). Gagasan Barthes ini dikenali sebagai "*order of signification*", mencakup denotasi (makna sebenar menurut kamus) dan konotasi (makna ganda yang lahir dari pengalaman kultural dan personal). Di sinilah titik perbezaan pemikiran Saussure dan Barthes walaupun Barthes kekal mempergunakan istilah *signifier-signified* seperti yang digagaskan oleh Saussure.

Semiotik dapat meneliti berbagai jenis teks di mana tanda-tanda terkodefikasi dalam sebuah sistem. Roland Barthes (1977, p. 41) menjelaskan bahawa dari sudut semiotika, semua teks walau apapun hakikatnya dan batasnya, baik gambar, isyarat, suara muzik, objek dan semua hal yang membentuk kebiasaan atau sebaliknya, yang bukan berupa bahasa dikira sebagai sistem tanda, selagi wujudnya hubungan antara *signifier* dan *signified* untuk memberikan makna. Dalam menganalisis karya sastera, sistem tanda dan konvensi-konvensi perlu ditentukan bagi membolehkan tanda-tanda atau struktur tanda-tanda dalam rangka karya sastera mempunyai makna. (Pradopo,

2013, p. 119). Asasnya, semiotik perlu bermula daripada karya dan kemudian barulah mengarah pada penilaian.

Setiap karya sastera mempunyai nilai dan keistimewaannya yang tersendiri. Unsur-unsur istimewa dalam karya sastera dapat dianalisis menggunakan pendekatan semiotik. Hashim Awang dalam Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat@ Mustaffa (2017, p. 20) memperincikan karya sastera sebagai hasil ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa sehingga menjadikan karya sastera dapat difahami segala isi dan tujuan yang mahu dilakarkan oleh pengkaryanya. Selain menyampaikan isi dan tujuan, susunan kata dalam sastera juga tidak boleh sewenang-wenangnya. Pernyataan ini seiring dengan pandangan Awang Sariyan (1984, p. 3) iaitu tingginya tingkat kebudayaan sesuatu bangsa dapat ditandai oleh bahasa. Justeru, bahasa sastera yang indah dan berseni bukan hanya sekadar berbunga kata, tapi juga perlu sarat dengan makna dan penuh kearifan serta mampu berperanan sebagai lambang identiti sesuatu bangsa.

Dari sudut sistem semiotik, teks sastera khususnya puisi tradisional (pantun) mampu dihubungkan dengan hal-hal di luar lingkupnya, sesuai dengan sistem tanda yang bermakna, yang pemakaiannya tidak lepas dari konvensi dan hal-hal di luar strukturnya. Hal ini diungkapkan dalam Teori Semiotik Riffaterre (seterusnya SR) (1978, p. 2) bahawa pandangan semiotik bukan hanya dapat menghubungkan sistem dalam puisi itu sendiri, tetapi juga dengan sistem di luarnya. Menurut Riffaterre (1978, p. 2), pembaca yang bertanggungjawab untuk memberikan makna pada tanda-tanda yang terdapat dalam puisi. Tanda-tanda akan memiliki makna setelah dilakukan pembacaan dan pemaknaan terhadapnya. Ketika itu berlakulah proses perpindahan semiotik dari tanda ke tanda dalam fikiran pembaca. Pegangan ini menggambarkan aliran pemikiran Roland Barthes (1915-1980) dalam Teori Semiotika yang menekankan

interaksi antara konvensi dalam teks dengan konvensi yang dialami dan diharapkan oleh penggunanya.

Secara dasarnya, Riffaterre dalam Salam (2009, p. 3) mengemukakan empat aspek yang boleh dijadikan acuan dan langkah dalam proses produksi makna yang terkandung dalam puisi. Empat aspek tersebut adalah pertama; ketidaklangsungan ekspresi, kedua; pembacaan heuristik (seterusnya PHEU) dan pembacaan hermeneutik (seterusnya PHER), ketiga; matriks (seterusnya MAT), model (seterusnya MOD) dan varian-varianya (seterusnya VAR) dan aspek keempat; hipogram (seterusnya HIP). Aspek pertama adalah puisi merupakan aktiviti bahasa yang berbeza dengan pemakaian bahasa pada umumnya. Puisi memiliki bahasa yang dapat menyatakan beberapa konsep secara tidak langsung. Dalam puisi, ketidaklangsungan ekspresi menduduki posisi yang utama. Asas yang digunakan dalam Teori SR menyatakan bahawa puisi mengekspresikan konsep dan sesuatu secara tidak langsung (Riffaterre, 1978, p. 1). Pengekspresian konsep secara tak langsung itu dicirikan oleh beberapa penyimpangan leksikal (kosa kata) dan gramatikal (tatabahasa) yang juga menentukan produksi tanda (*sign production*) dan produksi teks (*text production*) sebuah puisi.

Unsur-unsur tanda (*sign*) dalam puisi sering menjadi tidak sesuai dengan tatabahasa normal. Hal ini diistilahkan oleh Riffaterre (1978, p. 5) sebagai “ketidakgramatikal”. Pembaca yang menghadapi “ketidakgramatikal” puisi tidak memadai dengan hanya membaca pantundengan bahasa konvensional. Pembaca dituntut agar mengungkapkan sistem pemaknaan tingkat kedua, terutama setelah proses pembacaan tingkat pertama berlaku demi memahami konsep yang diekspresikan dalam puisi. Pembacaan pertama yang diistilahkan sebagai PHEU (*heuristic reading*) merupakan proses mengidentifikasi kiasan, makna kata, relasi antara kata, retorika dan unsur-unsur tidak gramatikal. Pembacaan ini bersifat mimetik iaitu sekadar memeriksa konvensi bahasa dalam puisi. Namun makna yang dibawa oleh puisi tidak mencukupi

untuk dirungkai dengan cara PHEU sahaja kerana pada tahap ini hanya makna-makna yang masih belum menyatu akan diperolehi. Justeru, pembacaan tingkat kedua, iaitu pembacaan retroaktif (*retroactive reading*) atau hermeneutik diperlukan untuk mengintergrasikan seluruh unsur dari PHEU ke dalam kesatuan sistem makna. Jika dalam PHEU diperolehi keragaman makna, dalam PHER ditemukan kesatuan makna.

Pembaca puisi juga dituntut agar melakukan penafsiran yang didasari anggapan bahawa keseluruhan teks puisi merupakan perluasan dari struktur tematik yang signifikasinya terwujud dari transformasi MAT, MOD dan VAR serta HIP. MAT merupakan aktualisasi struktur atau konsep abstrak yang mendasari puisi, bersifat hipotesis dan merupakan turunan dari MOD yang berupa kata atau kalimat pendek yang sering tidak hadir dalam puisi. Riffaterre mengistilahkan MAT sebagai “inti” atau pusat puisi. “Puisi adalah hasil dari transformasi matriks”, melalui konversi tekstual yang memanfaatkan rangkaian tanda-tanda representasional. MAT hanya mungkin dikenal pasti dari “HIP” (perkiraan, sistem deskriptif dan kompleks tematik) sebagai kebiasaan yang muncul dari ekspresi-ekspresi penandaan. Implikasi pembacaan ini adalah untuk menemukan pernyataan tunggal yang ditransformasikan pada sebuah teks puisi. (Riffaterre, 1978, p. 19).

Teori SR merupakan satu metode pemaknaan puisi. Puisi khususnya pantun mempunyai cirinya yang tersendiri, berbicara tentang ‘sesuatu’ namun dalam menyampaikan atau membicarakan sesuatu, pantun menggunakan maksud yang lain, pantun berbicara secara tidak langsung. Riffaterre (1978, p.13) menganalogikan puisi seperti sejenis kuih donat, seperti yang dinyatakan oleh beliau “signifikasi terbentuk seperti kuih donut”.

“The significance is shaped like a doughnut, the hole being either the matrix of the hypogram or the hypogram as matrix”

Donut yang boleh dilihat merupakan teks yang terbaca, sedangkan bahagian tengah yang kosong atau berlubang merupakan MAT, MOD, VAR dan HIP. Bahagian kosong di tengah donut inilah pusat makna, inti puisi dan menjadi tumpuan keseluruhan produksi tanda dan teks puisi. MAT tidak hadir secara langsung dalam puisi, namun aktualisasinya berupa kata atau kalimat yang menjadi MOD kemudian mengalami perluasan menjadi teks. Tujuan seluruh pembacaan puisi seperti ini adalah untuk menemukan kesatuan tekstual sebuah teks puisi. Kesatuan tekstual terbentuk dari suatu struktur, iaitu satuan-satuan makna semantic yang saling berpasangan, berhubungan dan sering beroperasi. Unsur struktural yang menjadi dasar dalam pembacaan puisi tidak boleh diabaikan mengikut struktur pembacaan semiotik terhadap karya sastra terutamanya puisi.

Bahasa sastra dalam pantun mendukung beban makna yang sarat. Kemampuan untuk menangkap makna dari teks pantun juga menjadi tanda ukur pembaca untuk memaknai suatu teks pantun dengan tepat. Pantun lazimnya menawarkan serangkaian makna dan pembaca perlu menafsirkan pantun tersebut. Makna menurut Hirsch (dalam Sugihastuti, 2007, p. 24) merujuk pada makna dalam teks (pantun) dan kaitannya dengan suatu konteks yang lebih besar. Mansoer Pateda (2010, p. 79) juga mengemukakan bahawa istilah makna merupakan kata-kata dan istilah yang membingungkan. Dalam hal ini juga Ferdinand de Saussure (dalam Abdul Chaer, 1994, p. 286) mengungkapkan pengertian makna sebagai pengertian atau konsep yang dimiliki atau terdapat pada suatu tanda linguistik yang terdiri dari dua unsur iaitu penanda dan petanda. Manakala, menurut Chaer (1994, p. 60), makna berbeza berdasarkan beberapa kriteria dan perspektifnya. Berdasarkan jenis semantikanya, dapat dibezakan antara makna leksikal dan makna gramatikal, berdasarkan wujud atau tidak referen pada

sebuah kata, dapat dibezakan adanya makna referensial dan makna non referensial, berdasarkan nilai rasa pada sebuah kata dapat dibezakan adanya makna denotatif dan makna konotatif, berdasarkan ketepatan maknanya, lahirlah makna kata dan makna istilah atau makna umum dan makna khusus.

Pantun merupakan salah satu bentuk dari susunan kata ataupun rangkaian kata yang memiliki makna di setiap kata-katanya dalam menyampaikan maksud tertentu. Menurut Wiyatmi (2005, p. 73) makna merupakan wilayah isi sebuah puisi. Makna sebuah puisi pada umumnya boleh difahami setelah seseorang membaca, memahami makna setiap kata dan kiasan yang digunakan dalam puisi. Berkaitan dengan pandangan di atas, makna isi pantun khususnya pantun kanak-kanak (seterusnya PKK) boleh dianalisis berdasarkan makna teks dan makna konteks. Makna teks yang dimaksud ialah makna leksikal, makna denotatif, atau makna secara harfiah. Menurut Chaer (2007, p. 60) makna leksikal adalah gambaran yang nyata tentang suatu konsep seperti yang dilambangkan kata itu. Manakala, makna konteks merujuk pada makna di luar teks. Menurut Kridalaksana (dalam Rahardi, 2005, p. 17) konteks adalah aspek-aspek lingkungan fizikal atau lingkungan sosial yang berkaitan dengan tuturan.

Pantun digunakan secara meluas dalam kegiatan-kegiatan hidup harian dan seni budaya masyarakat Melayu lama seperti dalam acara permainan, hiburan, majlis keramaian, adat istiadat atau upacara. Oleh sebab itu lahirlah berbagai jenis pantun yang mengandungi makna atau maksud di sebaliknya. PKK merupakan salah satu daripada jenis pantun Melayu. Menurut Effendi (1990, p. 29), pantun dibahagikan menurut jenis dan isinya: pertama; pantun anak-anak yang berdasarkan isinya dibezakan menjadi empat jenis iaitu pantun bersukacita, pantun berdukacita, pantun jenaka dan pantun teka-teki. Kedua; pantun orang muda yang berdasarkan isinya dibezakan menjadi lima jenis iaitu pantun dagang atau pantun nasib, pantun perkenalan, pantun berkasih-kasihan, pantun perceraian dan pantun beriba hati dan ketiga; pantun orang tua yang

berdasarkan isinya terbahagi pada tiga jenis iaitu pantun nasihat, pantun adat dan pantun agama. Harun Mat Piah (1989, p. 63) pula berpendapat jenis pantun boleh dilihat berdasarkan aspek isi yang merujuk pada tema dan persoalan pantun hingga boleh membawa kepada pengelompokan pantun yang lebih sistematik seperti pantun kanak-kanak, pantun cinta dan kasih sayang, telatah dan cara hidup masyarakat, pantun teka-teki, pantun puji-pujian atau sambutan, pantun nasihat dan pendidikan, pantun agama dan kepercayaan, pantun adat, pantun peribahasa, pantun naratif atau cerita dan sebagainya. Walau apapun jenis pantun yang tercipta, pantun tetap unggul sebagai simbol artistik masyarakat Melayu dan juga lambang kebijaksanaan berfikir (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2007, p. 102).

PKK yang dihayati boleh mendorong pembaca pantun khususnya golongan kanak-kanak untuk memperoleh bahasa yang indah dan berseni, membimbing kanak-kanak fasih berbahasa dan seterusnya mampu untuk membentuk sahsiah kanak-kanak menjadi insan yang berbudi dan cintakan tanah air. Sebagai mana pandangan Zurinah Hassan (2008, p. 2), menghayati pantun bukan hanya mengetahui maknanya tapi juga berusaha untuk menangkap pesanan dalam teks pantun yang berguna sekali gus menjadi motivasi dalam kehidupan kita. Puisi tradisional berbentuk PKK ini dicipta dengan bentuk dan makna yang ringkas dan mudah, seiring dengan meningkatnya usia kanak-kanak, tahap perkembangan kognitif, kematangan serta fitrah kanak-kanak yang amat gemar akan bahasa yang mudah dan berirama. Selain menghiburkan, PKK juga boleh melatih pembaca pantun untuk berhujah, mentafsir apa yang tersurat dan tersirat, membuat pertimbangan dan membuat keputusan. Noriah Taslim (1996, p. 34-35) menjelaskan bahawa penghayatan karya sastera boleh mendidik pelajar berfikiran kritis dan kreatif. Penghayatan memerlukan penaakulan dan penilaian. Pelajar perlu membina semula dunia makna, dunia ilmu, dan dunia nilai yang disuratkan dan disiratkan dalam sesebuah karya sastera. PKK juga boleh disampaikan melalui pelbagai cara yang

menghiburkan seperti dijadikan lirik lagu kanak-kanak yang bertujuan untuk bersenda gurau, bermain-main, usik-mengusik dan menghibur hati. Contohnya, lagu *Rasa Sayang*, *Burung Kakak Tua*, *Anak Rusa Nani*, *Buai Laju-Laju*, *Bangau oh Bangau*, *Suriram* dan *Ikan Kekek*.

1.3 Permasalahan Kajian

Pantun merupakan genre sastera yang sudah mulai diperkenalkan di peringkat pendidikan formal sejak Tahun 1 di sekolah rendah. Bahkan juga sudah diperkenalkan di peringkat tadika atau prasekolah. Pantun didedahkan secara tidak langsung melalui mata pelajaran Bahasa Melayu atau diselitkan penggunaannya dalam mata pelajaran lain. Pantun dikelaskan berdasarkan kepada bentuk, struktur, tema, fungsi dan kumpulan penyebarannya. Jenis pantun yang diperkenalkan kepada golongan kanak-kanak atau pelajar di sekolah rendah adalah PKK.

PKK dicipta dengan bentuk dan makna yang ringkas, seiring dengan meningkatnya usia kanak-kanak, tahap perkembangan kognitif, kematangan serta fitrah kanak-kanak yang amat gemar akan bahasa yang mudah dan berirama. Makna dalam PKK dapat disimpulkan dalam bentuk peribahasa, kiasan bahasa dan kata-kata yang pendek, tegas, tetapi luas dan dalam maknanya. Namun, penciptaan PKK yang mendukung maksud yang sukar difahami menjadi seperti tembok yang menghalang pelajar untuk memahami makna dalam PKK. Hakikatnya, bukan semua pelajar di sekolah dapat menguasai pantun dengan mudah apatah lagi bagi pelajar yang memiliki latar belakang bahasa Melayu yang masih rendah. Masalah juga timbul apabila pelajar berkenaan kurang berinteraksi dengan menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi seharian. Permasalahan kesukaran memahami makna dalam puisi tradisional turut dikemukakan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007, p. 104) dalam kajian beliau yang mendapati pelajar menghadapi kesukaran untuk mempelajari bahan teks

tradisional. Menurut Zaitul, kelemahan ketara pelajar adalah untuk memahami maksud yang terdapat dalam setiap puisi yang dipelajari oleh mereka. Gaya bahasa dalam puisi Melayu tradisional sangat ketara penggunaan bahasanya dengan puisi Melayu moden kerana banyak menggunakan kata-kata kiasan dan pelajar jarang mendengar perkataan-perkataan klasik dituturkan apatah lagi menggunakan perkataan-perkataan klasik tersebut dalam pertuturan seharian mereka. Ini adalah kerana pelajar-pelajar tersebut menggunakan bahasa ibunda mereka atau bahasa Melayu baku dalam kehidupan seharian. Pemahaman yang kurang dalam kosa kata Melayu klasik menyebabkan pelajar kurang menguasai puisi Melayu tradisional.

Jais Sahok (1989, p. 145) juga berpendapat pantun yang dicipta menggunakan pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan seumpamanya menimbulkan permasalahan sehingga banyak perkataan yang digunakan tidak terdapat atau tidak bersinonim dengan makna leksikal dalam kamus. Seterusnya, isu dan permasalahan tentang faktor yang menimbulkan kesukaran untuk memahami pantun turut dikemukakan oleh Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad (2004, p. 2) dalam kajian bertajuk “Interpretasi Pantun daripada Perspektif Semiotik” yang menyatakan pembaca menghadapi kesukaran untuk membuat interpretasi terhadap sesuatu lambang atau unsur yang terdapat dalam pantun sehingga memberikan pemahaman yang kurang tepat berdasarkan makna pantun sebenar. Di samping itu, kajian oleh Mahzan Arshad (1993, p. 25) ke atas keutamaan pelajar terhadap empat jenis bahan bacaan iaitu prosa moden, prosa klasik, puisi moden dan puisi klasik juga menunjukkan implikasi yang serupa apabila hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar memberikan keutamaan yang lebih tinggi terhadap bahan-bahan prosa berbanding puisi. Pelajar memberikan preferen yang rendah terhadap bahan puisi kerana berpendapat bahawa petikan bahan puisi lebih sukar difahami dan isi kandungan puisi yang membosankan. Isu kesukaran dalam memahami karya puisi juga ditimbulkan oleh Situmorang (1983, p. 30) yang menyatakan bahawa

menikmati puisi jauh lebih sukar berbanding menikmati novel dan cerpen sebab menikmati puisi memerlukan keterbukaan hati, ketekunan, konsekuensi fikiran disebabkan isinya merupakan lambang kehidupan sehingga diri kita ikut tergugat dibuatnya.

Tuntasnya, kesukaran memahami makna wujud dalam proses mempelajari dan menguasai pantun. Hal ini berpunca daripada beberapa faktor yang turut dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Antaranya, bahasa dalam pantun yang sukar disebabkan penggunaan kata-kata kiasan, simbol, ibarat, lambang dan unsur berbanding penguasaan bahasa yang masih rendah khususnya dari sudut penguasaan kosa kata Melayu klasik. Selain itu, faktor sikap pelajar yang kurang berusaha dan tidak bersedia untuk memahami makna pantun yang menuntut ketekunan dan keterbukaan hati serta fikiran dalam golongan pelajar.

Ironinya, pernyataan kesukaran untuk menguasai, memahami dan menghayati makna PKK dilihat seperti bertentangan dengan sifat PKK yang dibina menggunakan bahasa yang mudah. Oleh itu, unsur bahasa yang mudah sebagai wadah dalam penciptaan PKK perlu dilihat dari perspektif sifat bahasa berfokuskan aspek semantik (makna). Menurut Tjiptadi (1984, p. 19), makna adalah erti atau maksud yang tersimpul dari suatu kata, jadi makna dengan bendanya sangat bertautan dan saling menyatu. Jika suatu kata tidak boleh dihubungkan dengan bendanya, peristiwa atau keadaan tertentu maka kita tidak dapat memperolehi makna dari kata tersebut. Menurut Wiyatmi (2005, p. 73) pula makna merupakan wilayah isi sebuah puisi. Merujuk bahan kajian, maksud atau isi merupakan bahagian kedua dalam pantun empat kerat diungkapkan di baris ketiga dan keempat dalam setiap rangkap pantun. Bahagian ini juga menggambarkan tema yang menjurus pada maksud tersurat dan tersirat yang hendak disampaikan dalam pantun.

Pemaknaan PKK bertujuan untuk memberikan makna pantun. Setiap PKK pasti memiliki makna yang hendak disampaikan oleh penciptanya. Oleh itu, perlu diwujudkan kaedah untuk mengatasi kesukaran dalam memahami dan menginterpretasi makna PKK. Walaupun PKK menggunakan bahasa yang mudah, makna yang hendak disampaikan dalam PKK masih sukar difahami kerana PKK, seperti juga puisi yang lain, mengungkapkan sesuatu yang memberikan makna yang lain. Oleh kerana itu, dari aspek semiotik, PKK perlu dinilai sebagai sebuah tanda yang harus digali lebih dalam makna di sebalik tanda. Dengan demikian, penelitian terhadap ciri-ciri PKK dan penyediaan 'langkah kerja' melalui pendekatan semiotik perlu dilakukan bagi menemukan pusat makna dalam PKK. Pendekatan semiotik yang digunakan adalah semiotik model Michael Riffaterre. Pendekatan semiotik model Riffaterre dipakai berdasarkan pertimbangan bahawa semiotik Riffaterre lebih mengkhususkan pada analisis puisi dan PKK merupakan salah satu bentuk puisi tradisional Melayu. Oleh itu pendekatan semiotik yang tepat dan sesuai digunakan adalah pendekatan semiotik Riffaterre.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti makna dengan penumpuan kepada semiotik dalam PKK. Berdasarkan penelitian tersebut, kajian ini mempunyai tiga objektif utama, pertama; mengklasifikasi PKK mengikut tema menggunakan unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK. Pemilihan tema untuk mengklasifikasi PKK dibuat berdasarkan cakupan tema-tema yang perlu diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran (seterusnya PdP) mata pelajaran Bahasa Melayu (seterusnya BM) di sekolah rendah dirujuk daripada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (seterusnya KSSR) (Semakan 2017) yang dilaksanakan melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (seterusnya DSKPBM) untuk menyampaikan pengetahuan serta

membina kefahaman tentang kehidupan dan alam sekeliling pelajar melalui kemahiran bahasa, iaitu, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, seni bahasa dan tatabahasa melalui tema-tema yang dicadangkan. Tema-tema ini dapat menambahkan pengetahuan dan kefahaman, memupuk kesedaran, membina jati diri, menghargai warisan dan mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri pelajar. Cakupan tema-tema yang perlu diberi penekanan adalah seperti berikut:

1. *Tema kekeluargaan* yang merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan untuk memupuk sifat agar menghargai setiap ahli keluarga.
2. *Tema kemasyarakatan* yang merujuk pada tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab.
3. *Tema kesihatan dan kebersihan* yang merujuk pada kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial agar pelajar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.
4. *Tema keselamatan* merujuk pada keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada di pelbagai persekitaran.
5. *Tema perpaduan* merujuk pada kepentingan hubungan erat yang berbentuk toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia untuk memupuk semangat perpaduan.
6. *Tema kebudayaan, kesenian dan estetika* yang merangkumi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia meliputi

adat dan budaya agar kehalusan seni budaya dapat dihayati oleh pelajar sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

7. *Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan* yang pada merujuk keupayaan murid untuk menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi Negara demi untuk melahirkan masyarakat yang madani, yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.
8. *Tema sains, teknologi dan inovasi* yang pada merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang berinovasi.
9. *Tema alam sekitar dan teknologi hijau* yang merujuk pada keupayaan pelajar agar menjaga dan menguruskan alam sekitar demi kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan demi kelangsungan kehidupan generasi akan datang.
10. *Tema pertanian* mendedahkan pelajar perihal pertanian seperti bercucuk tanam, berternak dan menangkap ikan secara tradisional dan moden demi memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang pertanian dalam kehidupan.
11. *Tema ekonomi/keusahawanan* yang merujuk perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan.

Seiring dengan usaha untuk melestarikan PKK, penggunaan puisi tradisional berbentuk pantun sewajarnya diserapkan secara formal melalui PdP BM di sekolah rendah, maka pemilihan tema berdasarkan KSSR (Semakan 2017) adalah relevan. Kajian ini telah memilih sebelas tema sesuai dengan data yang diperoleh dalam kajian.

Lanjutan daripada objektif pertama kajian, objektif kajian yang kedua adalah untuk menganalisis aspek ketidaklangsungan ekspresi dan HIP dalam PKK. Melalui Teori SR, PKK dapat dijelaskan maknanya melalui kemampuan melihat penyatuan bahasa pantun yang mendukung makna tersurat dan tersirat. Fokus diberikan terhadap dua aspek pemaknaan yang terbina dalam Teori SR iaitu pertama; aspek ketidaklangsungan ekspresi dan kedua; aspek HIP. Kedua-dua aspek pemaknaan tersebut akan diperincikan dalam perbincangan berkaitan metodologi kajian.

Akhirnya, objektif yang ketiga kajian ini adalah menilai gabungan aspek PHEU dan PHER untuk memahami makna PKK. Secara umumnya, PHEU merupakan langkah untuk menemukan makna melalui pengkajian struktur bahasa dengan mengintrepetasikan PKK secara referensi kepada tanda linguistik. Manakala, pembacaan tingkat kedua iaitu PHER merupakan kesinambungan dari PHEU yang melibatkan banyak kod di luar bahasa serta menggabungkannya secara integratif sehingga pembaca dapat membongkar makna keseluruhan pantun sebagai sistem tanda.

1.5 Persoalan Kajian

Tiga objektif dalam kajian ini amat penting untuk menjawab empat persoalan kajian.

Berikut ialah persoalan kajian:

1. Apakah unsur MAT, MOD dan VAR yang wujud dalam PKK ?
2. Apakah tema-tema yang wujud dalam PKK ?
3. Bagaimanakah aspek ketidaklangsungan ekspresi, HIP, PHEU dan PHER dapat menjelaskan makna PKK ?

1.6 Skop/Limitasi kajian

Kajian ini meneliti makna dalam PKK dari sudut semiotik. Analisis semiotik ini adalah analisis pantun Melayu melalui tahap-tahap pencarian makna melalui tanda-tanda untuk memahami makna yang terkandung dalam pantun. Kajian ini dibataskan pada pantun Melayu untuk kanak-kanak yang dihimpunkan dalam satu teks bertulis yang berjudul Koleksi Pantun untuk Kanak-Kanak (seterusnya KPKK (2011) oleh Mohamad Nazel Hisham terbitan PTS Professional Kuala Lumpur digunakan sebagai bahan kajian ini. Analisis teks dalam kajian ini dibataskan kepada tahap-tahap pemaknaan mengikut empat aspek pemaknaan yang digagaskan dalam teori SR digunakan sebagai teori kajian sesuai dengan objektif dalam kajian. Tahap-tahap pemaknaan tersebut adalah;

1. Klasifikasi tema KSSR dalam PKK menggunakan unsur MAT, MOD dan VAR.
2. Makna PKK berdasarkan teori SR yang dilakukan dengan meneliti tiga aspek pemaknaan;
 - a. Ketidaklangsungan ekspresi
 - b. HIP
 - c. PHEU dan PHER

1.7 Bahan Kajian

Hakikatnya kajian yang meneliti makna dan semiotik mengkhususkan teks atau genre berbentuk pantun untuk kanak-kanak masih kurang dilakukan berbanding penelitian makna dan semiotik berkaitan teks atau genre pantun Melayu. Kenyataan ini dikemukakan oleh Sohaimi Abdul Aziz di Persidangan anjuran Sekretariat Pengajian Sastera dan Bahasa Melayu Universiti-universiti Malaysia (SPESBAM) di Universiti Sains Malaysia (USM) (Berita Harian, 14 April 2011) bahawa walaupun sastera kanak-kanak di negara ini berkembang pesat daripada segi jumlah judul buku yang diterbitkan

sejak 1970-an, tetapi kepesatannya tidak seimbang sebagai satu bidang pengajian atau disiplin akademik yang masih belum bercambah di Malaysia. Oleh itu, penelitian terhadap semiotik dalam teks atau genre pantun Melayu dijadikan asas dalam menentukan pemilihan genre untuk meneliti semiotik dalam PKK.

Aspek penelitian yang berbeza menyebabkan bahan kajian yang dipilih atau dibina juga berbeza-beza. Kajian ini meneliti semiotik dengan memilih teks atau genre puisi tradisional berbentuk pantun jenis PKK di dalamnya. Selain aspek genre, pemilihan teks juga bergantung kepada aspek linguistik yang ingin diteliti, iaitu tujuan kajian dijalankan. Kriteria pemilihan sesuatu teks untuk dijadikan bahan kajian terbahagi kepada dua, iaitu kriteria luaran dan dalaman. Sinclair (1991, p. 2) menjelaskan bahawa kriteria luaran teks melibatkan situasi, iaitu genre atau laras sesuatu teks, manakala kriteria dalaman teks melibatkan taburan ciri-ciri linguistik.

Dari aspek luaran teks iaitu genre, Teks KPKK (2011) mengandungi 315 pantun khusus untuk golongan kanak-kanak yang didokumentasikan dalam bentuk tulisan. Pantun yang dihasilkan masih mengekalkan sifat keaslian dan keindahan pantun melalui pemilihan kata yang baru dan lama. Selain itu, tema yang diketengahkan dalam pantun adalah seimbang iaitu tema yang berlatarkan budaya dan nilai masyarakat Melayu lama dan moden. Di samping itu, teks KPKK (2011) juga penuh dengan ilustrasi comel dan sesuai untuk membantu kanak-kanak belajar membaca dan memahami pantun. Hal-hal ini mewajarkan teks KPKK (2011) dipilih sebagai bahan kajian dalam meneliti semiotik dalam PKK.

Dari segi pemilihan PKK sebagai genre, puisi tradisional Melayu berbentuk pantun telah muncul sebelum bermulanya sistem tulisan lagi. Menurut Abdul Halim Ali (2004, p. 2), puisi bukan sahaja sebatik dalam jiwa masyarakat sebagai satu hasil seni, malah merupakan satu bentuk wadah pemeliharaan adat, pembina sahsiah diri, pengajar agama dan ilmu pengasih, pertahanan, hiburan, dan juga kepercayaan. Perkataan-

perkataan yang terdapat dalam pantun melambangkan cara pemikiran penutur yang luas. Kajian Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dalam Noor Hasnoor (2017, p. 11) membuktikan bahawa pengarang pantun Melayu memiliki bakat daya cipta dan pantun adalah cerminan atau refleksi nyata masyarakat Melayu yang terakam menerusi bahasa.

Sebagaimana sastera tradisional kanak-kanak yang lain seperti syair, gurindam, seloka, nyanyian rakyat dan lain-lain lagi, pantun juga merupakan sastera yang mempunyai unsur tersurat dan tersirat kerana tidak semua lambang yang tersurat memberi erti yang tersurat, akan wujud makna-makna simbolik di sebalik kata-kata yang diungkapkan dalam pantun. Menurut Arba'ie (2008, p. 5), sastera tidak terhasil dengan kekosongan. Sastera terhasil atas dorongan tertentu menggunakan sumber-sumber yang terdapat di persekitaran. Justeru itu, pantun Melayu yang mempunyai nilai estetika perlu terus digarap, dipulihara dan dimurnikan dari semasa ke semasa agar terus diwarisi khususnya oleh golongan kanak-kanak yang berperanan sebagai menyambung warisan akan datang seiring dengan peranan pantun sebagai pemelihara bahasa, penjaga fungsi kata dan berkemampuan menjaga alur berfikir. (Agni, 2009, p. 7)

Dari aspek dalaman teks pula pemilihan KPKK (2011) sebagai bahan kajian adalah kerana sifatnya yang lebih komprehensif berbanding dengan teks PKK yang lain. Hakikatnya, teks karya sastera kanak-kanak khususnya yang menghimpunkan pantun empat kerat untuk kanak-kanak dan masih mengekalkan keaslian pantun Melayu amat terhad. Isu yang diketengahkan oleh Sohaimi Abdul Aziz (2011, p. 30) dikukuhkan lagi oleh kajian Azizah Hamdan dan Md Sidin Ahmad Ishak (2004, p. 22) yang menyatakan sepanjang tahun 1999, buku-buku berbentuk nonfiksyen yang terdiri daripada buku pelajaran, buku teks, buku agama, kamus dan buku ilustrasi merupakan buku yang paling banyak diterbitkan iaitu 82% daripada jumlah keseluruhan terbitan buku kanak-kanak pada tahun berkenaan. Selebihnya ialah buku-buku fiksyen serta komik. Pada tahun tersebut, sebanyak 2,414 judul buku kanak-kanak yang diterbitkan merupakan

buku pelajaran. Data ini menunjukkan bahawa kategori buku berkenaan menguasai 77% terbitan buku kanak-kanak di Malaysia, sebaliknya karya sastera kanak-kanak kurang diterbitkan.


Sasterawan Negara (SN) Ke-12, Baharuddin Zainal (2011, p. 30) juga mengemukakan isu ketandusan karya sastera kanak-kanak. Menurut beliau sastera kanak-kanak tidak diberikan perhatian dan sering dilupakan kerana kesibukan kita terhadap sastera dewasa. Menurut beliau juga pasaran di Malaysia kurang menyebelahi industri buku sastera kanak-kanak berbanding negara luar. Naskah sastera kanak-kanak juga terpaksa bersaing dengan jumlah pembaca yang sudah berpesah-pecah iaitu pembaca karya bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Tamil dan bahasa Tionghua. Faktor-faktor ini menjadikan pasaran industri buku sastera kanak-kanak menjadi kecil. Justeru, berdasarkan penelitian terhadap aspek luaran dan dalaman yang terkandung dalam KPKK (2011), maka pemilihan teks ini sebagai bahan kajian adalah relevan sesuai dengan objektif dan teori yang digunakan dalam kajian.

1.8 Kerangka Kajian

Konsep adalah satu kognitif unit makna yang menggambarkan sebuah idea abstrak atau simbol mental. Menurut Woodruff (dalam Amin, 1987, p. 42), konsep adalah suatu gagasan atau idea yang relatif sempurna dan bermakna, suatu pengertian tentang suatu objek, produk subjektif yang berasal dari cara seseorang membuat pengertian terhadap objek-objek atau benda-benda melalui pengalamannya. Secara konkrit, konsep merupakan suatu gambaran mental dari beberapa objek atau kejadian yang sesungguhnya dan secara abstrak pula, konsep merupakan sintesis sejumlah kesimpulan yang telah dibentuk dari pengalaman melalui objek atau kejadian tertentu. Teori atau pendekatan adalah sistem abstrak dari sebuah konsep dengan indikasi hubungan diantara konsep-konsep tersebut yang dapat membantu kita memahami sebuah

fenomena. Menurut William Doherty (1993, p. 20), teori adalah proses sistematik dalam merumuskan dan mengorganisasi idea sehingga menjadi sebuah fenomena tertentu yang dapat difahami.

Berfokuskan objektif dan persoalan kajian, kerangka kajian dibina bertunjangkan Teori SR yang mengagaskan empat aspek pemaknaan sebagai acuan untuk menterjemahkan makna dan semiotik dalam PKK. Kerangka kajian digambarkan dalam gambar rajah 1.1



Gambar Rajah 1.1: Kerangka Kajian

Bersumberkan Rajah 1.1, kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang memilih PKK sebagai bahan kajian. Secara keseluruhannya, bahan analisis dipetik dari teks berjudul KPKK, hasil karya Mohamad Nazel Hisham terbitan PTS Professional pada tahun 2011. Teks ini memuatkan 315 rangkap pantun empat kerat yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak. Objektif utama kajian

ini adalah untuk menganalisis makna dari aspek semiotik dalam PKK dengan mengaplikasikan teori yang dipilih iaitu Teori SR sebagai alat untuk menjawab persoalan yang diteliti dalam kajian. Teori SR difikirkan sesuai dan relevan untuk menganalisis semiotik dalam PKK berdasarkan latar belakang teori yang kukuh, ruang lingkup serta ciri yang terdapat dalam teori tersebut yang dilihat bersesuaian untuk dijadikan alat bagi menganalisis PKK.

Teori SR digunakan untuk menganalisis makna PKK berfokuskan pada empat aspek pemaknaan yang disarankan;

1. MAT, MOD dan VAR
2. Ketidaklangsungan Ekspresi
3. PHEU dan PHER
4. HIP

Bagi mengklasifikasi tema dalam PKK, analisis dibuat melalui proses mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR yang wujud dalam pantun. Unsur-unsur ini berfungsi seperti penunjuk arah untuk memperoleh tema yang didukung oleh setiap rangkap pantun. Pemilihan dan pengklasifikasian tema dalam PKK dibuat berdasarkan sebelas cakupan tema yang telah disediakan dalam KSSR (Semakan 2017).

Berikutnya, analisis semiotik dalam PKK melalui penelitian terhadap aspek ketidaklangsungan ekspresi dan aspek HIP dalam PKK. Huraian analisis menjelaskan tentang kewujudan aspek tersebut dalam PKK dan menghuraikan langkah pemaknaan PKK berdasarkan pengertian konsep dan konteks aspek ketidaklangsungan ekspresi dan aspek HIP dalam Teori SR. Seterusnya, pantun dalam kajian ini dianalisis menggunakan aplikasi PHEU dan PHER. Dua tingkat pembacaan ini perlu dilaksanakan secara berturutan untuk memperoleh makna pantun dengan jelas dan tepat. Aplikasi PHEU dan

PHER dalam PKK boleh dijadikan alternatif kepada golongan yang belajar dan mengajar pantun sekaligus membantu mengatasi kesukaran dalam memahami makna dalam PKK.

1.9 Metodologi Kajian

Kajian memerlukan metodologi sebagai cara memperoleh dapatan. Metodologi yang digunakan pula memerlukan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti. Metodologi dalam bab ini merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian atau tatacara mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Secara umum, kajian ini menggabungkan dua bentuk asas kajian bagi menghasilkan dapatan yang lebih berkualiti. Bentuk kajian yang dimaksudkan ialah kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian analisis teks (*text analysis*). Kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpul dan memperoleh maklumat dari pelbagai jenis bahan rujukan berkaitan data kajian (pantun) dan teori kajian. Gabungan kedua-dua bentuk kajian ini amat sesuai dengan kaedah kajian masa kini yang mementingkan kedua-dua elemen tersebut.

Penyelidikan atau kajian adalah sebagai satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis data yang dilakukan secara sistematik dan cekap untuk memecahkan sesuatu persoalan. Dengan itu, tujuan menjalankan kajian ialah untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan suatu langkah ilmiah yang sistematik dan saintifik (Azhar, 2006, p. 139). Ahmad Mahdzan Ayob (1983, p. 44) menetapkan kaedah kajian sebagai segala langkah atau prosedur untuk mencapai segala objektif yang mana aktiviti kajiannya sudah tentu dijalankan mengikut kaedah sains. Justeru mana-mana kajian memerlukan metodologi sebagai cara memperoleh dapatan. Metodologi yang digunakan pula memerlukan kaedah yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti.

1.9.1 Kaedah Pemerolehan Data

Kepustakaan

Kajian perpustakaan dijalankan bukan hanya untuk mencari sumber data sekunder yang akan mendukung, malah membantu pengkaji untuk mengetahui tahap perkembangan ilmu yang berhubungan dengan kajian. Menurut Prastowo (2012, p. 81), kajian perpustakaan bertujuan mengumpulkan data dan informasi ilmiah, berupa teori-teori, metode, atau pendekatan yang pernah berkembang dan telah didokumentasikan dalam bentuk buku, jurnal, naskah, catatan, rakaman sejarah, dokumen-dokumen, dan lain-lain yang terdapat di perpustakaan. Dalam kajian ini, pengkaji merujuk dan mengumpul data berkaitan teori yang dipilih iaitu teori SR serta informasi ilmiah yang membincangkan tentang pantun melayu.

Analisis tematik

Analisis data dalam penelitian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif dengan teknik analisis tematik. Menurut Boyatzis (1998, p. 16) analisis tematik adalah “*a method for identifying, analysing and reporting patterns (themes) within data. And further than this, and interprets various aspects of the research topic*”. Pernyataan tersebut bermaksud tematik analisis adalah suatu metode untuk mengidentifikasi, menganalisis dan melaporkan pola-pola (tema) yang terdapat pada data, dan seterusnya dapat menginterpretasi aspek beragam dari topik kajian. Manakala menurut Daly, Kellehear dan Gliksman dalam Fereday & Cochane (2006, p. 3) analisis tematik adalah sebuah pencarian tema-tema yang muncul dan menjadi penting untuk sebuah gambaran dari fenomena. Teknik analisis tematik mampu untuk memberikan sedikit gambaran dari data keseluruhan dan analisis data yang lebih terperinci. (Boyatzis, 1998, p. 37)

1.9.2 Kaedah Penganalisan Data

Dalam menganalisis teks, pengkaji menggunakan beberapa kaedah analisis untuk meneliti dan menghuraikan hasil kajian. Kajian menggunakan kaedah mengklasifikasi PKK mengikut tema KSSR melalui kaedah mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK. Analisis secara mengklasifikasi tema berdasarkan KSSR (Semakan 2017) dan mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR yang digagaskan dalam Teori SR ini boleh memberikan gambaran secara keseluruhan tentang ‘cerita utama’ yang ingin disampaikan sekaligus mengurangkan tahap kesukaran untuk memahami makna PKK. Bagi menjelaskan tentang makna semiotik dalam PKK secara lebih mendalam, kajian ini turut menggunakan kaedah analisis makna. Analisis makna PKK dibuat melalui dua aspek pemaknaan dalam Teori SR iaitu pertama; aspek ketidaklangsungan ekspresi dan kedua; aspek HIP. Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah analisis konteks untuk menganalisis keupayaan dan ciri kepelbagaian fungsi dalam Teori SR melalui aplikasi aspek dua tingkat pembacaan. Analisis konteks ini digunakan untuk menghuraikan secara terperinci tentang pengaplikasian PHEU dan PHER dalam PKK. Secara keseluruhan, kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kajian yang bersifat kualitatif. Pengkaji menetapkan pemilihan ini berasaskan kepada tajuk dan persoalan kajian ini yang lebih memerlukan kepada bentuk pendekatan yang sedemikian.

1.10 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi salah satu cara untuk melestarikan pantun Melayu, khususnya PKK. Penelitian terhadap aspek makna dari aspek semiotik dalam PKK diharapkan dapat memberi sumbangan dalam bidang sastera, khususnya berkaitan pemahaman mengenai makna PKK. Penghuraian makna dalam PKK daripada perspektif Teori SR yang menekankan aspek ketidaklangsungan ekspresi, latar belakang intelektual dan aplikasi PHEU dan PHER diharap dapat menzahirkan makna di sebalik

PKK. Kajian ini juga diharapkan dapat memperkaya hasil penelitian dalam bidang semiotik yang merentas bidang ilmu linguistik sehingga dapat dimanfaatkan sebagai bahan pertimbangan bagi penelitian selanjutnya baik di bidang semiotik secara khusus mahupun bidang ilmu lain secara umum.

1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional yang berikut bertujuan menjelaskan konsep dan istilah penting sebagai rujukan pelaksanaan kajian ini terutama bagi kajian tinjauan. Sebagai tambahan, beberapa istilah dan konsep berkaitan kajian kualitatif juga disertakan setelah kajian dilaksanakan dan dilaporkan dalam BAB 1 hingga BAB 7.

1. *Puisi tradisional* merujuk susunan perkataan dalam bentuk karangan berangkap atau suatu bentuk pengucapan dalam susunan yang istimewa berbanding dengan pengucapan biasa seperti yang digunakan dalam pertuturan seharian. Puisi lisan ini masih mengekalkan bentuk, pemikiran dan fungsi Melayu tradisional dalam kesenian rakyat. Puisi tradisional terbahagi kepada beberapa jenis, antaranya ialah pantun, syair, gurindam dan seloka. Berfokus pada kajian, pengkaji hanya membincangkan secara lebih terperinci tentang PKK.
2. *Tema* merujuk cakupan tema-tema yang perlu diberi penekanan dalam PdP mata pelajaran BM di sekolah rendah dirujuk daripada KSSR (Semakan 2017) yang dilaksanakan melalui DSKPBM untuk menyampaikan pengetahuan serta membina kefahaman tentang kehidupan dan alam sekeliling pelajar melalui kemahiran bahasa, iaitu, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, seni bahasa dan tatabahasa melalui tema-tema yang dicadangkan. Tema-tema ini dapat menambahkan pengetahuan dan

kefahaman, memupuk kesedaran, membina jati diri, menghargai warisan dan mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri pelajar. Sebelas tema yang perlu diberi penekanan adalah tema kekeluargaan, tema kemasyarakatan, tema kesihatan dan kebersihan, tema keselamatan, tema perpaduan, tema kebudayaan, kesenian dan estetika, tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan, tema sains, teknologi dan inovasi, tema alam sekitar dan teknologi hijau, tema pertanian dan tema ekonomi/keusahawanan.

3. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017)* merujuk kurikulum kebangsaan yang digunakan oleh semua sekolah rendah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 18 di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) adalah menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (DSKPBM). Berfokus pada kajian, pengkaji hanya membincangkan secara lebih terperinci tentang strategi pengajaran dan pembelajaran BM (Pendekatan Tematik).

1.12 Pembahagian Bab

Kajian ini terbahagi kepada tujuh bab utama. *Bab 1* menghuraikan bidang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop/limitasi kajian, bahan kajian, kerangka kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, konsep-konsep penting yang digunakan dalam kajian dan seterusnya pembahagian bab dalam kajian.

Bab 2 pula membincangkan beberapa sorotan kajian daripada dalam dan luar negara. Perbincangan dalam bab ini dimulakan dengan menyorot kajian-kajian lalu berkenaan semiotik dan makna dalam pantun Melayu. Bab ini seterusnya dilengkapi

dengan menyorot beberapa kajian berkaitan pantun Melayu secara umum. Kemudian, perbincangan dikembangkan berdasarkan kajian-kajian lalu berkaitan pantun kanak-kanak secara khususnya. Keseluruhan bahan perbincangan dalam bab ini diperoleh daripada buku, jurnal, dokumen (laporan, prosiding), tesis dan kajian-kajian lepas.

Bab 3 menghuraikan kaedah pengumpulan data serta cara penganalisan data yang digunakan secara menyeluruh. Perbincangan dimulakan dengan menghuraikan kerangka teoretis, konsep dan teori kajian, metodologi kajian, kaedah pengumpulan data dan seterusnya hipotesis kajian yang digunakan dalam kajian.

Bab 4 menghuraikan tentang hasil analisis mengklasifikasi tema KSSR berdasarkan unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK. Kepentingan Bab 4 adalah sebagai asas kepada huraian makna dalam analisis Bab 5 dan Bab 6 yang menggunakan Teori SR.

Bab 5 menghuraikan dua aspek pemaknaan dalam Teori SR untuk menganalisis makna dalam PKK. Perbincangan dimulakan dengan analisis makna menggunakan aspek ketidaklangsungan ekspresi dalam PKK. Seterusnya huraian dikembangkan melalui proses mengenal pasti aspek HIP untuk memberikan latar intertekstual tentang PKK. Analisis ini penting untuk memberikan gambaran yang lebih luas bagi menganalisis makna keseluruhan PKK.

Bab 6 menghuraikan secara lengkap berkaitan analisis makna PKK melalui penggabungan dua tingkat pembacaan iaitu PHEU dan PHER. PHEU merupakan langkah untuk menemukan makna melalui pengkajian struktur bahasa dengan mengintrepetasikan PKK secara referensi kepada tanda linguistik. Manakala,

pembacaan tingkat kedua iaitu PHER merupakan kesinambungan dari PHEU yang melibatkan banyak kod di luar bahasa serta menggabungkannya secara integratif sehingga pembaca dapat membongkar makna keseluruhan pantun sebagai sistem tanda.

Bab terakhir, iaitu *Bab 7* merumuskan tentang keseluruhan hasil analisis kajian dalam tiga bahagian. Bahagian pertama membincang dan merumuskan dapatan kajian berkaitan analisis makna dari perspektif SR dalam PKK. Bahagian kedua, pengkaji menggariskan implikasi dapatan kajian terhadap nilai apresiasi pantun dan kelestarian pantun dalam golongan kanak-kanak. Seterusnya di bahagian ketiga, pengkaji membincangkan tentang cadangan kajian akan datang untuk membangunkan modul PdP PKK menggunakan aplikasi PHEU dan PHER yang merupakan salah satu aspek dalam pendekatan SR. Modul tersebut juga boleh dijadikan wadah untuk golongan novis dalam mempelajari seni khazanah Melayu iaitu pantun.

1.13 Rumusan

Secara ringkas, melalui bab ini, pengkaji telah menghuraikan latar belakang kajian, permasalahan kajian, bidang kajian, bahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, skop/limitasi kajian, konsep-konsep penting yang digunakan dalam kajian dan seterusnya penerangan secara umum tentang pembahagian bab dalam kajian. Bab ini dijadikan garis panduan bagi penulisan bab-bab seterusnya.

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh sarjana dalam dan luar negara berkaitan bidang kajian iaitu makna dan semiotik yang berfokuskan bahan kajian iaitu pantun khususnya PKK. Perbincangan ini melibatkan kajian awal yang telah dilakukan, penulisan buku, kajian akademik dan pandangan sarjana berkaitan pendekatan makna dan semiotik. Kemudian perbincangan tentang kajian lepas mengenai bahan kajian ini, iaitu pantun Melayu secara umumnya dan PKK secara khususnya. Perbincangan kajian literatur ini hanya mengambil kajian-kajian yang relevan dan berkaitan dengan kajian yang dilakukan sahaja.

2.2 Sorotan Kajian Makna dan Semiotik Dalam Pantun

Dalam perbincangan ini, pengkaji menyorot beberapa kajian terdahulu yang boleh memberikan gambaran berkaitan pendekatan yang digunakan dalam kajian. Hal ini perlu kerana melalui pembacaan dan pemahaman yang mendalam berkaitan makna dan semiotik, kajian ini dapat dilakukan dengan lancar. Berikutnya dibincangkan kajian-kajian terdahulu berkaitan semantik dan semiotik dalam pantun Melayu.

Kajian bertajuk 'Kesusasteraan Daripada Persepektif Semiotik' (1990) yang diselenggara oleh Supardy Muradi. Buku terbitan Dewan Bahasa dan Pusaka (DBP) ini memuatkan enam hasil kajian yang dibentangkan dalam 'Seminar Sehari Mengenai Semiotik' yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM). Kajian yang pertama bertajuk 'Semiotik dan Prosa: Satu Tanggapan' oleh Supardy Muradi (1999, p. 1-15) membincangkan tentang kepentingan teori-teori pembacaan karya bagi mempertingkatkan lagi kepuasan menikmati karya sastera. Teori-teori (dari luar) ini

perlu diregukan dengan karya-karya tempatan untuk melihat sejauh mana signifikan dan relevannya teori-teori tersebut untuk diaplikasikan dengan karya tempatan. Justeru, penulis juga menyarankan agar golongan pengguna teori-teori tersebut perlu menguasai secara mendalam tentang teori yang dipilih kerana hasil kajian (perbahasan dan penggunaannya) adalah jawapan yang akan menentukan nasib sama ada teori-teori tersebut diterima atau ditolak. Semiotik sebagai teori membaca dan menilai karya tidaklah begitu sempit keupayaannya. Semiotik boleh disalurkan dalam multidisiplin ilmu seperti semiotik dalam ilmu kebudayaan (Lucid, 1977, p. 15). Pemilihan semiotik sebagai model pembacaan prosa berupaya menyelesaikan masalah tafsiran dan proses pemberian makna kepada karya sastera. Karya-karya juga boleh dinilai dengan adil, saksama dan penuh dengan tanggungjawab. Memilih teori semiotik sebagai alat untuk mengkaji karya sastera juga berupaya untuk mengembalikan peranan bahasa di dalam teks. Walaupun kajian ini membincangkan tentang kewibawaan teori Semiotik dalam menyelesaikan masalah tafsiran dan proses pemaknaan kepada karya sastera, namun kajian ini hanya mendalami aspek sastera sebagai fokus kajian berbanding aspek bahasa dalam karya sastera. Walau bagaimanapun, kajian ini masih relevan sebagai rujukan untuk melihat justifikasi dalam pemilihan Teori SR yang diregukan dengan karya tempatan iaitu pantun Melayu demi kelestarian dan kewibawaannya sebagai alat untuk mengkaji karya sastera juga berupaya untuk mengembalikan peranan aspek bahasa di dalam teks.

Seterusnya, kajian oleh Wong Soak Koon (1990, p. 16-27) yang bertajuk 'Semiotik dan Puisi' yang membincangkan tentang analisis semiotik berasaskan rumusan bahawa '*poetic discourse seems to have its own imperative truth*'. Dalam erti kata lain, *puisi menyentuh tentang sesuatu tetapi makna yang tersirat membawa kepada kebenaran yang menjadi hak puisi tersebut*. Penulis mengulas tentang tiga cara penyimpangan semantik di dalam penulisan puisi dengan merujuk kajian bertajuk

Semiotics of Poetry oleh Micheal Riffaterre (1978, p. 2). Tiga cara tersebut adalah penggantian (*displacing*) erti iaitu bila makna sesuatu tanda ditukarkan kepada makna yang lain. Seperti berlaku terhadap metafora. Penyimpangan (*distorting*) erti iaitu bila kontradiksi, keaburan dan paradoks berlaku dan penciptaan (*creating*) erti yang melibatkan ritma dan simetri iaitu bila kawalan ruang teks itu juga merupakan prinsip organisasi makna. Dengan cara ini tanda yang biasanya tidak penting bertukar menjadi tanda yang boleh memberikan signifikan. Wong Soak Koon (1990, p. 19) memberikan contoh sajak Ezra Pound yang bertajuk “*In a Station of the Metro*”,

‘the apparition of these faces in the crowd: Petals on a wet black bough’

Baris sajak ini boleh menimbulkan persoalan: Apakah wajah-wajah manusia boleh disamakan dengan ranggi-ranggi dan kelopak-kelopak bunga ? Sajak ini jelas membuktikan bahawa tafsiran dan analisis puisi perlu mengatasi makna literal sehingga mencapai tahap yang signifikan. Kajian ini menggunakan Teori SR sebagai alat kajian namun hanya mengaplikasi satu daripada empat aspek pemaknaan dalam Teori SR iaitu aspek pengekspresasian tidak langsung dalam puisi. Kajian ini juga hanya menyentuh tentang aspek sastera tanpa membincangkan aspek bahasa dalam puisi. Justeru, kajian ini masih memperlihatkan kelompangan dari segi penggunaan pengisian Teori SR (aspek pemaknaan) secara optimum dalam mengkaji makna puisi.

Umar Junus (1990, p. 28-43) dalam kajiannya yang bertajuk ‘Semiotik dan Kesusasteraan’ membincangkan tentang pelbagai batasan yang mengongkong kehidupan semiotik. Kajian ini memperlihatkan suatu fenomena pemakaian bahasa dalam suatu karya sastera adalah suatu yang total, yang melibatkan segala yang berhubungan dengan bahasa. Dari aspek kognitif yang biasanya dikaitkan dengan kata hinggalah ke aspek bunyi dan tulisan kata itu sendiri. Menurut Umar Junus (1990, p. 35) pembicaraan ini hanya berhasil memperlihatkan bahawa keseluruhan pemakaian bahasa

dalam karya sastera merupakan suatu sistem semiotik yang jauh lebih luas ruang lingkungannya berbanding dengan sistem semiotik yang tidak dapat melepaskan diri daripada linguistik sehingga mengikatkan diri kepada sistem kognitif. Umar Junus (1990, p. 30) memberikan contoh perbezaan antara kedua-dua penulisan seperti berikut:

- A. *Teriak riuh redam terbelam dalam gegap-gempita guruh,
Kilau kilat membelah gelap, lidah api menjulang tinggi.*
- B. *Teriak riuh redam terbelam,
Dalam gegap gempita guruh,
Kilau kilat membelah gelap,
Lidah api menjulang tinggi.*

Menurut beliau lagi, catatan A dan B bukan hanya realisasi yang berbeza bentuk daripada konsep yang terdiri daripada kata-kata. Malah, kedua-duanya mempunyai hubungan yang lain daripada hanya hubungan yang arbitari dengan konsep yang ingin disampaikan kerana setiap cara pengucapan akan memberikan kemungkinan makna tertentu. Justeru, kajian ini menyarankan tentang kepentingan wujudnya integrasi unsur non-verbal dalam pembicaraan tersebut. Dengan cara itu, suatu karya sastera akan lebih difahami dan karya tersebut dapat memberikan makna dan informasi yang lebih dan seterusnya boleh mempamerkan unsur dinamik yang ada pada karya sastera. Kajian ini memperlihatkan hubungan antara semiotik dan linguistik serta kepentingan unsur non-verbal dalam karya sastera sebagai pemberi impak terhadap tahap pemahaman dan memberi makna karya sastera. Namun, kajian ini hanya membincangkan aspek sastera sebagai fokus kajian tanpa mendalami aspek bahasa dalam karya sastera.

Kajian seterusnya membincangkan tentang peranan pantun sebagai perakam norma sekaligus menjelaskan bahawa pantun terbukti merupakan tempat rujukan bagi perlakuan berpiawai dalam masyarakat Melayu. Menurut Mohd Taib Osman (1996, p. 2), pantun bukan hanya berperanan sebagai alat komunikasi dalam konteks sosialnya, tetapi juga merupakan artifak budaya. Perkaitan pantun dengan kehidupan masyarakat Melayu adalah terlalu rapat, bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan pantun dengan

masyarakat Melayu bagai isi dengan kuku. Justeru, daripada aspek semantik, pantun menyediakan dimensi semantik yang terlalu jelas dan boleh memberikan pemahaman yang unggul mengenai kehidupan masyarakat Melayu lampau. Kesimpulannya, kajian ini meletakkan pantun sebagai artifak budaya yang berupaya untuk memberi kepelbagaian dimensi semantik yang jelas bagi memahami corak kehidupan masyarakat Melayu lampau. Walaubagaimanapun, kajian ini tidak mendalami aspek bahasa mahupun aspek sastera sebagai fokus kajian dalam pantun Melayu.

Abdullah Hassan (1990, p. 44-51) dalam kajian bertajuk 'Semiotik dan Bahasa' membincangkan tentang suatu hasil karya sastera yang sekali imbas menunjukkan bahawa hasil sastera terdiri daripada unsur bahasa berstruktur, boleh dipecahkan, diperhalusi dan difahami keseluruhan unsur dan hubungan yang berfungsi di dalam bahasa tersebut melalui pendekatan semiotik. Menurut Abdullah Hassan (1990, p. 50), kemampuan menghalusi dan memahami keseluruhan unsur dan hubungan bahasa tersebut boleh memberi bayangan tentang maksud, tema atau mesej yang tersirat di dalam teks. Kajian ini hanya menyentuh tentang kepentingan semiotik bagi membincangkan aspek bahasa dalam karya sastera. Namun kajian ini hanya menggunakan karya sastera secara umum tanpa mendalami pantun Melayu sebagai bahan kajian.

Seterusnya kajian bertajuk 'Semiotik Peirce: Penandaan dan Pemaknaan' oleh Tengku Intan Marlina Tg. Mohd. Ali dan Mohamad Shahidan (2009) yang membincangkan tentang Teori Semiotik Peirce. Teori ini bermula dengan tanggapan bahawa kehidupan manusia dipenuhi dengan tanda dan menurut Panuti Sudjiman dan Aart van Zoest dalam Tengku Intan Marlina Tg. Mohd. Ali dan Mohamad Shahidan (2009, p. 1), tanpa tanda, manusia tidak dapat berkomunikasi dan tidak dapat melakukan aktiviti kehidupan secara berkesan. Pendekatan ini mementingkan proses kemunculan tanda, jenis-jenis tanda dan bagaimana tanda tersebut dapat ditafsirkan oleh

penerima tanda. Menurut Tengku Intan Marlina Tg. Mohd Ali dan Mohamad Shahidan (2009, p. vii), teori semiotik Pierce ini dapat diaplikasikan dalam pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu kesusasteraan, kebudayaan, sejarah, muzik filem dan sebagainya. Penulisan ini juga turut memperlihatkan hasil kajian berkaitan aplikasi semiotik dalam pantun, puisi moden dan cerpen. Aplikasi semiotik dalam pantun dijalankan bertujuan untuk memperlihatkan betapa banyaknya jenis simbol yang wujud dalam sejumlah pantun yang dikaji. Simbol-simbol yang wujud digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional untuk menyampaikan makna yang tersirat tentang wanita dari segi rupa paras, tingkah laku dan kedudukannya dalam masyarakat. Kesimpulannya, kajian ini hanya membincangkan aspek sastera dalam pantun, puisi moden dan cerpen tanpa mendalami aspek bahasanya.

Dalam kajian ini Tengku Intan Marlina Tg. Mohd Ali dan Mohamad Shahidan (2009, p. 71-85) membincangkan tentang aplikasi semiotik dalam puisi-puisi moden hasil karya Suhaimi Haji Muhammad dengan memfokuskan pada simbol bunga. Hasil kajian membuktikan bunga sebagai simbol dalam puisi moden telah menyampaikan makna tersirat yang pelbagai. Seterusnya penulisan ini juga memuatkan hasil kajian berkaitan aplikasi semiotik terhadap cerpen-cerpen hasil karya Keris Mas. Tujuan kajian ini adalah untuk membuktikan bahawa tanda indeks merupakan tanda terbanyak dan terpenting dalam cerpen-cerpen Keris Mas. Justeru, mesej yang disampaikan kepada pembaca dalam cerpen-cerpen Keris Mas adalah melalui tanda indeks. Menurut Tengku Intan Marlina Tg. Ali dan Mohamad Shahidan (2009, p. 97), dalam karya sastera jenis prosa, tanda indeks merupakan tanda yang paling banyak dianalisis oleh pengkaji kerana tanda ini berkait dengan perasaan, fikiran dan tingkah laku watak dalam karya. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan peranan semiotik sebagai satu teori yang sangat penting kerana sifat kebolehgunaannya yang merentas pelbagai aspek kehidupan manusia. Namun, kajian ini hanya berfokuskan aspek sastera dalam puisi moden dan

cerpen tanpa mendalami aspek bahasa dalam puisi tradisional khususnya pantun Melayu.

Selain daripada penulisan hasil kajian berbentuk buku, kajian ini juga didukung oleh sorotan kajian berbentuk artikel dan jurnal berkaitan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji pantun yang terdahulu. Muhammad Haji Salleh (1984) dalam penulisan yang bertajuk 'Pengalaman Puisi' telah mengkaji pantun daripada aspek keindahan estetika yang meliputi irama dan metafora. Kajian ini memberikan satu cara untuk mengungkapkan irama iaitu melalui rima. Menurut Muhammad Hj Salleh (1984, p. 4), rima bukan sahaja wujud di hujung baris, tetapi juga digunakan di awal atau pertengahan baris. Kajian ini juga menyentuh tentang bentuk kiasan dalam pantun yang dilihat sebagai teknik sastera dan landasan budi bahasa. Kesimpulannya, kajian ini hanya menyentuh tentang aspek sastera sebagai fokus kajian tanpa mendalami aspek bahasa yang tidak kurang pentingnya dalam karya sastera (puisi).

Seterusnya, kajian oleh Mohamad Azmi Ab. Rahman dalam Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad (2014, p. 3) yang mengkaji simbolisme dalam pantun percintaan Melayu. Kajian ini menjelaskan tentang gaya pemikiran orang Melayu dahulu yang gemar menggunakan bahasa kiasan. Bahasa kiasan yang digunakan ini banyak diinspirasikan dengan dunia tumbuhan, unsur hidupan seperti binatang, alam bahan dan cakerawala. Kajian ini juga mendapati wujud perbezaan dari segi jumlah simbol yang digunakan berdasarkan kategori-kategori yang telah digariskan. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa keupayaan memahami simbol-simbol dalam pantun percintaan Melayu akan dapat membantu ke arah menghayati dan memahami dengan lebih mendalam tentang bahasa dan budaya orang Melayu. Secara keseluruhannya, kajian ini hanya menyentuh tentang aspek sastera sebagai fokus kajian dalam pantun percintaan Melayu tanpa mendalami aspek bahasanya.

Seterusnya kajian oleh Jais Sahok (1989, p. 145-149) yang bertajuk 'Makna Dalam Pantun Melayu' telah menghuraikan makna pantun Melayu dengan mengupas beberapa jenis pantun untuk memperlihatkan kepelbagaian maksud yang tersirat di sebalik kata-kata yang tersurat dalam pantun. Hasil kajian ini mengatakan bahawa makna pantun diteliti pada bahagian maksud atau isinya, iaitu pada dua baris akhir bagi pantun empat kerat. Beliau juga berpendapat pantun dicipta dengan tujuan untuk membawa pelbagai simbol, kiasan, ibarat dan seumpamanya sehingga banyak perkataan yang digunakan untuk mencipta pantun tidak terdapat atau tidak bersinonim dengan makna leksikal dalam kamus. Justeru, kajian ini telah membandingkan makna sesuatu perkataan yang terdapat dalam pantun iaitu antara makna kamus dengan makna yang telah ditafsirkan oleh pengkaji sendiri. Rumusannya, kajian ini hanya membincangkan aspek sastera berfokuskan makna tersirat di sebalik kata-kata yang tersurat dalam pantun empat kerat tanpa mendalami aspek bahasa dalam pantun Melayu.

Kajian yang telah dijalankan oleh Nik Safiah Karim (1996, p. 15) yang banyak berfokus kepada struktur ayat dalam pantun dalam memperkatakan unsur ayat dalam pantun beberapa aspek telah dibincangkan iaitu binaan dan pola ayat, susunan ayat songsang, ayat majmuk, ayat yang tidak lengkap dan jenis-jenis ayat. Hasil kajian menyatakan bahawa bahawa rentak dan irama pantun diperoleh melalui jumlah suku kata yang seimbang serta unsur irama, sama ada rima pada akhir setiap ayat atau rima dalaman. Kesimpulannya, kajian ini hanya membincangkan tentang aspek sistaksis dengan berfokuskan unsur ayat dalam pantun. Namun, kajian ini tidak mendalami aspek semiotik yang pada hakikatnya berperanan sangat penting sebagai wadah untuk memahami makna ayat yang terbina dalam pantun.

Selain itu, satu kajian yang bertajuk 'Penjabaran Semiotik dalam Puisi-puisi Suhaimi Hj. Muhammad' oleh Mohamad bin Shaidan (2001) juga dirujuk. Kajian ini adalah berkaitan dengan penggunaan simbol atau lambang dalam puisi dan kesannya

terhadap pendengar puisi. Menerusi kajian ini, Mohamad Shaidan (2001, p. 79) membahagikan lambang atau tanda kepada tiga kategori iaitu tanda simbol, ikon dan indeks. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa setiap tanda, ikon dan indeks dalam puisi memberikan kesan yang berbeza terhadap penerimanya. Tanda simbol meyakinkan pembaca tentang puisi, tanda indeks membolehkan penerima memperoleh ilmu pengetahuan dan dapat memperkaya wawasan dalam kehidupan dan tanda ikon pula berupaya memperlihatkan daya memikat. Secara keseluruhannya, kajian ini hanya membincangkan tentang aspek sastera berkaitan penggunaan simbol atau lambang dalam puisi tanpa mendalami aspek bahasa sebagai medium untuk memahami makna dalam puisi.

Noriza Daud (2006, p. 155) dalam kajian bertajuk 'Analisis Lambang Kata Nama Literal dalam Pantun' telah meneliti tiga komponen lambang dalam pantun iaitu kategori lambang, makna lambang dan kategori makna lambang. Fokus kajian hanya tertumpu kepada aspek yang melibatkan lambang literal kata nama dalam tema pantun agama dan kepercayaan sahaja. Pendekatan kajian yang digunakan adalah pendekatan model segitiga semiotik yang telah dipelopori oleh ahli semiotik moden Amerika iaitu Charles Sanders Peirce. Hasil kajian mendapati wujudnya kepingangan dalam skop teori yang telah diperkenalkan oleh Peirce kerana kata nama yang dikaji hanya terbatas kepada lambang-lambang yang bersifat empirikal semata-mata dan menafikan adanya persoalan-persoalan yang bersifat ontologikal. Walaupun kajian menyentuh tentang unsur makna yang melibatkan lambang literal kata nama dalam tema pantun. Namun pemilihan jenis pantun yang digunakan dalam kajian ini hanya berfokuskan pantun yang bertemakan agama dan kepercayaan sahaja tanpa menyentuh secara khusus tentang PKK.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) pula telah menghasilkan satu dapatan melalui kajian yang bertajuk 'Pemugaran Penyelidikan Untuk Pemerksaan Bahasa'. Kajian ini

telah membuka dimensi baru dalam dunia penyelidikan kerana kini bidang bahasa tidak dikaji secara bersendirian. Kajian ini telah melihat pantun dari kaca mata, perspektif, pendekatan atau teori yang baharu. Pengkaji juga telah mentafsir semula berdasarkan ilmu baharu agar penghuraian akan nampak lebih meyakinkan demi memastikan bahawa bahasa Melayu tetap relevan. Nor Hashimah Jalaluddin (2014, p. 4) membincangkan dua aspek kajian, iaitu pertama; bahasa kiasan yang menyentuh tentang pantun dan peribahasa dan kedua; dialek menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian menggunakan data lama namun telah diberi nafas baharu dengan cara mengaitkan data, teori dengan kognisi penuturnya sehingga Nor Hashimah Jalaluddin (2014, p. 4) berpendapat bahawa pantun hasil karya yang tiada penciptanya, tidak bertarih ciptaannya dan pantun telah lama wujud. Walau bagaimanapun, pengajaran dan mesej yang tertanam di dalamnya tetap relevan sehingga ke hari ini. Untuk memahami pantun ini memerlukan tafsiran mata hati yang tinggi kerana pantun bukan sahaja sebagai penghibur malah terselit ilmu dan falsafah yang tinggi di sebaliknya. Rumusnya, kajian ini membincangkan tentang penggunaan bahasa kiasan dalam pantun yang dikatakan sebagai 'data lama' dan kepentingan memahami pengajaran serta mesej yang tetap relevan untuk pembaca pantun dalam 'dunia baru'. Namun, kajian ini hanya menyentuh tentang pantun Melayu secara umum tanpa mendalami PKK secara khusus.

Seterusnya satu kajian bersama oleh Nur Afiqah Wan Mansor & Nur Hashimah Jalaluddin (2016, p. 311-334) bertajuk 'Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik', merupakan kajian semantik dan akal budi Melayu yang menyelidik mengenai deria rasa masam, masin, manis dan pahit dalam kiasan Melayu. Kajian ini menghuraikan makna implisit dan makna implisit kompleks bahasa kiasan khususnya peribahasa dan kaitannya dengan akal budi Melayu. Data kiasan Melayu dikumpul daripada tiga buah kamus iaitu Kamus Istimewa

Peribahasa Melayu, Kamus Simpulan Bahasa, Kamus Peribahasa Melayu dan dikukuhkan dengan data korpus yang diperoleh daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project (MCP)*. Kajian berbentuk kualitatif ini mengaplikasikan teori semantik dengan kaedah inkuisitif yang menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Berdasarkan pendekatan yang digunakan, kajian kiasan juga dapat membuktikan hubungan bahasa, masyarakat dan pemikiran. Walaupun kajian melihat makna implisit dan makna implisit kompleks bahasa kiasan khususnya peribahasa sebagai fokus kajian, namun tidak medalami makna dalam pantun khususnya PKK.

Satu-satunya kajian lepas yang berkait secara langsung dengan kajian yang sedang dijalankan adalah kajian yang bertajuk 'Interpretasi Pantun daripada Perspektif Semiotik' oleh Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad yang telah diterbitkan dalam *Jurnal Linguistik* (2004, p. 1-9). Kajian ini menghuraikan tentang pantun Melayu daripada perspektif semiotik. Objektif utama kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pantun Melayu dari perspektif semiotik dengan menggunakan teori pensemiotikan puisi Riffaterre. Kajian analisis teks terhadap pantun yang diambil dari buku "Kurik Kundi Merah Saga". Contoh analisis dalam kajian tersebut adalah:

*Pukul gambang kampung Cik Tahir,
Bunyinya sampai ke Pulau Jerjak;
Umpamanya kiambang di atas air,
Daunnya hijau akarnya tak jejak.*

Sumber: Kurik Kundi Merah Saga (1984, p. 161)

Pantun peribahasa di atas dikaji menggunakan teori semiotik Riffaterre, iaitu melihat pantun tersebut dalam satu terokaan semiotik, tahap pertama sekali ialah membuat penelitian secara memetik. Tahap ini yang perlu dilihat ialah menemukan makna dan pembayang yang tiada kaitan dengan maksud pantun. Secara literal dua baris pembayang berkenaan menceritakan tentang *pukul gambang kampung Cik Tahir*.

Gambang bermaksud sejenis alat muzik diperbuat daripada bilah-bilah kayu atau gangsa yang panjangnya tidak serupa. (Kamus Dewan Edisi Keempat 2015, p. 428). Pada baris ketiga dan keempat di bahagian maksud menceritakan berkaitan tumbuhan kiambang sebagai tanda yang ingin dilihat dalam pantun ini. *Kiambang* seperti yang dijelaskan di atas tadi merupakan tumbuhan yang hidup di permukaan air dan akarnya tidak jejak ke bumi. *Kiambang* sering dikaitkan dengan sifat yang tidak teguh dan tidak tetap di sesuatu tempat. Dalam kajian tersebut, pengkaji mengandaikan *kiambang* adalah gadis atau wanita yang dilambangkan dengan sifat yang tidak tetap pendiriannya dan sering berubah-ubah mengikut kepada arus pergerakan air yang ada masanya pasang dan surut. Secara tersiratnya, begitu juga sifat wanita yang digambarkan mudah terjebak dengan perkara-perkara yang tidak baik jika tidak teguh imannya. Analisis ini jelas membuktikan makna di sebalik perlambangan yang digunakan mampu untuk menyampaikan mesej dan nasihat secara berkesan. Rumusannya, hasil kajian mendapati teori semiotik Riffaterre dapat mengurangkan kesukaran untuk membuat interpretasi terhadap sesuatu lambang atau unsur yang terdapat dalam suatu perkataan dan seterusnya memberikan pemahaman yang tepat berdasarkan makna pantun yang sebenar. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya membincangkan satu daripada empat aspek pemaknaan yang diperkenalkan dalam Teori SR iaitu aspek pengekspresasian tidak langsung tanpa mendalami aspek-aspek pemaknaan yang lain dan kajian ini juga hanya menggunakan pantun Melayu sebagai bahan kajian tanpa mendalami PKK.

2.3 Sorotan Kajian Pantun Melayu

Pantun adalah suatu ciptaan karya sastera Melayu yang menakjubkan. Masyarakat Melayu yang dahulunya dianggap buta huruf dan hidup dalam serba kekurangan khususnya daripada segi pencapaian akademik namun berupaya untuk menghasilkan

pantun yang bukan sahaja banyak jumlahnya tetapi tinggi kualitinya. Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1996, p. 91) menyatakan bahawa pantun lahir dan berkembang dalam masyarakat Melayu yang buta huruf dan sebagai warisan tradisi lisan, penciptaan pantun dilakukan dengan rapi sehingga dapat menghasilkan susunan kata-kata yang indah dan menarik. Nilai-nilai keindahan dalam pantun dapat dihayati oleh segenap lapisan anggota masyarakat, dan dengan itulah meletakkan pantun sebagai tradisi budaya yang dapat dianggap popular dan tahan diuji sepanjang zaman.

R. O. Winstedt dalam Johari Yahya (2015, p. 15) menyatakan bahawa bentuk pantun mula tercatat di dalam karya sastera pada abad kelima belas. Pantun pertama kali muncul dalam Sejarah Melayu dan hikayat-hikayat popular sezaman. Para pengkaji lain, termasuk A Teeuw (1984, p. 9), Mohd Taib Osman (1996, p. 1) berpendapat bahawa pantun mungkin telah dikenali lebih awal daripada sumber bertulis iaitu Sejarah Melayu dan Hikayat Raja-Raja Pasai. Pantun merupakan khazanah lisan yang telah dikenali malah mencapai kedudukan popular sebelum diabadikan dalam karya-karya bertulis.

Pantun diiktiraf sebagai sumber khazanah bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat di Alam Melayu, baik dari segi pemikiran, kesenian, maupun nilai-nilai moral dan sosialnya. Corak pemikiran orang Melayu dapat dilihat dalam pantun yang diungkap secara spontan dengan ringkas dan padat. Selain itu, pantun Melayu juga dikaji oleh sarjana yang berketurunan Cina. Mohd. Rosli Saludin (2007, p. 15) menyatakan bahawa sarjana dan penulis berketurunan Cina seperti Goh Then Chye, Liaw Yock Fang, Phoon Mun Kwong, F.L.Wong turut membantu menyebarkan kefahaman masyarakat dunia terhadap keunggulan pantun yang sudah diakui sebagai satu-satunya genre kesusasteraan Melayu yang asli, indah dan tidak lapuk ditelan zaman sentiasa mengikut rentak perubahan dengan mesejnya yang bersifat semasa.

Keistimewaan pantun telah menarik minat ramai pengkaji dari dalam dan luar negara untuk mengkajinya. Banyak kajian yang telah dilakukan terhadap pantun yang menghasilkan banyak pendapat dan pandangan tentang pantun. Di antara para pengkaji barat yang terpenting ialah R.J.Wilkinson (1907), R.O.Winstedt (1969), R. Brandsetter (1933), A.W.Hamilton (1961), Francois-Rene Daillie (1988) dan sebagainya. Sarjana tempatan yang mengkaji pantun ialah Za'ba (1965), Husein Jayadiningrat (1933), Harun Mat Piah (1989), Aripin Said (1994) dan sebagainya. Hasil kajian para sarjana dalam dan luar negara ini telah menempatkan pantun sebagai karya sastera Melayu yang memiliki keistimewaan melalui kata-kata yang terhasil dalam bentuk kesederhanaan yang padat yang dirangkai dalam kalimat-kalimat pembayang dan maksud.

Pantun merupakan puisi Melayu tradisional yang tidak diragukan sifat keasliannya. Tidak terdapat bentuk sedemikian di dalam puisi-puisi bangsa-bangsa lain secara asli, melainkan dari bangsa Melayu di kawasan Nusantara. Za'ba dalam bukunya bertajuk "Ilmu Mengarang Melayu" (1965, p. 219) mengatakan bahawa penciptaan pantun merupakan puisi tertua dan milik asal kepunyaan masyarakat Melayu. Keaslian pantun sebagai milik masyarakat Melayu turut diakui oleh pengkaji Barat, Holman dan Harmon (1986, p. 357), sebagaimana dicatatkan dalam sebuah rujukan glosari sastera yang berautoriti yang bertajuk *A Handbook to Literature*,

"Usually considered as one of the sophisticated FRENCH FORMS, the pantoum was actually taken over from the Malaysian by Victor Hugo and other French POETS."

Pantun adalah karya khazanah bangsa yang tersangat bernilai. Pantun memaparkan kehidupan masyarakat Melayu lama yang merangkumi sejarah dan budaya. Budaya berpantun sebenarnya budaya orang Melayu. Ciptaan rangkap pantun yang tidak terhitung jumlahnya dalam sastera lisan dan bertulis membuktikan bahawa masyarakat Melayu menggunakan pantun sebagai wadah merencanakan seluruh aspek

kehidupan mereka dengan nilai-nilai murni dan hasil daripada seni sastera pantun yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Dalam tradisi berpantun terkandung nilai-nilai pengajaran yang dapat digunakan sebagai pedoman kehidupan sehari-hari. Nilai pengajaran pantun boleh didapati secara tersirat mahupun yang tersurat. Hal ini dijelaskan oleh Hamidy (2005, p. 38) bahawa kesenian (sastera lisan) tidak semata-mata untuk hiburan belaka, tetapi juga untuk menyampaikan pesan-pesan agama, adat dan resam (tradisi).

Menurut ilmuan Swiss Brandsetter dan R.O Winstedt dalam Rosli Saludin (2005, p. 3), kata akar 'pantun' berasal daripada pelbagai kata akar pelbagai bahasa. Dalam bahasa Sunda, perkataan '*Pantun*' itu akarnya ialah '*tun*' yang terdapat juga dalam bahasa Pampanga '*tuntun*' yang bermakna teratur. Dalam bahasa Tagalog pula, perkataan '*tonton*' bermaksud mengucapkan sesuatu dengan susunan yang tertentu. Bahasa Bisaya mengertikan perkataan '*panton*' sebagai mendidik manakala dalam Bahasa Toba pula perkataan 'pantun' bermaksud kesopanan atau kehormatan. Berkaitan dengan itu, kata akar '*tun*' sebagaimana yang terdapat dalam pelbagai bahasa di Nusantara adalah merujuk kepada sesuatu yang teratur, yang lurus, yang bersistematik dan yang tersusun baik secara konkrit atau abstrak.

Sarjana tempatan memperjelaskan pengertian pantun sebagai pepatah atau peribahasa ada perkaitannya dengan perkataan dan pengertian yang sama dalam bahasa-bahasa Nusantara yang lain. Menurut R. Hoesein Djajadiningrat (1999, p. 207) kata *pari* bererti *basa*, *babasan*, iaitu peribahasa atau perbandingan; dan peribahasa itu dipakai bagi orang yang suka membuat perbandingan untuk mengolok-olokkan. Berkaitan itu, pantun dianggap sebagai bentuk *karma* dari kata Jawa Parik yang bererti *pari*. Ertinya disini, perkataan *pantun* bererti juga *paribisa* atau *peribahasa* dalam bahasa Melayu (Djajadiningrat dalam Harun Mat Piah, 1989, p. 107).

Puisi tradisional yang kita kenal sebagai pantun ini adalah hasil ciptaan pemantun Melayu yang paling indah serta padat dengan nilai budi dan kebenarannya. Pantun dihebatkan lagi melalui pencernaan pemikiran dengan imej dalam suasana yang dibina melalui seni kata, bentuk tersendiri yang khas mahupun dari aspek gaya persembahan bila dibandingkan dengan puisi-puisi lain yang dicipta oleh manusia di dunia ini. T.S. Alisjahbana (2004, p. 45) dalam karya yang berjudul “Puisi Lama: Pancaran Masyarakat Lama” menyatakan bahawa keindahan pantun tercapai melalui ungkapan yang bernas tetapi padat, yang mengandungi mesej yang tepat dan persis serta penuh dengan kebenaran.

Keistimewaan pantun terletak pada kesederhanaan serta kepadatan bentuk dan strukturnya. Sebait pantun memancarkan keindahan pengucapan yang merangkum ketinggian budi, keluasan serta kedalaman pemikiran yang mendukung unit-unit makna yang dapat wujud sendiri. Setiap rangkap pantun juga boleh membawa satu tema atau idea yang lengkap dan utuh. Keindahan pantun dalam mengungkapkan seribu satu macam maksud menjadi lambang ketekalan minda yang amat kreatif. Za’ba (1965, p. 218) dalam karya agung yang bertajuk “Ilmu Mengarang Melayu” menyatakan puisi khususnya pantun banyak menekankan kepada kecantikan, keindahan bahasa, metafora, pemikiran pendidikan, pengajaran dan sebagainya. Nilai-nilai keindahan dalam pantun dapat dihayati oleh segenap lapisan anggota masyarakat dan dengan itulah meletakkan pantun ini sebagai tradisi budaya yang dapat dianggap amat popular dan tahan diuji sepanjang zaman. Mengulas maksud pernyataan tersebut, terbukti bahawa pantun ditinjau dalam hubungannya dengan pertumbuhan serta perkembangan puisi Melayu lama yang mempunyai kedudukan istimewa. Walaupun pantun itu kelihatan sudah cukup tua berada dalam gelanggang budaya Melayu dalam dunia yang bersifat tradisional dan kelihatan kuno tetapi pantun yang siap sentiasa hidup dalam minda dan

jiwa masyarakat Melayu beratus-ratus tahun malahan beribu-ribu tahun dahulu tetap relevan sampai hari ini.

Pantun bangkit dan berkembang seiring dengan dunia Melayu. Pantun adalah bahasa kias yang dikatakan bahasa yang lebih berkesan menembusi deria hidup manusia Melayu dahulu. Pantun diperelok dengan penyampaian lisan yang berirama lunak dan indah. Kebijaksanaan bangsa Melayu dalam membina hubungan dan menjadikan pantun sebagai alat komunikasi penting dalam upacara-upacara membina silaturahmi seperti majlis merisik, meminang, adat istiadat perkahwinan, pembuka bicara dalam majlis adat istiadat raja dan pembesar dan sebagainya dapat menggambarkan Melayu sebagai satu bangsa unik yang mempunyai satu sistem komunikasi yang di dalamnya terungkap budaya dan seluruh adab serta peraturan masyarakat Melayu supaya dapat dikenali dan difahami oleh masyarakat atau bangsa yang lain. R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt (1961, p. 18) dalam kajian bertajuk “Pantun Melayu Singapura” menyatakan satu daripada perkara penting yang boleh membawa seseorang itu berjaya meyelidik hal ehwal orang Melayu ialah kebolehannya memahami dan menyelami pengetahuan, perasaan dan aliran fikir orang-orang Melayu melalui pantun. Seseorang itu tidak akan dapat menduga aliran fikiran orang Melayu kalau tidak memahami pantunnya. Pernyataan ini dikukuhkan lagi dengan ungkapan seorang penulis Perancis yang bernama Fauconnier yang telah memberi pengiktirafan kepada pantun sebagai satu-satunya tradisi lisan Melayu dalam buku *Pantun & Bahasa Indah: Jendela Budaya Melayu* karya Rais Yatim (2013, p. 53);

“They are probably as old as the language itself and yet still alive – a perfect mirror of the Malay world as a whole and of the Malay soul... To me they are one of the finest, cleverest, most effective and touching poetical forms in the literature of the world.”

Umumnya, pantun Melayu terbina dalam bentuk berangkap, mengandungi bahagian pembayang dan maksud. Pembayang terletak pada bahagian setengah pertama setiap rangkap pantun. Pembayang memainkan peranan untuk memberi persamaan bunyi/rima kepada maksud. Pembayang pada baris pertama hendaklah ada hubung kait dengan pembayang pada baris berikutnya dalam setiap rangkap pantun. Maksud atau isi terdapat dalam setengah bahagian kedua dalam setiap rangkap pantun. Pada bahagian inilah tersurat dan tersiratnya apa yang hendak disampaikan dalam pantun tersebut. Wan Abd Kadir Wan Yusuf, (1996, p. 32) dalam karya yang bertajuk “Pantun Motivasi Masyarakat” menjelaskan bahawa pantun memiliki dua bahagian utama, iaitu pembayang dan maksud tertaut secara intergratif sehingga tertera sebagai pengucapan yang indah. Dua bahagian itu ibarat dua struktur, luaran dan dalaman, lahir dan batin, tetapi tertaut menjadi satu, menjadi pantun.

Pada pemikiran orang Melayu makna yang terselindung, lebih canggih dan halus daripada yang jelas, maka dijadikan kesamaran ini sebagai suatu nilai estetika dan hidupnya. Inilah dasar pantun yang anggun dan kekal sehingga hari ini. Penggunaan pantun sebagai kiasan merupakan komunikasi yang baik dan positif, tetapi apabila digunakan untuk mengeji, mengejek atau mencebik, walaupun tidak langsung, sebenarnya lebih menghiris dan mendalam kesannya. Pantun digunakan untuk berkomunikasi, tetapi tidak semestinya tidak terdapat sasaran, tujuan atau matlamat yang jitu. Bentuk pantun tersusun dengan rima dan penuh bermakna. Pantun ditutur dengan penuh berdiplomasi, mengikut maksud yang hendak disampaikan. Bangsa Melayu dikatakan satu bangsa yang amat sensitif, tinggi budayanya, penuh dengan adab dan protokolnya sehingga ada peraturan yang sudah menjadi ‘kontrak sosial’ dan difahami bersama. Sifat hormat-menghormati dan berbudi pekerti yang tinggi membentuk corak atau pola komunikasi bangsa Melayu kepada berkias ibarat atau cakap beralas. Justeru, terciptalah rangkap pantun berkias yang disampaikan dengan penuh

nada lembut dan bahasa yang indah, namun mesej yang hendak disampaikan tajam menusuk umpama sembilu.

*Rotan siput rotan berlingkar,
Anak itik patah kakinya;
Taufan dan rebut gunung terbakar;
Embun setitik padam apinya.*

(Za'ba, 2008, p. 134)

Pantun klasik ini memberi erti ilmu pengetahuan yang tinggi dan cukup sifatnya akan dapat meredupkan sifat kasar atau keterlaluan dalam diri manusia. Pantun ini dicipta dengan bahasa yang indah namun amat tajam daripada segi sifat pemikirannya.

Tenas Effendy dalam kajian bertajuk Pantun Nasehat (2005) secara panjang lebar menjelaskan tentang isu keberadaan pantun dalam masa kini. Walaupun pantun terletak di kedudukan yang istimewa dalam kehidupan masyarakat Melayu silam, keberadaan pantun jelas tidak lagi seperti dulu. Jumlah penutur atau pemantun semakin berkurang kerana perhatian terhadap pantun yang semakin menipis. Tenas Effendy (2005, p. 93) juga memberikan beberapa faktor sehingga terjadinya fenomena tersebut. Faktor-faktor tersebut adalah pertama; berlakunya pelbagai perubahan dan pergeseran nilai-nilai budaya dalam kehidupan masyarakat Melayu seiring dengan peredaran zaman. Kedua; peluang untuk menampilkan dan menyampaikan pantun semakin kurang kerana kekangan waktu dan kegiatan yang terhad. Misalnya upacara-upacara adat istiadat, kegiatan berbalas pantun, aktiviti bercerita sebelum tidur, cerita daripada penglipur lara dan sebagainya. Ketiga; jumlah golongan orang tua yang hafal dan mahir berpantun semakin berkurang. Ini adalah disebabkan golongan tua sering terlupa akan pantun kerana jarang menggunakan pantun dalam kehidupan seharian. Keempat; generasi muda masih belum dan kurang berminat untuk mewarisi pantun. Hal ini berlaku kerana golongan muda belum mengenal banyak pantun dan kurang

memanfaatkan pantun dalam kehidupan seharian sehingga belum mengetahui betapa pantun mampu menyebarluaskan nilai-nilai luhur ke dalam masyarakat. Kesannya, pantun hanya dilihat sebagai alat hiburan semata-mata tanpa menyedari manfaatnya sebagai penyampai nasihat yang tinggi nilai moralnya.

Walaupun banyak rangkap pantun telah dicipta dan kesinambungannya telah diwariskan daripada satu generasi ke generasi yang lebih muda, setiap rangkap pantun Melayu tidak pernah menggunakan nama individu tertentu yang menjelaskan tentang penciptaan pantun. Itulah cerminan sifat kerendahan hati para pemikir dan pujangga Melayu yang lebih mengagungkan nilai pengajaran yang tersirat di sebalik pantun sekaligus memuliakan pantun sebagai khazanah milik bersama seluruh masyarakat Melayu. A.W. Hamilton, seorang pengumpul dan penterjemah pantun dalam Kurik Kundi Merah Saga (2006, p. xxvi) menyatakan bahawa untaian pantun Melayu tiada pengarangnya. Mungkin pernyataan ini tidak begitu tepat. Sebenarnya, pengarangnya wujud pada suatu waktu, dan kata-kata serta maknanya ialah hasil pejal daripada bakatnya. Namun, oleh sebab budaya lisan tidak biasa mencatatkan nama pengarangnya, dan budaya ini tidak perlu mementingkan hak seseorang pengarang ke atas karyanya, terutama dalam masyarakat yang berkongsi semua hal, seperti dalam sesebuah keluarga besar, maka nama pengarang karya-karya ini tidak pernah disebut atau diingat orang. Pemantun juga tidak berasaskan penting bahawa namanya diturunkan. Selepas karya dicipta, dia berasa agak puas sekiranya pantun itu terus digunakan orang.

Walau bagaimanapun pada zaman moden ini ada juga pantun baru dicipta dan penciptanya mahu namanya diiktiraf sebagai pencipta pantun tersebut. Maksudnya penulis mahu hak cipta atas pantun tersebut. Antara media yang menyiarkan pantun baharu pada masa kini ialah majalah Dewan Sastera. Selain itu ada juga pencipta pantun yang membukukan karya mereka seperti “Pantun & Bahasa Indah: Jendela Budaya

Melayu” oleh Rais Yatim (2013), “Setaman Pantun Kenangan” oleh Halim R (2006) dan “Bukit Lagi Bintang Berkarang” oleh Wan Khazim (2006). Pantun-pantun dalam buku ini ada penciptanya dan ada hak ciptanya, tidak seperti pantun lama yang menjadi milik bersama.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan pantun yang telah dibincangkan, pantun Melayu sering ditinjau berdasarkan hubungannya dengan pertumbuhan serta perkembangan puisi Melayu tradisional yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Keistimewaan pantun terletak pada kesederhanaan dan kepadatan bentuk serta strukturnya yang mampu memancarkan keindahan pengucapan sekali gus mencerminkan ketinggian budi, keluasan serta kedalaman pemikiran penciptanya. Namun, kajian berkaitan pantun Melayu perlu dilihat dari pelbagai dimensi demi keutuhan dan kelestariannya sebagai puisi Melayu tradisional yang kekal segar dalam arus kemodenan. Justeru, kajian tentang pantun Melayu perlu merentas pelbagai disiplin ilmu yang lain seperti ilmu semiotik bagi menampilkan kredibiliti serta melihat sejauh mana signifikan dan relevannya peranan pantun Melayu tradisional sebagai bahan kajian dalam multidisiplin ilmu yang lain.

2.4 Sorotan Kajian Pantun Kanak-Kanak

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, kajian dan penyelidikan yang berfokus terhadap sastera tradisional kanak-kanak khususnya PKK masih tidak begitu meluas berbanding kajian terhadap sastera kanak-kanak secara umumnya. Terdapat juga beberapa kajian lalu yang menghubungkan pembentukan jati diri seseorang individu dengan bahan bacaan khususnya bahan bacaan berbentuk sastera kanak-kanak. Setelah menghalusi fungsi dan keistimewaan pantun Melayu serta impaknya terhadap nilai dan jati diri kanak-kanak, pandangan pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan kepentingan pemilihan

bahan bacaan berbentuk sastra kanak-kanak sewajarnya dijadikan rujukan dalam kajian ini. Antaranya, kajian oleh Hadijah Rahmat (2006, p. ix) yang menyatakan bahawa bahan-bahan bacaan termasuk karya sastra adalah alat hiburan dan pendidikan yang penting khususnya untuk kanak-kanak. Malah buku sastra dapat menarik perhatian dan minat kanak-kanak kerana mereka memang mempunyai kecenderungan semula jadi terhadap unsur kreatif dan imaginatif jika dibandingkan dengan bahan bacaan lain yang biasa dan mendatar. Selain itu, kajian oleh Misran Rokimin (2001, p. 5) menyatakan bahawa sastra kanak-kanak berperanan sebagai agen pembangunan yang menjurus kepada pembangunan diri seseorang manusia itu, sama ada dari segi emosi, pemikiran atau keahsaannya. Ketiga-tiga aspek ini akan terus berkembang, yakni semakin banyak karya sastra yang dibacanya, semakin bertambah perkembangan berlaku dalam diri kanak-kanak. Justeru, golongan kanak-kanak seharusnya didedahkan dengan pelbagai bentuk bahan sastra khususnya sastra tradisi Melayu untuk menghidupkan generasi yang berminda konsentrasi dan berupaya untuk menghayati gubahan bahasa indah.

Seterusnya, kajian oleh Mohd Syukri (2001, p. 22) yang menjelaskan bahawa bahan bacaan yang berkesan adalah bahan yang mampu memberi motivasi dan buah fikiran ke arah melakukan kebaikan. Oleh yang demikian, pemilihan sesuatu bahan bacaan amat penting dalam mendapatkan ilmu yang bermanfaat bagi tujuan membentuk dan memperkasa akhlak dan jati diri kanak-kanak. Di samping itu juga, kajian oleh Nurazmi (2008, p. 56) turut menyarankan pemilihan bahan bacaan yang mengandungi unsur nilai-nilai murni dan nilai-nilai positif. Nilai-nilai murni seperti hormat menghormati, jujur dan baik hati merupakan antara kriteria yang perlu ditonjolkan bagi membentuk sahsiah dan mempengaruhi jiwa serta membentuk jati diri kanak-kanak.

Puisi tradisional kanak-kanak, khususnya pantun yang didendangkan dalam bentuk nyanyian atau irama kanak-kanak amat kurang diwarisi, dikenali dan

dinyanyikan oleh kanak-kanak ketika mereka bermain. Mereka tidak lagi didodoikan dengan pantun oleh ibu bapa atau pengasuh. Azah Aziz (2008, p. i) telah mengumpul pantun dan seloka kanak-kanak di dalam antologi berjudul *Sayang: Pantun & Seloka Kanak-kanak* menyatakan dalam khazanah sastera Melayu lama, ada banyak pantun dan seloka yang menggalakkan ahli-ahli keluarga bermain dan mengagah anak kecil. Melaluinya boleh diberikan ajaran, bimbingan dan rangsangan yang berguna kepada anak yang sedang membesar supaya ia kelak menjadi insan yang sempurna'. Menurut Azah Aziz lagi, masa dan perubahan corak hidup masyarakat telah mengikis tradisi sastera lisan dalam masyarakat dan menukarkan bentuk dan sifat hubungan antara sastera dengan kanak-kanak. Golongan kanak-kanak kini kurang berinteraksi dan mendengar pantun dalam komunikasi harian mereka. Kini tempat sastera lisan telah diambil alih oleh sastera tulisan. Justeru, demi kelangsungan pantun kanak-kanak dan fungsinya sebagai sarana pembangun karakter bangsa, pantun sangat berharga dan perlu dipertahankan kehadirannya. Pantun kanak-kanak perlu bersifat lebih kompetitif melalui peningkatan penerbitan buku pantun kanak-kanak bagi memberikan pilihan yang seimbang kepada golongan kanak-kanak dalam memilih bahan bacaan.

Pantun Melayu adalah hak milik bangsa dan tamadun Melayu. Pantun wujud dan berkembang dalam tradisi lisan dan tradisi tulisan. Antara perkara yang wajar diambil kira mengenai pantun adalah keunikan bahasanya, aspek estetika dan etikanya, nilai, pemikiran dan falsafahnya, jati diri dan pandangan serta persepsi dan akal budi. Pantun sebagai bahasa berirama berupaya menimbulkan bahasa berirama yang lunak dan mencuit hati menerusi keindahannya. Kanak-kanak yang menyanyikan pantun dalam lagu pasti seronok kerana kanak-kanak dan lagu memang tidak boleh dipisahkan. Aktiviti ini adalah asas untuk mereka melihat, mendengar, bertutur, bergembira dan meneroka anggota badan serta alam sekeliling melalui seni, muzik, pergerakan dan kreativiti. Aripin Said (2011) dalam karya yang berjudul *Nyanyian Rakyat 'Burung*

Kenek-Kenek' yang banyak menggunakan PKK sebagai sebuah lagu nasihat untuk kanak-kanak. Menurut Aripin Said (2011, p. 27-28) lagu mampu mendorong kanak-kanak untuk menjadi insan yang bertaqwa kepada Tuhan, patuh pada ibu bapa, rajin belajar dan tidak mempunyai sikap yang angkuh. Contohnya perkataan pesan dalam lirik lagu burung kenek-kenek berikut;

Tajuk Lagu: Burung Kenek-Kenek

*Burung Kenek-kenek,
Terbang tinggi di awan;
Pesan datuk nenek,
Pandai-pandai cari kawan.*

*Geleng-geleng sapi,
Sapi berbulu merah;
Atur tapak kaki,
Cepat-cepat melangkah.*

*Burung kenek-kenek,
Hinggap di atas atap;
Pesan datuk nenek,
Rajin-rajin baca kitab.*

*Burung kenek-kenek,
Hinggap pohon kelapa;
Pesan datuk nenek,
Patuh ibu bapa.*

Kanak-kanak amat gemar pada bahasa berirama dan mudah sesuai dengan sifat semulajadi kanak-kanak yang gemar bermain. Menghayati pantun sekali gus mendorong kanak-kanak mempelajari bahasa yang indah. Antara lagu-lagu yang masih menjadi nostalgia bagi seseorang kanak-kanak adalah lagu "*Geylang Si Paku Geylang*" dan lagu "*Rasa Sayang Eh*" yang akan tetap menjadi kenangan terindah ketika zaman kanak-kanak mula mengenali alam persekolahan. Antara rangkap pantun yang terkandung dalam lagu-lagu tersebut ialah:

*Gelang si paku gelang,
Gelang si rama-rama;
Mari pulang, marilah pulang,
Marilah pulang, bersama-sama.*

Aripin Said (2011, p. 32)

*Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan;
Saya budak baru belajar,
Kalau salah tolong tunjukkan.*

Aripin Said (2011, p. 35)

Sastera kanak-kanak adalah gambaran kehidupan dan pemikiran manusia melalui bahasa dan penulisan. Oleh hal yang demikian, pantun adalah garisan kehidupan dan fikiran manusia melalui bahasa untuk dicurahkan kepada kanak-kanak. Menurut Ismail Kusyamadi (2006, p. 26) seseorang yang bijak menggunakan bahasa kias yang terkandung dalam pantun boleh dikatakan sebagai orang yang bijak. Pantun boleh dijadikan sebagai medium untuk belajar bahasa sekali gus mengenal sastera tradisi. Setiap rangkap pantun mengandungi unsur pengajaran, nasihat, menduga akal, keeratan persahabatan, kasih sayang dalam kekeluargaan serta berkonsepkan keriang dan seronok untuk dibaca. Naffi Mat (2006, p. 22) merumuskan bahawa komponen sastera yang diajar secara formal dalam bilik darjah dapat membantu melahirkan golongan masyarakat berilmu, berketerampilan dan berakhlak mulia. Justeru, Razali Haji Yu (2007, p. 5) dalam kertas kajiannya 'Teknik Mudah Mengajar Pantun', menyeru agar guru menyahut cabaran untuk mengajar pantun terutamanya kepada pelajar yang bukan Melayu. Razali Haji Yu (2007, p. 8) juga menyarankan agar pelajar perlu dilatih untuk fokus dan dibimbing untuk menguasai kosa kata dan menggunakan ayat mudah untuk memahami pantun.

Dari sudut sistem semiotik, teks sastera khususnya puisi tradisional (pantun) mampu dihubungkan dengan hal-hal di luar lingkungannya, sesuai dengan sistem tanda

yang bermakna, yang pemakaiannya tidak lepas dari konvensi dan hal-hal di luar strukturnya. Hal ini digagaskan dalam Teori SR (1978, p. 1) bahawa pandangan semiotik bukan hanya dapat menghubungkan sistem dalam puisi itu sendiri, tetapi juga dengan sistem di luarnya. Menurut Riffaterre (1978, p. 2), pembaca yang bertanggungjawab untuk memberikan makna pada tanda-tanda yang terdapat dalam puisi. Tanda-tanda akan memiliki makna setelah dilakukan pembacaan dan pemaknaan terhadapnya. Ketika itu berlakulah proses perpindahan semiotik dari tanda ke tanda dalam fikiran pembaca. Pegangan ini menggambarkan aliran pemikiran Roland Barthes (1915-1980) dalam Teori Semiotika yang menekankan interaksi antara konvensi dalam teks dengan konvensi yang dialami dan diharapkan oleh penggunanya. Gagasan Barthes ini dikenali sebagai “*order of signification*”, mencakupi denotasi (sistem pemaknaan tataran pertama) dan konotasi (sistem pemaknaan tataran kedua).

Karya sastra bergenre puisi menggunakan bahasa sebagai wadah untuk menyampaikan makna kepada pembaca atau pendengarnya. Menurut Riffaterre (1978, p. 1), puisi atau karya sastra adalah ‘*a dialectic between text and reader*’ dan juga merupakan dialektika antara tataran mimetik dan semiotik. Puisi mengungkapkan sesuatu tapi menggunakan sesuatu yang lain. Oleh itu, dari aspek semiotik, kata-kata yang hadir dalam puisi dinilai sebagai sebuah tanda yang harus digali lebih dalam maknanya. Makna yang pasti tidak semestinya tanda itu, tetapi berkemungkinan sesuatu yang dibalikinya.

Micheal Riffaterre telah mengembangkan gagasan berkaitan Teori Semiotik menerusi buku berjudul *Text Productions* (1983). Perbincangan dalam *Text Productions* (1983) merupakan suatu kesinambungan gagasan yang telah dibincangkan secara ringkas dalam buku *Semiotics of Poetry* (1978, p. 47-80) yang memperincikan tentang gagasan produksi tanda (production sign) yang ditentukan oleh derivasi hipogramatik: satu kata atau frasa yang dipuitiskan ketika kata atau frasa itu mengacu pada

sekelompok kata yang telah ada lebih dahulu, satu hipogram yang juga merupakan satu varian dari matriks teks (Riffaterre, 1978, p.23). Menurut Riffaterre (1983, p. i) *Text Productions* membincangkan secara berfokus tentang masalah tekstual dan interteksualiti serta implikasinya terhadap teori kesusasteraan. Walaupun kajian *Text Productions* (1983) tidak menggunakan pendekatan yang sama dalam menjelaskan empat aspek pemaknaan sebagaimana dijelaskan dalam kajian *Semiotics of Poetry* (1978) namun setiap aspek pemaknaan SR (1978) masih dibincangkan secara menyeluruh. Menerusi “*Poetics of Neologisms*” dalam *Text Productions* (1983, p. 62-74) Riffaterre mengkaji tentang aspek produksi bentuk kata dan makna kata yang baharu. Kajian Semiotik Riffaterre dalam Pantun Kanak-Kanak adalah satu kajian makna dalam bahasa yang tidak mengambil aspek produksi teks (sebelum, semasa dan selepas terciptanya pantun yang baharu). Justeru, kajian ini lebih berfokus pada mengenal pasti tema pantun, menganalisis dan menilai makna pantun melalui empat aspek pemaknaan SR.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang karya sastera tradisional kanak-kanak khususnya PKK banyak berfokus pada peranan PKK sebagai pembentuk jati diri seseorang individu serta fungsinya sebagai pembangun karakter bangsa di samping meneliti PKK sebagai suatu ciptaan rangkap yang mengandungi bahasa berirama dan menghiburkan serta memberikan pengajaran kepada pembaca PKK. Dalam konteks kepelbagaian perspektif penelitian ilmiah terhadap PKK, ternyata masih banyak lagi ruang yang perlu diisi demi memperlihatkan PKK sebagai satu khazanah yang tinggi nilainya sebagaimana bernilainya karya sastera kanak-kanak yang lain. Justeru, kajian ini perlu dilakukan demi kepentingan untuk memperbanyakkan penghasilan kajian khususnya yang penelitian terhadap ilmu semiotik yang mendalami aspek bahasa dalam karya sastera bergenre puisi tradisional iaitu PKK.

2.5 Rumusan

Teori SR merupakan pendekatan yang digunakan untuk menganalisis makna dan semiotik yang terkandung di dalam teks karya sastra khususnya pantun. Bahasa pantun bersifat padat dan ringkas. Justeru perlu ada kajian yang menelaah bahasa pantun secara terperinci dan mendalam khususnya berkaitan aspek makna dan semiotik dalam pantun khususnya PKK. Setakat ini, kajian ilmiah yang membincangkan tentang penelitian menggunakan Teori SR dalam PKK belum lagi pernah dijalankan baik di luar mahupun di dalam negara. Justeru itu, kajian ini diperlukan demi kelangsungan dan tanggungjawab untuk mempelbagaikan dimensi penelitian terhadap aspek bahasa dalam karya sastra tradisional khususnya PKK.

BAB 3: KERANGKA TEORETIS

3.1 Pendahuluan

Semiotik merupakan ilmu yang memperlihatkan bagaimana terbentuknya tanda-tanda dan kaedah-kaedah yang mengaturnya. Menurut Saussure (dalam Sobur, 2004, p. 12), semiotik sebagai sebuah ilmu yang mengkaji kehidupan tanda-tanda di tengah masyarakat, dan dengan demikian ilmu ini menjadi sebahagian dari psikologi sosial. Menurut Peirce (dalam Sobur, 2004, p. 13), semiotik adalah '*doktrin formal tentang tanda-tanda*'. Konsep tanda dan konsep makna adalah saling berkaitan. Menurut Kriyantono (2007, p. 261), semiotik mempelajari sistem-sistem, aturan-aturan, konvensi-konvensi yang memungkinkan tanda-tanda tersebut mempunyai makna'

Pantun merupakan bentuk ciptaan yang terbina dengan serangkaian kata yang bersifat polisemik, sehingga membawa kepada sifat multimakna dan multi tafsir. Makna tersurat dan makna tersirat yang terkandung di dalam pantun kadangkala sungguh mudah untuk difahami, namun adakalanya sangat berkias sehingga pengajarannya sangat sukar untuk diperolehi. Menurut Umar Junus (1988, p. 30), karya sastera bersifat polisemantis (banyak makna) saat dalam proses penafsiran dan sekaligus monosemantis (satu makna) setelah berada di benak pembaca. Terdapat beberapa kemungkinan makna yang muncul, pendengar atau pembaca pantun akan memilih salah satu makna yang sesuai dengan penafsiran. Harun Mat Piah (1989, 59) menjelaskan bahawa unsur estetika pantun dapat dilihat berdasarkan dua aspek. Pertama, yang berkaitan penggunaan lambang-lambang tertentu yang terdapat dalam pantun mengikut tanggapan dan pandangan dunia masyarakat Melayu, dan yang kedua, berdasarkan hubungan makna antara pasangan pembayang dengan pembayang maksud sama ada secara konkrit atau abstrak.

Pantun digunakan dalam kegiatan harian dan seni budaya masyarakat Melayu lama seperti dalam acara hiburan, majlis perkahwinan, permainan, adat istiadat atau upacara rasmi. Justeru pelbagai jenis pantun dihasilkan oleh masyarakat Melayu antaranya seperti PKK, pantun jenaka, pantun adat, pantun teka teki, pantun budi dan sebagainya. PKK selalunya didendangkan dengan suara yang berlagu. Kanak-kanak Melayu dari kecil lagi sudah didendangkan dengan pantun-pantun yang lembut rentaknya. Mereka selalunya diperdengarkan dengan pantun-pantun yang mempunyai pengajaran yang berguna. Isinya sesuai dengan umur mereka. Selalunya pantun bagi kanak-kanak berunsurkan senda gurau untuk hiburan.

Seperti jenis-jenis pantun yang lain, PKK juga dicipta berdasarkan keinginan untuk menyampaikan sesuatu secara simbolik. Budaya menjaga hati, menyampaikan maksud atau niat secara berhemah, tersembunyi sememangnya telah menjadi darah daging yang melatari kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Zaitul Azma (2007, p. 30) mengemukakan bahawa masyarakat Melayu akan cuba menyampaikan hajat dengan sebaik mungkin secara berlapik, beralas dan tidak secara berterus terang atau langsung. Semua ini merupakan aturan yang harus dipatuhi oleh anggota masyarakat supaya tidak dianggap kurang sopan atau tidak beradab. Justeru itu, adalah mustahil jika kanak-kanak dapat mentafsir dengan baik semua makna khususnya makna tersirat dalam PKK, memandangkan masyarakat Melayu merupakan golongan yang sentiasa mementingkan adab serta nilai baik dalam semua aspek kehidupan semasa mendidik anak-anak. Oleh itu, suatu pendekatan diperlukan untuk menzahirkan makna dalam PKK. Kajian ini memilih Teori SR (1978), teori yang diasaskan oleh Micheal Riffaterre sebagai alat untuk menganalisis makna dan semiotik dalam PKK.

3.2 Semiotik Riffaterre dan Empat Aspek Pemaknaan

Konsep semiotik diperkenalkan oleh Ferdinand de Saussure (1857-1913) berkaitan sistem tanda yang diistilahkan sebagai yang ditandai (*signified*) dan yang menandai (*signifier*). Menurut de Saussure dalam Mana Sikana (2001, p. 194) tanda merupakan kesatuan dari suatu bentuk penanda (*signifier*) dengan sebuah idea atau petanda (*signified*). Dengan kata lain, penanda (*signifier*) adalah ‘bunyi yang bermakna’ atau ‘tulisan yang bermakna’. Jadi, penanda (*signifier*) adalah aspek material dari bahasa merangkumi apa sahaja yang disebut atau didengar dan apa sahaja yang ditulis atau dibaca. Petanda (*signified*) adalah merujuk pada gambaran mental, fikiran, atau konsep. Jadi, petanda (*signified*) adalah aspek mental dari bahasa (Bertens, 2001, p. 180).


Roland Barthes (1915-1980) merupakan pengikut Ferdinand de Saussure (1857-1913) yang berpandangan bahawa sebuah sistem tanda mencerminkan dasar pemikiran dari suatu masyarakat tertentu pada zaman yang tertentu. Menurut Barthes (1967, p. 179) semiotik mempelajari bagaimana kemanusiaan (*humanity*) memaknai sesuatu (*things*). Justeru, Barthes (1967, p. 188) mementingkan peranan pembaca (*the reader*) agar dapat berfungsi dalam membezakan denotatif atau sistem pemaknaan tataran pertama dan konotatif sebagai sistem pemaknaan tataran kedua. Sebagai penyambung pemikiran de Saussure (1857-1913), selain tertarik dengan cara kompleks pembentukan kata dan cara bentuk-bentuk ayat menentukan makna, Barthes (1967, p. 189) juga tertarik pada kenyataan bahawa ayat yang sama boleh menyampaikan makna yang berbeza pada orang yang berbeza situasinya.

Roland Barthes dalam Sunardi (2002, p. 85) meneruskan pemikiran tersebut dengan menekankan interaksi antara teks dengan pengalaman personal dan kultural penggunanya, interaksi antara konvensi dalam teks dengan konvensi yang dialami dan diharapkan oleh penggunanya. Gagasan Barthes (1915-1980) ini dikenali dengan

“*order of signification*” yang mencakup denotasi (sistem pemaknaan tataran pertama) dan konotasi (sistem pemaknaan tataran kedua). Di sinilah titik perbezaan Saussure (1857-1913) dan Barthes (1915-1980) walaupun Barthes (1915-1980) tetap menggunakan istilah “*signifier-signified*” seperti yang diperkenalkan oleh de Saussure (1857-1913).

Faktor yang membezakan antara puisi tradisional jenis pantun dengan jenis-jenis puisi tradisional yang lain seperti guridam, syair, mentera dan sebagainya adalah cara pantun membawa maknanya. Makna dalam pantun dapat disimpulkan dalam bentuk peribahasa, kiasan bahasa dan kata-kata yang pendek, tegas, tetapi luas dan dalam maknanya. Noriah Taslim (2007, p. 81) menyatakan bentuk pantun yang unik, sifatnya yang profan, bahasanya yang bebas dari pantang-larang (tidak seperti mantera), mungkin menjadikannya mudah dicipta; kewujudannya yang lebih akrab dengan masyarakat bawahan (*folk*), memudahkannya tersebar dengan selesa dalam kalangan masyarakat. Selari dengan perkembangan budaya dan tamadun manusia Melayu, pantun menjadi bertenaga, tukang-tukang pantun dapat berpesta dengan bahasa yang kian kaya perbendaharaannya, unsur-unsur persekitaran pula menjadi lautan ilham yang tidak pernah kering dan pupus. Sebagai unit-unit makna yang dapat wujud sendiri, setiap rangkap pantun boleh membawa satu tema atau idea yang lengkap dan utuh.

Unsur makna dalam pantun khususnya PKK memperlihatkan relasinya dengan empat aspek pemaknaan yang digagaskan dalam Teori SR. Michael Riffaterre dalam bukunya berjudul “*Semiotics of Poetry*” (1978, p. 5-20) mengemukakan tahap-tahap pemaknaan menggunakan empat prinsip dasar dalam pemaknaan puisi secara semiotik iaitu, pertama; ketidaklangsungan ekspresi, kedua; PHEU dan PHER, ketiga; MAT, MOD dan VAR serta keempat; HIP. Rajah 3.1 menunjukkan prinsip-prinsip dalam Teori SR (1978);



Gambar Rajah 3.1: Teori Semiotik Riffaterre

(Semiotics of Poetry, 1978)

3.2.1 Ketidaklangsungan Ekspresi

Bahasa dalam pantun mendukung dua makna iaitu makna tersurat dan juga makna tersirat. Makna yang tersurat atau makna linguistik adalah makna yang tertulis dan dapat difahami secara terus, manakala makna tersirat atau makna penutur ialah pertuturan atau penulisan yang mempunyai maksud berlapis dan maksud yang lain selain daripada apa yang disampaikan secara harfiah atau tidak harfiah. Nor Hashimah (2014, p. 17) menjelaskan bahawa makna tersirat merujuk sebagai makna penutur iaitu makna yang bergantung kepada sama ada penutur bercakap secara harfiah atau tidak harfiah. Makna tersurat pula merujuk kepada ekspresi linguistik atau makna teks seperti yang disarankan.

Ketidaklangsungan ekspresi dalam pantun merupakan salah satu ciri pantun yang mengatakan suatu hal dengan maksud hal lain. Bahasa tersirat dalam pantun

adalah bahasa yang mempunyai maksud yang berlainan dengan makna yang diujarkan atau disebut serta mempunyai maksud ayat yang berlapis-lapis. Dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (2015, p. 925) makna bahasa tersirat bermaksud sebagai bahasa yang tersembunyi atau terkandung dalam sesuatu serta bersifat mendalam. Dalam hal ini, pendengar atau pembaca pantun akan mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu makna yang hendak disampaikan dalam perkataan yang menggunakan bahasa tersirat. Justeru, penggunaan bahasa tersirat dalam pantun haruslah difahami secara mendalam kerana bahasa tersirat tersebut merujuk kepada makna yang berlainan daripada maksud asal yang telah diucapkan dalam pantun.

Penggunaan bahasa tersirat juga turut menunjukkan kesopanan dalam berbahasa kerana penggunaan ayat yang tidak menyinggung perasaan dan menggunakan bahasa halus. Penggunaan bahasa halus atau bahasa yang sopan sememangnya telah menjadi satu budaya dalam masyarakat Melayu yang secara tidak langsung telah mempengaruhi bahasa kanak-kanak. Menurut Ismail Hashim (1991, p. 39) bahasa halus boleh dirujuk sebagai satu sistem bercakap atau menulis yang lebih bersopan santun, berbudaya tinggi dan yang terkandung di dalamnya kehalusan budi.

Ciri penting puisi adalah mengekspresikan konsep-konsep dan benda-benda secara tidak langsung. Bahasa puisi bersifat semiotik berbanding bahasa seharian yang bersifat mimetik. Menurut Riffaterre dalam Faruk (2012, p. 141) juga ketidaklangsungan ekspresi dalam puisi terjadi kerana adanya penggantian (*displacing*) makna, penyimpangan (*distorting*) makna, dan penciptaan (*creating*) makna. . Menurut Riffaterre lagi dalam Pradopo (2009, p. 212), umumnya kata-kata kiasan menggantikan makna sesuatu yang lain iaitu metafora dan metonimi. Dalam penggantian makna, suatu kata kiasan digunakan dan menerangkan sesuatu makna yang lain. Contoh:

*Tepat pukul dua,
Acara lumba lari;
Dengan orang tua,
Cakap rendah diri.*

(P19/11)

Gambaran keindahan pantun ditonjolkan melalui penggunaan gaya bahasa kiasan. Bahasa kiasan digunakan untuk mengungkapkan suatu makna dengan cara tidak langsung. Bahasa kiasan dalam pantun boleh berupa peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan atau ungkapan tertentu dalam menyampaikan maksud berpantun. Simpulan bahasa *rendah diri* dalam pantun di atas amat sesuai disampaikan sebagai mesej yang hendak disampaikan kepada kanak-kanak. Sifat *rendah diri* bermaksud *suka merendahkan diri, tidak angkuh (sombong, bongkak), baik hati*. (Kamus Dewan 2015, p. 1313). Maksud '*rendah diri*' dalam pantun bilangan 19 dalam muka surat 11 (seterusnya P19/11) yang dipetik daripada *KPKK (2011)* adalah merujuk pada sikap *tidak angkuh, tidak sombong atau tidak bongkak* bila bercakap dengan orang tua yang seharusnya dihormati dan disegani.

Penyimpangan (*distorting*) makna pula berlaku disebabkan oleh ambiguiti, kontradiksi dan *nonsense* (tidak bermakna). Ambiguiti berlaku disebabkan penggunaan kata-kata, frasa, ayat atau wacana yang taksa iaitu mempunyai makna pelbagai yang dapat ditafsir mengikut konteks sehingga menghasilkan makna lebih dari satu. Menurut Hajar (1999, p. 1124) ambiguiti dalam bahasa boleh terjadi dalam dua peringkat iaitu pada peringkat leksikal (perkataan) dan peringkat ayat. Contoh, dalam bahasa Melayu iaitu kata 'daki' mengandungi dua makna iaitu (1) kotoran di badan (2) memanjat. Riffaterre (1978, p. 1-2) dengan tepat mengungkapkan sifat puisi melalui kata-katanya "*says one thing, means another*". Kata dalam puisi sering mempunyai makna yang berganda sehingga menimbulkan banyak tafsir. Sememangnya faktor ketaksaan dalam PKK tidak dinafikan kewujudannya. Hakikatnya, pembaca atau pendengar pantun memang tidak dapat mengelak diri daripada menghadapi ambiguiti. Malah, menurut

Ambiguiti itu ialah ayat atau perkataan yang mempunyai makna yang tidak pasti atau tidak jelas dan kurang tepat maksudnya Siti Saniah (2010, p. 27). Manakala, menurut Hajar Abdul Rahim (1999, p. 1124), ambiguiti itu merujuk kepada lebih daripada satu makna. Namun merujuk bahasa yang digunakan dalam PKK dengan mengambil kira tahap penguasaan dan kematangan berbahasa khalayak PKK, faktor ambiguiti bukanlah keutamaan. Pernyataan ini seiring dengan pandangan Piaget (1964) dalam Teori Perkembangan Bahasa yang menjelaskan tentang tahap penguasaan bahasa kanak-kanak. Menurut Piaget dalam Azizi Yahya dan Zainuddin Abu Bakar (2008, p. 22), dari segi kualitinya, pemikiran kanak-kanak masih lagi di tahap yang rendah berbanding orang dewasa kerana pemikiran kanak-kanak adalah bersifat egosentrik dan berpusat yang melihat keseluruhannya hanya dari perspektif mereka sahaja. Justeru, ambiguiti jarang berlaku dalam ciptaan PKK demi memastikan mesej pantun dapat ditafsir dengan jelas oleh golongan kanak-kanak.

Kontradiksi wujud bila suatu ciptaan pantun menggunakan ironi, paradoks dan antitesis. Ironi menyatakan sesuatu secara sebaliknya dan biasanya bertujuan untuk mengejek, menyindir atau memperolok. Paradoks pula menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan pendapat yang diterima umum manakala antitesis pula menyatakan sesuatu yang benar-benar berlawanan atau bertentangan. Pendekatan jenis paradoks dan antitesis yang menggunakan kata-kata yang pertentangan sebenarnya perlu untuk memberikan impak yang lebih besar terhadap pendengar pantun. Siti Hajar (2013, p. 77) menjelaskan di sebalik pengisian pantun yang kaya dengan nilai-nilai kepintaran, terdapat juga unsur-unsur humor, erotik, wit, lelucon, jenaka, kelolo, sindiran, ironi yang kesemuanya dibina dari dandanan, imej, baris, makna yang rapi disusun menjadi cantik dan bermakna. Setiap perkataan menanggung beban bunyi, konotasi, rima, kesedapan, kesegaran dan pemikiran.

Dalam konteks PKK sebagai bahan kajian, pendekatan secara paradoks dan antitesis jarang digunakan dalam ciptaan PKK seiring dengan tahap penguasaan bahasa kanak-kanak untuk mentafsir dan memahami maksud yang masih rendah dan lebih berfokus pada makna yang bersifat konkrit. Namun begitu, pendekatan secara ironi pula dilihat sangat dekat dengan dunia PKK. Ironi dizahirkan melalui kata sindiran disalut indah dengan percandaan atau nasihat yang disampaikan dengan tulus ikhlas. Contoh;

*Petik buah cabai,
Muat dalam perahu;
Pakai kopiah lebai;
Berdoa tidak tahu.*

(P106/54)

Setiap pantun yang dicipta mempunyai fungsi atau kegunaannya yang tersendiri. Bersesuaian dengan khalayaknya, pencipta PKK mewujudkan ironi melalui pendekatan secara mengusik, mengejek atau memperolok sehingga menampakkan unsur jenaka dan hiburan dalam ciptaannya. Rangkap PKK (P106/54) menggambarkan cara halus yang digunakan oleh orang tua untuk menyindir kanak-kanak yang gemar menggayakan imej berkopiah seperti seorang *lebai* tetapi sebenarnya tidak mendalami ilmu agama dengan baik. Unsur sindiran dalam PKK ini menggambarkan imej '*lebai ketayap*' yang merujuk pada *lebai* yang menyangka dirinya mempunyai pengetahuan yang luas tentang agama tetapi sebenarnya tidak. (Kamus Dewan, 2015, p. 904). Pantun ini bertujuan untuk menegur secara berseloroh tentang sikap kanak-kanak yang lebih mementingkan imej berpakaian berbanding ilmu agama yang sepatutnya dikuasai oleh seorang *lebai*.

Nonsense (tidak bermaksud) bermaksud kata-kata atau deretan bunyi yang tidak mempunyai makna yang boleh dirujuk dalam kamus. *Nonsense* tidak mempunyai makna tapi mempunyai makna ghaib atau juga mempunyai makna lain yang sesuai dengan konteksnya. (Riffaterre, 1978, p. 16). Unsur *nonsense* juga wujud dalam PKK walaupun tiada contoh yang dapat dipetik dari bahan kajian. Unsur ini sinonim dengan

pantun dua kerat yang sering dinyanyikan oleh kanak-kanak dalam permainan tradisional yang menarik. Walaupun unsur ini dapat membantu kanak-kanak untuk menguasai aspek fonologi, *nonsense* (tidak bermakna) dilihat tidak membantu dari segi pemerolehan makna untuk kanak-kanak. Namun, pantun yang menggunakan unsur *nonsense* masih memiliki makna yang timbul kerana wujudnya konvensi sastera. Contoh;

*Sang sang sut tali sabut,
Siapa kentut pecah perut.*

*Lat tali lat tali lat,
Tam ploi.*

Kedua-dua PKK dua kerat di atas tidak memberi makna tapi unsur *nonsense* dalam ungkapan '*sang sang sut tali sabut, siapa kentut pecah perut*' dan '*lat tali lat tali lat, tam ploi*' merupakan satu peraturan atau *standard operation procedure* (SOP) dalam salah satu permainan tradisi kanak-kanak yang berkaitan dengan undian sebelum melakukan aktiviti permainan tersebut. Pantun ini dinyanyikan untuk mendapatkan siapa yang akan '*jadi*'. Contohnya untuk permainan sorok-sorok, orang yang '*jadi*' ialah orang yang kena mencari pemain-pemain yang menyorok.

Penciptaan (*creating*) makna merupakan konvensi yang berupa bentuk visual yang secara linguistik tidak mempunyai makna, tetapi menimbulkan makna dalam konteks puisi. Menurut Riffaterre (1978, p .2), penciptaan (*creating*) makna terjadi bila ruang teks berperanan sebagai prinsip pengorganisasian untuk membuat tanda-tanda keluar dari hal-hal ketatabahasaan yang secara linguistiknya tidak memberi erti. Menurut Riffaterre (1978, p. 2) lagi contoh ruang teks adalah tipografi, enjambemen dan persamaan posisi (*homologue*). Tipologi bermaksud tata huruf dalam teks biasa yang tiada makna tapi dalam pantun tata huruf dapat mencipta makna. Enjambemen pula bermaksud 'melanggar batas' atau berlakunya perloncatan baris dalam pantun

sehingga membuat intensiti makna atau perhatian pada baris akhir. Manakala persamaan posisi atau homologue pula bermaksud persejajaran bentuk atau persejajaran baris sehingga boleh menimbulkan makna yang sama. Keseimbangan yang berupa persejajaran dalam bentuk kata-kata bunyi pantun merupakan unsur yang penting dalam ciptaan pantun sebagai lambang keindahan seni sastera dalam pantun. Contoh;

*Deras airnya deras,
Mudik berhati-hati;
Orang berhati keras,
Kurang budi pekerti.*

(P52/27)

*Bacang buah bacang,
Tanam di tanah lapang;
Duit dalam uncang,
Seringgit dua kupang.*

(P185/94)

Bait *deras* dan *bacang* yang digunakan dalam baris dua rangkap pantun di atas menunjukkan berlakunya *enjambemen* atau perlanggaran batas sehingga boleh memberikan intensiti makna pada baris akhir pantun yang berbunyi *airnya deras* dan *buah bacang*. Persejajaran dalam bentuk kata dan bunyinya melalui kata *deras* dan *berhati-hati* (di akhir baris pembayang pantun) dan kata *keras* dan *pekerti* (di akhir baris maksud pantun) juga menghasilkan kesan keindahan dalam seni sastera disamping nilai makna yang ingin disampaikan dalam PKK.

3.2.2 MAT, MOD, VAR

Puisi mentransformasikan teks pada tataran mimesis yang memandang teks sebagai imitasi (peniruan) dari realiti (Abrams dalam Siswanto, 2008, p. 188) ke tataran yang tinggi iaitu ke tataran semiosis (proses tanda). Menurut Salam (2009, p. 7), puisi

merupakan perkembangan dari MAT menjadi MOD dan ditransformasikan menjadi VAR. Pemaknaan terhadap puisi berdasarkan semiotik dapat dilakukan dengan menentukan MAT bagi memudahkan penafsiran sebuah puisi. Dengan adanya MAT, pemaknaan puisi menjadi terfokus dan mudah dilakukan. MAT bukan tema tapi membantu mengarah pada tema. Matriks berupa satu kata, gabungan kata, bahagian kalimat atau kalimat sederhana (Riffaterre, 1978, p. 25). MAT ditransformasikan oleh sesuatu yang disebut MOD. MOD adalah kiasan dalam puisi yang berperanan sebagai kata kunci yang diperoleh dari aspek pemaknaan MAT. Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam puisi. VAR dalam puisi pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda. Dari MAT, MOD dan VAR barulah tema puisi dapat diabstraksikan bagi memudahkan pembaca dapat merumuskan sebuah kesatuan makna puisi tersebut. Riffaterre (1978, p. 19-21) menyatakan bahawa untuk mendapatkan makna puisi lebih lanjut, pencarian tema dapat dilakukan dengan mencari matriks, model, dan varian-variannya terlebih dahulu. Matriks dapat berupa satu kata, gabungan kata, bahagian kalimat, atau kalimat sederhana. Matriks tidak diwujudkan secara utuh, tetapi diwujudkan dalam bentuk varian-varian. Bentuk varian sebagai perwujudan pertama dari matriks adalah model. Model dapat berupa kata atau kalimat tertentu yang biasanya diwujudkan dalam judul. Matriks, model, dan teks merupakan varian dari struktur yang sama. Matriks, model, dan varian saling berkaitan dan membentuk tema.

Contoh transformasi MAT, MOD dan VAR dalam PKK:

*Main batu seremban,
Lambung paras kepala;
Akar perdu haleban,
Buat batang tenggala.*

(P244/124)

Baris maksud PKK di atas yang berbunyi '*akar perdu haleban, buat batang tenggala*' menceritakan tentang bahan-bahan asas yang diperlukan untuk membuat sejenis peralatan persawahan tradisional yang digunakan oleh petani untuk membajak tanah sawah padi. '*Tenggala*' adalah sejenis alat utk mengembur dan membalikkan tanah, bajak, luku (Kamus Dewan, 2015, p. 1652) yang dibuat daripada '*kayu haleban*' jenis keras dan '*batang tenggala*' ini diikat menggunakan '*perdu*' iaitu bahagian pangkal pokok yang berumpun mengandungi akar (Kamus Dewan, 2014, p. 1182) pokok '*haleban*' yang bersifat tahan lasak dan tidak mudah putus untuk ditarik oleh seekor kerbau. MAT dalam rangkap PKK ini boleh dizahirkan melalui ungkap baris maksud iaitu '*akar perdu haleban, buat batang tenggala*'. Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam PKK yang dianalisis iaitu perkataan '*perdu*', '*haleban*' dan '*tenggala*'. VAR dalam PKK ini pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda (baris pantun) yang terdiri daripada perkataan '*perdu*' dan '*haleban*' dalam baris maksud yang pertama dan perkataan '*tenggala*' dalam baris maksud yang kedua. Dari MAT, MOD dan VAR barulah tema PKK ini dapat diabstraksikan. Justeru, tema PKK ini adalah penghasilan *tenggala* iaitu sejenis peralatan persawahan tradisional.

3.2.3 PHEU dan PHER

Pantun adalah salah satu karya sastera yang penciptaannya menggunakan prinsip pemadatan atau pengkonsentrasian bentuk dan makna sehingga menimbulkan kesukaran untuk memahami makna pantun. Abd. Rahman (2007, p. 14) mengemukakan bahawa estetika atau keindahan makna (semantik) dalam pantun Melayu bergantung kepada kebijaksanaan cara penggayaan bahasa. Gaya bahasa dalam pantun antaranya hadir melalui pemilihan kata (diksi), pengulangan, bahasa kiasan, hiperbola, perlambangan

atau simbol. Melalui unsur-unsur tersebut yang diadun dengan cukup cermat dan penuh nilai estetik serta digabungkan pula dengan unsur alam, membolehkan pantun menjadi wahana penyampai ilmu dan etika Melayu yang unggul.

Dalam rangka memahami dan mengungkap “sesuatu” yang terdapat di dalam pantun, terdapat istilah heuristik (*heuristic*) dan hermeneutik (*hermeneutic*). Kedua istilah itu, yang secara lengkap disebut sebagai PHEU dan PHER disebut juga sebagai pembacaan retroaktif yang biasanya dikaitkan dengan pendekatan semiotik. Riffaterre (1978, p. 5-6) mengemukakan untuk dapat memberi makna secara semiotik, pembacaan heuristik dan hermeneutik atau retroaktif dapat dilakukan.

Hubungan antara PHEU dan PHER dilihat sebagai hubungan yang bersifat susunan, sebab kegiatan PHER harus didahului oleh PHEU. Menurut Riffaterre dalam Nurgiyantoro (2007, p. 33) juga PHER atau pembacaan retroaktif memerlukan pembacaan berkali-kali dan kritis. PHEU adalah proses membaca puisi berdasarkan pada konvensi bahasa. Bahasa pantun pada dasarnya juga memiliki makna referensi. Menurut Nurgiyantoro (2007, p. 30) lagi kerja heuristik merupakan pembacaan karya sastra pada sistem semiotik tingkat pertama. Ia berupa pemahaman makna sebagaimana yang dikonvensikan oleh bahasa (yang bersangkutan).

Langkah-langkah PHEU adalah dengan mengkaji makna melalui teks atau bahasa secara harfiah dan menghubungkannya dengan kehidupan nyata. Menurut Riffaterre (1978, p. 51), dalam proses memproduksi makna, pembaca puisi (berlaku juga untuk jenis puisi tradisional iaitu PKK) perlu akur kepada sistem bahasa yang digunakan. Disamping itu, pembaca puisi (PKK) juga dituntut untuk memiliki kompetensi linguistik agar dapat mengerti makna, termasuk penyimpangan sintaksis (ayat) puisi (PKK) yang berada di luar ketatabahasaan (*ungrammaticalities of text*) untuk mendapatkan ketepatan makna yang terkandung dalam puisi (PKK) tersebut.

Menurut Riffarerre (1978, p. 56) lagi, PHEU tidak menghiraukan kelengkapan atau kesempurnaan teks atau kondisi gramatikal. Sehingga pembaca puisi (PKK) dapat menambah ataupun mengurangi bentuk gramatikal yang ada bagi menemukan makna yang terkandung dalam puisi (PKK).

BM mempunyai sistem pembinaan struktur ayatnya yang tersendiri. Nik Safiah Karim (1996, p. 414) mendefinisikan ayat sebagai unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Setiap ayat mesti mengandungi satu klausa yang lengkap dan klausa itu perlu mengandungi satu subjek dan satu predikat. Di dalam bahasa Melayu, unsur yang menjadi subjek sering disebut dahulu berbanding predikat. Jadi, PHEU dalam PKK dilaksanakan dengan menggunakan sistem pembentukan ayat dalam BM berfokuskan bahagian subjek dan bahagian predikat yang merupakan bahagian utama untuk membentuk ayat dalam BM.

Contoh:

Ayam dalam serkap,(B1)
Patuk-patuk bulu;(B2)
Buat kerja cekap,(B3)
Guru puji selalu. (B4)

(P21/12)

Pembacaan Heuristik:

Ayam dalam serkap,(baris 1 selepas PHEU seterusnya B1-PHEU)
(Ayam) (mematuk) bulu (nya);(baris 2 selepas PHEU seterusnya B2-PHEU)
(kamu) Buat kerja cekap,(baris 3 selepas PHEU seterusnya B3-PHEU)
Guru (memuji) (kamu) selalu.(baris 4 selepas PHEU seterusnya B4-PHEU)

Dari aspek sintaksis dalam BM, PKK ini memperlihatkan penggunaan ayat tunggal dalam pantun. Menurut Sharifah Nor Syed Abdul Rahman, Nornajmah Najmuddin, Rosdah Omar (2007, p. 6) ayat tunggal mengandungi satu klausa sahaja yang terdiri daripada satu subjek dan satu predikat. Menurut Nik Safiah et al. (2010, p. 167) pula

ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap, yang pengucapannya dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan, serta mengandungi intonasi yang sempurna. Berdasarkan empat baris ayat dalam PKK (P21/12), hanya ayat B1 yang terbina sebagai ayat tunggal berbanding B2, B3 dan B4. Ini adalah kerana ayat B1 mengandungi konstituen subjek (*ayam*) dan konstituen predikat (*dalam serkap*). Justeru, proses PHEU perlu dilakukan bagi menzahirkan makna yang jelas dalam ayat B2, B3 dan B4. Hasil PHEU memperlihatkan dalam ayat B2-PHEU, perkataan *ayam* perlu ditambah sebagai *konstituen subjek* dalam ayat dan perkataan *mematuk bulunya* perlu disisipkan sebagai *konstituen predikat* dalam ayat tunggal (B2-PHEU). Dalam B3-PHEU juga memperlihatkan perkataan *kamu* yang perlu ditambah sebagai *konstituen subjek* sekali gus melengkapkan frasa *buat kerja cekap* sebagai *konstituen predikat* dalam ayat tunggal. Seterusnya dalam B4-PHEU perkataan *guru* perlu ditambah sebagai *konstituen subjek* bagi melengkapkan frasa *memuji kamu selalu* sebagai *konstituen predikat* dalam ayat tunggal.

Makna bahasa dalam puisi tidak semata-mata sama mengikut sistem bahasanya, tetapi juga mendapat makna tambahan yang merupakan makna sastera (*significance*) berdasarkan tempat dan fungsinya dalam struktur sasteranya. PHER merupakan aplikasi pembacaan puisi yang didasarkan pada konvensi sastera. Pada tahap ini pembaca disarankan meninjau ulang PHEU, dan bersedia memperbaiki penafsirannya. Menurut Riffaterre (1978, p. 6), puisi perlu diulang baca (retroaktif) dengan memberikan tafsiran secara hermeneutik. (Riffaterre, 1978, p. 5-6). Ringkasnya, dalam memproduksi makna, di samping menekankan sistem konvensi bahasa yang digunakan, pembaca puisi juga perlu memperhatikan sistem konvensi sastera. Melalui PHER, pembaca mulai dapat memahami bahawa segala sesuatu yang dihasilkan melalui PHEU dilihat jelas sebagai ketidakgramatikal dan hasil PHEU dengan PHER merupakan fakta-fakta yang berhubungan.

Hermeneutik merupakan pembacaan berulang-ulang teks dari awal hingga akhir. Tahap pembacaan ini merupakan interpretasi tahap kedua yang bersifat retroaktif yang melibatkan banyak kod di luar bahasa dan menggabungkannya secara integratif sehingga pembaca dapat membongkar secara struktural guna mengungkapkan makna (*significance*) dalam sistem tertinggi, iaitu makna keseluruhan teks sebagai sistem tanda. Anshari (2009, p. 191) menjelaskan bahawa hermeneutika terkait erat dengan kegiatan penafsiran dan pemahaman makna. Karya sastra yang terwujud dalam bentuk teks memiliki sejumlah tanda atau kod, seperti tanda atau kod bahasa, tanda atau kod sastra, dan tanda atau kod budaya. Tanda atau kod tersebut kadang ditampilkan dalam bentuk simbolik sehingga diperlukan usaha untuk menafsirkan dan memahami maknanya.

Langkah-langkah PHER adalah dengan mengkaji makna melalui pembacaan yang berulang-ulang dengan meramalkan makna yang terkandung secara tersirat dalam pantun itu sendiri dengan menggunakan segenap pengetahuan yang dimiliki. Contoh;

*Tanam tepi laman,
Sebatang pokok mengkula;
Buku jadi teman,
Sampai bila-bila.*

(P28/15)

Pembacaan Hermeneutik :

“Pantun ini menyampaikan makna tersirat tentang pentingnya mencintai ilmu. Perkataan ‘buku’ dalam PKK ini dijadikan cermin ilmu. Buku adalah antara sumber ilmu yang terbaik untuk dibaca kerana di dalamnya tersimpan ilmu segala rahsia kehidupan dan kunci kemajuan. Nilai terkandung dalam buku adalah ilmu yang akan mencorak kehidupan manusia. Oleh itu, mencintai ilmu dan buku membolehkan kita

mengejar perkembangan dunia malah dengan membaca menjadikan kita bertambah pengetahuan seterusnya mampu membentuk etika diri yang hebat’.

3.2.4 HIP

Teks sastra baru mempunyai hubungan dengan teks sastra yang lain. Hubungan itu boleh berupa persamaan atau pertentangan. Riffaterre (1978, p. 11-23) mengemukakan bahawa teks sastra yang menjadi latar karya sesudahnya itu disebut hipogram. Julia Kristeva (dalam Culler, 1977, p. 139) mengemukakan bahawa setiap teks itu merupakan penyerapan atau transformasi teks-teks lain. Sebuah puisi itu merupakan penyerapan dan transformasi hipogramnya. Masuknya teks ke dalam teks lain adalah hal yang biasa terjadi dalam karya sastra, sebab pada hakikatnya suatu teks merupakan bentuk absorpsi dan transformasi dari sejumlah teks lain, sehingga terlihat sebagai suatu mozaik.

HIP adalah karya-karya sastra yang menjadi latar penciptaan bagi karya lain. Menurut Riffaterre (1978, p. 23), hipogram adalah modal utama dalam sastra yang akan melahirkan karya berikutnya. Setiap teks dari suatu karya sastra biasanya mengambil bentuk atau intisari yang baik dari teks lain dengan berlandaskan persepsi yang diolah kembali oleh pengarangnya.

Pantun merupakan kesinambungan dan transformasi teks yang lain iaitu teks yang menjadi latar belakang penciptaannya. Kemunculan rangkap pantun boleh berkaitan dengan karya sastra lain yang terlebih dahulu tercipta. Makna pantun boleh difahami sepenuhnya setelah diketahui hubungan antara pantun tersebut dengan pantun atau karya sastra lain yang menjadi latar penciptanya. Menurut Riffaterre (1978, p. 24), hipogram terwujud dalam teks-teks yang ada sebelumnya, baik berupa mitos maupun karya sastra lainnya.

HIP menjadikan proses pemaknaan pantun lebih lengkap. Salam (2009, p. 7) menyatakan untuk memberikan apresiasi atau pemaknaan yang penuh pada karya sastra, maka sebaiknya karya sastra tersebut disejajarkan dengan karya sastra lain yang menjadi hipogram atau latar belakang penciptaannya. HIP berperanan sebagai unsur cerita yang terdapat dalam suatu teks sastra yang terdahulu dan cerita tersebut mempengaruhi teks sastra yang dihasilkan kemudian. Contohnya:

*Kuih seri kaya,
Sedap tiada tara;
Pada Hari Raya,
Ziarah sanak-saudara.*

(P119/61)

PKK di atas dicipta untuk menyampaikan maksud mengenai sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri yang disambut dengan meriahnya oleh penduduk Islam di Malaysia. Tradisi rumah terbuka yang diamalkan sepanjang sebulan perayaan tersebut memberi peluang kepada sanak-saudara dan sahabat handai untuk ziarah-menziarahi sambil disajikan dengan pelbagai hidangan tradisional yang lazat. Terdapat HIP yang merupakan teks yang melatarbelakangi penciptaan pantun yang dianalisis melalui penciptaan pantun terdahulu yang menyentuh tentang unsur cerita sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri sehingga menjadikan proses pemaknaan PKK yang di analisis ini lebih lengkap. Antaranya lagu klasik *Selamat Hari raya* nyanyian Allahyarham Puan Sri Saloma yang dicipta oleh Ahmad Jaafar untuk menghiasi filem *Selamat Hari Raya* arahan Krishnan terbitan 1955. Lagu *Selamat Hari Raya* ini menggambarkan kemeriahan dan kegembiraan umat Islam ketika menyambut Hari Raya. Lagu ini boleh dijadikan sebagai karya sastra lain yang menjadi hipogram atau latar belakang penciptaan PKK yang tersebut.

Selamat Hari Raya

*Selamat aidil fitri
Kepada saudara serta saudari
Setahun hanya sekali
Merayakan hari yang mulia ini*

*Di masa bulan Ramadan
Kita berpuasa hingga sebulan
Pabila Syawal menjelma
Hari raya disambut dengan gembira*

*Miskin kaya memakai baju baru warna-warni
Mengunjungi sanak kaum famili
Sungguh hebat pemandangan di hari raya ini
Tua muda wajah berseri-seri*

*Selamat hari raya
Pada saudara saudara semua
Marilah dengan gembira
Merayakan aidilfitri yang mulia*

*Di sana kelihatan
Bermacam kuih ketupat dan rendang
Mintak bu kuih sepotong
Saya mahu makan kerna perut kosong*

*Dam dam dum bunyi mercun
Kanak-kanak segera datang berduyun
Dam dam dum mercun berdentum
Semaraklah hari raya ini tahun*

*Maafkanlah jika ada terlanjur perkataan
Diharap supaya jangan disimpan
Kuberdoa selamat panjang umur murah rezeki
Semoga Tuhan akan memberkati*

*Selamat hari raya
Hari untuk kita bersuka ria
Selamat mari ucapkan*

*Untuk kita hingga sampai tahun depan
Selamat hari raya.*

(Lagu & lirik ciptaan oleh Ahmad Jaafar, 1955)

Makna hakiki PKK yang menyampaikan mesej berkaitan sambutan Hari Raya boleh difahami dengan cara memanfaatkan prinsip intertekstualiti, iaitu menjajarkan dan membandingkan sebuah teks transformasi dengan hipogramnya. Dengan kata lain,

ketika pembaca atau pendengar pantun berhasil menemukan adanya teks lain di dalam teks pantun yang dibacanya, kemudian menjajarkan dan membandingkan keduanya sehingga dapat mengetahui hubungannya, pembaca atau pendengar pantun akan merasa lebih mudah dalam mengungkap makna teks pantun.

3.3 Model Kajian


Model kajian yang dihasilkan untuk kajian ini adalah berdasarkan unsur-unsur permaknaan yang diperkenalkan oleh Michael Riffaterre (1978). Unsur-unsur permaknaan yang diperkenalkan oleh Micheal Riffaterre terdiri daripada empat iaitu pertama; Ketidaklangsungan Ekspresi, kedua; MAT, MOD dan VAR, ketiga; PHEU dan PHER, serta keempat; HIP. Kesemua unsur pemaknaan dalam Teori SR digunakan sebagai acuan yang bersesuaian untuk menjelaskan semiotik dalam PKK.

Empat unsur pemaknaan yang digunakan untuk menganalisis semiotik dalam PKK dibuat secara tiga tahap. Pertama, setiap PKK diklasifikasikan mengikut tema berdasarkan sebelas cakupan tema yang telah disediakan dalam KSSR (Semakan 2017). Proses ini dimulakan dengan mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK. Justifikasi pemilihan tema dilihat sesuai bagi menghasilkan hubung kait antara proses ini dengan proses mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK yang bertujuan untuk mengakstrasikan tema sebagai asas pemaknaan dalam PKK. Riffaterre (1978, p. 19-21) menjelaskan bahawa untuk mendapatkan makna puisi lebih lanjut, pencarian tema dapat dilakukan dengan mencari matriks, model, dan varian-variannya terlebih dahulu. Matriks dapat berupa satu kata, gabungan kata, bahagian kalimat, atau kalimat sederhana. Matriks tidak diwujudkan secara utuh, tetapi diwujudkan dalam bentuk varian-varian. Bentuk varian sebagai perwujudan pertama dari matriks adalah model. Model dapat berupa kata atau kalimat tertentu yang biasanya diwujudkan dalam

judul. Matriks, model, dan teks merupakan varian dari struktur yang sama. Matriks, model, dan varian saling berkaitan dan membentuk tema.

Bersesuaian dengan bahan kajian iaitu PKK yang meletakkan golongan kanak-kanak sebagai khalayaknya, pemilihan tema dibuat berdasarkan cakupan tema-tema yang perlu diberi penekanan dalam mata pelajaran BM di sekolah rendah yang dirujuk daripada KSSR (Semakan 2017) yang dilaksanakan melalui DSKPBM. Tema-tema tersebut merupakan latar belakang yang masih wujud dalam dunia kehidupan sebenar yang dialami oleh sebahagian besar golongan kanak-kanak dan huraian mengikut tema adalah penting bagi menghasilkan bentuk huraian yang lebih berfokus untuk memahami konsep yang dikaitkan mengikut konteks.

Setiap unsur digunakan untuk memperincikan aspek semiotik dalam setiap rangkap PKK. Di peringkat kedua kajian, tiga unsur pemaknaan iaitu pertama; ketidaklangsungan ekspresi, kedua; MAT, MOD dan VAR serta ketiga; HIP digunakan untuk menganalisis aspek semiotik dalam PKK. Manakala, di peringkat ketiga kajian pula, satu unsur pemaknaan dalam Teori SR iaitu PHEU dan PHER digunakan sebagai alat untuk menzahirkan aspek semiotik dalam PKK. Model kajian digambarkan dalam Rajah 3.2:



Gambar Rajah 3.2: Model Kajian

Berdasarkan Rajah 3.2, aspek makna dan semiotik dalam PKK dapat digambarkan melalui tahap-tahap pemaknaan yang diperkenalkan dalam Teori SR. Pantun yang baik ialah pantun yang indah bunyinya dan dalam maknanya. Makna yang dalam hanya dapat disimpulkan dalam bentuk peribahasa, kiasan bahasa dan kata-kata yang ringkas dan padat, tetapi luas dan dalam maknanya. Oleh kerana itu, pendengar atau pembaca pantun khususnya golongan kanak-kanak akan mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu makna yang hendak disampaikan dalam pantun. Huraian berkaitan mengklasifikasikan PKK berdasarkan tema dan mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK yang merupakan salah satu daripada empat aspek pemaknaan dalam Teori SR. Analisis ini perlu bagi menjelaskan ‘cerita utama’ dan seterusnya sebagai asas untuk memahami makna dalam rangkap PKK. Namun, untuk melihat dengan lebih mendalam khususnya daripada aspek makna dan semiotik dalam PKK, analisis kajian dilakukan dengan memilih Teori SR yang memperkenalkan tiga lagi unsur pemaknaan sebagai alat yang boleh menggambarkan tahap pemaknaan dalam PKK iaitu pertama;

aspek ketidaklangsungan ekspresi, kedua; HIP dan ketiga; PHEU dan PHER. Analisis PKK menggunakan empat aspek pemaknaan SR melengkapkan kajian ini yang bertujuan untuk meneliti makna dalam PKK dari aspek semiotik.

3.4 Rumusan

Bab ini telah memberikan penjelasan yang terperinci berkaitan dengan teori yang digunakan dalam kajian ini. Perbincangan merangkumi penerangan tentang Teori SR serta pengisiannya yang mencakupi empat prinsip dasar dalam pemaknaan PKK secara semiotik iaitu, pertama; Ketidaklangsungan ekspresi, kedua; PHEU dan PHER, ketiga; MAT, MOD dan VAR serta keempat; HIP. Dalam bab ini juga membincangkan tentang model kajian yang menjadi landasan dalam pelaksanaan kajian bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian.

BAB 4: KLASIFIKASI TEMA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR) DALAM PANTUN KANAK-KANAK (PKK) BERDASARKAN MATRIKS (MAT), MODEL (MOD) DAN VARIAN (VAR)

4.1 Pendahuluan

Kajian semiotik dalam karya sastra harus berpusar pada keinginan untuk mencari dan menganalisis makna, tema dan mesej daripada sesuatu teks. Proses mencari dan menganalisis makna dalam teks memerlukan pengkaji untuk melihat secara bersistem pada alat yang digunakan untuk menyampaikan makna dalam teks iaitu bahasa. Menurut Abdullah Hassan (1990, p. 50), karya sastra terdiri daripada unsur bahasa yang berstruktur. Kemampuan kita memecahkan, menghalusi dan memahami keseluruhan unsur dan hubungan yang berfungsi di dalam bahasa itu akan memberi kita bayangan kepada lapisan maksud, tema atau mesej yang tersirat di dalam teks sastra; iaitu memahami sesuatu di peringkat abstrak bagi keseluruhan struktur itu. Penelitian terhadap aspek semiotik pantun adalah proses pembacaan yang ditempuh pembaca untuk menemukan makna dalam pantun. Salam (2009, p. 7) menyatakan puisi merupakan perkembangan dari MAT menjadi MOD dan ditransformasikan menjadi VAR. Pemaknaan terhadap puisi berdasarkan semiotik dapat dilakukan dengan menentukan MAT bagi memudahkan penafsiran sebuah puisi. Riffaterre (1978, p. 17) menyebut pusat makna ini sebagai matriks. Dengan adanya MAT, pemaknaan puisi menjadi berfokus dan mudah dilakukan.

MAT ditransformasikan oleh sesuatu yang disebut MOD. MAT bukan tema tapi membantu mengarah pada tema. Matriks berupa satu kata, gabungan kata, bahagian kalimat atau kalimat sederhana (Riffaterre: 1978, p. 25). MOD pula adalah kiasan dalam puisi yang berperanan sebagai kata kunci yang diperoleh dari aspek pemaknaan

MAT. Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam puisi. VAR dalam puisi pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda. Dari MAT, MOD dan VAR barulah tema puisi dapat diabstraksikan bagi memudahkan pembaca dapat merumuskan sebuah kesatuan makna puisi tersebut. Menurut Riffaterre (1978, p. 19-21), untuk mendapatkan makna puisi lebih lanjut, pencarian tema dapat dilakukan dengan mencari matriks, model, dan varian-variannya terlebih dahulu. Matriks dapat berupa satu kata, gabungan kata, bahagian kalimat, atau kalimat sederhana. Matriks tidak diwujudkan secara utuh, tetapi diwujudkan dalam bentuk varian-varian. Bentuk varian sebagai perwujudan pertama dari matriks adalah model. Model dapat berupa kata atau kalimat tertentu yang biasanya diwujudkan dalam judul. Matriks, model, dan teks merupakan varian dari struktur yang sama. Matriks, model, dan varian saling berkaitan dan membentuk tema.

Tema berkait rapat dengan fokus utama pencipta pantun. Tema adalah persoalan atau pokok pembicaraan yang mendasari cerita dalam pantun. Menurut Stanton dan Jenny C (dalam Nurgiantoro, 2007, p. 67), tema adalah makna yang dikandung oleh sebuah cerita. Pengertian tema dijelaskan lagi oleh Keraf (1984, p. 107) yang menyatakan tema adalah suatu amanat utama yang disampaikan oleh penulis melalui ciptaannya. Untuk memaknakan pantun, hal yang harus diperhatikan ialah tema terlebih dahulu. Tema dalam pantun sangat penting kerana tema menjadikan pantun lebih terarah kepada sesuatu maksud yang hendak disampaikan kepada pembaca. Hal ini dinyatakan oleh Mansoer Pateda (2010, p. 92) bahawa tema pada struktur puisi adalah kandungan makna yang akan disampaikan dari dalam puisi yang disampaikan tersebut kepada pendengar. Baik pada kata, nada baris mahupun pada keseluruhan puisi.

Dalam pantun empat kerat pembayang pantun diwakili oleh dua baris ayat yang pertama, manakala dua baris ayat yang seterusnya pula merupakan inti pati, mesej ataupun maksud pantun. Perhubungan antara pembayang dengan maksud pantun

kadang-kadang ada dan kadang-kadang tiada. Ringkasnya, hubungan makna dalam dua baris pembayang dengan dua baris maksud pantun dapat dibentuk. Bentuk hubungan itu ada yang bersifat objektif dan ada juga bersifat subjektif. Namun begitu, hubungan makna dalam dua baris maksud pantun tidak dapat dipertikaikan kerana baris-baris tersebut merupakan maksud pantun yang menekankan aspirasi dan inti pati cerita atau tema yang digambarkan oleh pencipta pantun. Justeru, dalam konteks pencarian tema, proses mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR hanya berfokuskan baris maksud PKK kerana disitulah wujudnya mesej dan cerita utama dalam pantun. Proses pencarian MAT, MOD dan VAR dalam kajian ini adalah penting untuk mengenal pasti dan seterusnya mengklasifikasi tema-tema tertentu yang didukung oleh setiap rangkap PKK.

4.2 Tema dalam PKK Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

Berdasarkan aspek tema, menurut Harun Mat Piah (1989, p. 63) pengelompokan pantun dapat dibuat dengan yang lebih sistematik seperti pantun kanak-kanak, pantun cinta dan kasih sayang, telatah dan cara hidup masyarakat, pantun teka-teki, pantun puji-memuji, atau sambutan, pantun nasihat dan pendidikan, pantun agama dan kepercayaan, pantun adat, pantun peribahasa, pantun naratif atau cerita dan sebagainya. Menurut Zainal Abidin Bakar (1984, p. 31) dalam Teks Kumpulan Pantun Melayu pula, pantun boleh diklasifikasikan kepada sebelas tema iaitu, pantun adat dan resam manusia, pantun agama dan kepercayaan, pantun budi, pantun jenaka dan permainan, pantun teka-teki, pantun kepahlawanan, pantun nasihat dan pendidikan, pantun peribahasa dan perbilang, pantun kias dan ibarat, pantun kembara dan perantau serta pantun percintaan. Namun, menurut Zainal Abidin Bakar (1984, p. 31) lagi, pembahagian tema-tema tersebut adalah umum dan bukan mutlak sifatnya. Hal ini adalah disebabkan

pantun bukan tetap temanya kerana setiap pantun boleh mendukung beberapa tema sekaligus.

Dalam strategi PdP BM sekolah rendah tema telah ditetapkan dalam KSSR (Semakan 2017) melalui pendekatan tematik. Jadi, bersesuaian dengan bahan kajian iaitu PKK yang meletakkan golongan kanak-kanak sebagai khalayaknya dan potensi pantun sebagai pilihan bahan PdP dalam mata pelajaran BM, pemilihan tema yang dibuat bagi analisis ini adalah berdasarkan cakupan tema dalam KSSR (Semakan 2017) yang perlu diberi penekanan dalam mata pelajaran BM di sekolah rendah untuk menyampaikan pengetahuan serta membina kefahaman tentang kehidupan dan alam sekeliling pelajar melalui kemahiran bahasa, iaitu, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, seni bahasa dan tatabahasa melalui tema-tema yang dicadangkan. Tema-tema ini merupakan tema standard yang digunakan oleh guru dalam pengajaran matapelajaran BM peringkat sekolah rendah. Namun begitu kajian terhadap pengaplikasian teori SR dan tema ini dengan mengambil PKK sebagai bahan pengajaran masih belum pernah dilakukan. Tema-tema tersebut adalah seperti berikut:

1. Tema kekeluargaan yang merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan untuk memupuk sifat agar menghargai setiap ahli keluarga.
2. Tema kemasyarakatan yang merujuk pada tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab.
3. Tema kesihatan dan kebersihan yang merujuk pada kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial agar pelajar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.

4. Tema keselamatan merujuk pada keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada di pelbagai persekitaran.
5. Tema perpaduan merujuk pada kepentingan hubungan erat yang berbentuk toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia untuk memupuk semangat perpaduan.
6. Tema kebudayaan, kesenian dan estetika yang merangkumi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia meliputi adat dan budaya agar kehalusan seni budaya dapat dihayati oleh pelajar sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.
7. Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan yang pada merujuk keupayaan murid untuk menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi Negara demi untuk melahirkan masyarakat yang madani, yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.
8. Tema sains, teknologi dan inovasi yang pada merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang berinovasi.
9. Tema alam sekitar dan teknologi hijau yang merujuk pada keupayaan pelajar agar menjaga dan menguruskan alam sekitar demi kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan demi kelangsungan kehidupan generasi akan datang.
10. Tema pertanian mendedahkan pelajar perihal pertanian seperti bercucuk tanam, berternak dan menangkap ikan secara tradisional dan moden demi memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang pertanian dalam kehidupan.

11. Tema ekonomi/keusahawanan yang merujuk perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan.

Secara ringkasnya, analisis terhadap MAT, MOD dan VAR dalam PKK menunjukkan berlakunya proses mengakstrasikan sebelas cakupan tema sedia ada yang digariskan dalam KSSR (Semakan 2017) sebagai panduan dalam pengajaran dalam mata pelajaran BM sekali gus menjadi asas untuk mengklasifikasi tema dalam PKK. Penyenaarian tema-tema tersebut juga membantu golongan kanak-kanak untuk memahami 'jalan cerita' yang mengarah pada makna pantun dengan lebih jelas. Hal ini seiring dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Riffaterre (1978, p. 13) bahawa untuk memperjelas dan mendapatkan mesej dan makna pantun dengan lebih lanjut, maka dicari tema dan masalahnya dengan mencari matriks, model, dan varian-variannya lebih dahulu.

4.2.1 Tema Kekeluargaan

Tema kekeluargaan yang digariskan dalam KSSR (Semakan 2017) membincangkan aspek yang merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan untuk memupuk sifat agar menghargai setiap ahli keluarga. Berkaitan dengan tema tersebut, dalam kehidupan masyarakat Melayu, pantun merupakan salah satu daripada kaedah untuk memaklumkan hal-hal berkaitan dengan kehidupan keluarga yang menyentuh pelbagai aspek daripada segi ekonomi, agama sehinggalah kepada hubungan dalam institusi kekeluargaan untuk menyemai sifat berkasih sayang, hormat menghormati dan saling menghargai sesama ahli dalam keluarga. Dalam konteks pengajaran bahasa, tema kekeluargaan boleh diaplikasikan dalam pengajaran semua kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Contoh, pengajaran yang memerlukan murid-murid menyebut kata panggilan (ahli keluarga) yang sesuai mengikut situasi dalam perbualan, membaca

kuat perkataan dan ayat tentang keluarga dengan sebutan dan intonasi betul dan memahami perkara yang dibaca serta murid-murid dapat menulis perkataan berkaitan kata panggilan dalam keluarga seperti ayah, ibu, pakcik, makcik, abang dan sebagainya di samping murid-murid juga dapat membina dan menulis pelbagai jenis ayat yang menceritakan tentang keluarga. Secara ringkasnya, tema kekeluargaan merupakan tema yang sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa kerana melalui tema tersebut, pengajaran bahasa dapat dijalankan dengan lebih mudah dan jelas kerana wujudnya pengetahuan sedia ada dan latar kehidupan murid-murid berkaitan kekeluargaan masing-masing. Jadual 4.1 menyenaraikan PKK bertemakan kekeluargaan setelah mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK.

*Sagun dari kelapa,
Padi buat ringgi;
Jasa ibu bapa, (Baris 1) seterusnya (B1)
Nilai amat tinggi. (Baris 2) seterusnya (B2)*

(P157/80)

Unsur MAT dalam PKK (P157/80) dizahirkan melalui baris maksud '*jasa ibu bapa*' (B1) dan '*nilai amat tinggi*' (B2). Melalui MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam PKK iaitu perkataan '*jasa*' dan '*ibu bapa*' dalam B1, dan '*nilai*' serta '*tinggi*' dalam B2. Manakala, VAR dalam PKK ini pula terdiri daripada perkataan '*ibu bapa*' dalam B1. Ringkasnya, dari unsur MAT, '*jasa ibu bapa*' dan '*nilai amat tinggi*', unsur MOD, '*jasa*', '*ibu bapa*', '*nilai*' dan '*tinggi*' dan unsur VAR, '*ibu bapa*' jelas menunjukkan bahawa pantun ini bertemakan kekeluargaan yang berfokuskan tentang hubungan dalam keluarga yang sentiasa bersikap menghargai dan mengenang jasa ibu bapa.

*Kerengga pinggang ramping,
Semua sama serupa;
Ibu kita damping, (B1)
Ayah jangan dilupa. (B2)*

(P227/115)

Seterusnya unsur MAT dalam PKK (P227/115) dijelaskan melalui baris maksud '*ibu kita dampingi*' (B1) dan '*ayah jangan dilupa*' (B2). Melalui MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam PKK iaitu perkataan '*ibu*' dan '*dampingi*' dalam B1, dan '*ayah*' serta '*jangan dilupa*' dalam B2. Manakala, VAR dalam PKK ini pula terdiri daripada perkataan '*ibu*' dalam B1 dan '*ayah*' dalam B2. Ringkasnya, dari unsur MAT, '*ibu kita dampingi*' dan '*ayah jangan dilupa*', unsur MOD, '*ibu*', '*dampingi*', '*ayah*' dan '*jangan dilupa*' dan unsur VAR, '*ibu*' dan '*ayah*' jelas menunjukkan bahawa pantun ini bertemakan kekeluargaan yang menekankan aspek hubungan yang saling menghargai dan mengenang jasa dalam sesama ahli keluarga khususnya kepada ibu dan bapa. Baris maksud dalam PKK (P157/80), '*jasa ibu-bapa*'(B1) dan '*nilai amat tinggi*' (B2) menyampaikan pengajaran yang menggambarkan tentang pentingnya sifat menghargai dan mengenang jasa ibu bapa yang sangat tinggi nilainya dalam keluarga menggambarkan dengan jelas tentang tema yang difokuskan dalam PKK. Tema yang sama juga ditekankan dalam PKK (P227/115) menerusi baris maksud '*ibu kita damping*' (B1) dan '*ayah jangan dilupa*' (B2) yang mengingatkan kita agar sentiasa menghargai dan mengenang jasa ibu bapa yang menjaga anak-anak bermula di dalam kandungan, bayi, kanak-kanak yang kemudian meningkat remaja hinggalah anak-anak menjadi dewasa dan mempunyai pekerjaan tetap dan keluarga sendiri.

*Ayah pergi baruh,
Cari pokok bidara;
Bila ibu suruh, (B1)
Buat dengan segera. (B2)*

(P36/19)

Berikutnya, MAT dalam PKK (P36/19) dizahirkan melalui baris maksud pantun, '*bila ibu suruh*,(B1), *buat dengan segera.*' (B2). Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam PKK yang dianalisis iaitu perkataan

'ibu' dan 'suruh' dalam B1, dan 'buat' dalam B2. VAR dalam PKK ini pula terdiri daripada perkataan 'ibu' dalam B1 dan 'buat' dalam B2. Ringkasnya, dari unsur MAT, 'bila ibu suruh, buat dengan segera.', unsur MOD, 'ibu', 'suruh' dan 'buat' dan unsur VAR, 'ibu' dan 'buat' jelas menunjukkan bahawa pantun ini bertemakan kekeluargaan yang berfokuskan tentang peranan anak dalam keluarga yang harus menghormati ibu dan bapa.

*Tanam pokok badik,
Tepi tanah kayang;
Hidup adik-beradik,(B1)
Pupuk kasih sayang.(B2)*

(P123/63)

Dalam PKK (P123/63), baris maksud 'hidup adik-beradik, (B1) pupuk kasih sayang. (B2)' merupakan unsur MAT dalam pantun yang menceritakan tentang corak hubungan dan kepentingan sifat berkasih sayang sesama adik beradik dalam satu keluarga. Melalui pemaknaan MAT, terdapat beberapa kata kunci yang berperanan sebagai MOD dalam PKK yang dianalisis iaitu perkataan 'adik-beradik' dalam B1, dan 'kasih sayang' dalam B2. VAR dalam PKK ini pula merupakan transformasi MOD pada setiap satuan tanda (baris pantun) yang terdiri daripada perkataan 'adik beradik' dalam B1. Dari unsur MAT, 'hidup adik-beradik, pupuk kasih sayang', unsur MOD, 'adik-beradik' dan 'kasih sayang' dan unsur VAR, 'adik-beradik', jelas bahawa pantun ini mendukung tema kekeluargaan yang membincangkan tentang pentingnya sifat memupuk kasih sayang sesama ahli dalam keluarga. Seterusnya, Jadual 4.1 menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema kekeluargaan.

Jadual 4.1: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Kekeluargaan)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P36/19	Ayah pergi baruh, Cari pokok bidara; Bila ibu suruh, Buat dengan segera.	MAT : Bila ibu suruh, Buat dengan segera MOD : ibu, suruh, buat, segera VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
2	P41/22	Kait buah kelapa, Timpa pokok laka; Hormat ibu bapa, Tuhan amat suka.	MAT : Hormat ibu bapa, Tuhan amat suka MOD : hormat, ibu bapa, Tuhan, suka VAR : ibu bapa Tema : Kekeluargaan
3	P42/22	Masak lemak turi, Makan sama dayang; Pandai jaga diri, Ibu bapa sayang.	MAT : Pandai jaga diri, Ibu bapa sayang MOD : jaga diri, ibu bapa, sayang VAR : ibu bapa Tema : Kekeluargaan
4	P43/23	Daun ati-ati, Dua tidak serupa; Baik budi pekerti, Disayang ibu bapa.	MAT : Baik budi pekerti, Disayang ibu bapa MOD : baik, budi pekerti, disayangi, ibu bapa VAR : ibu bapa Tema : Kekeluargaan
5	P44/23	Ada air kelapa, Tinggal air kopi; Kasih ibu bapa, Jangan pandang sepi.	MAT : Kasih ibu bapa, Jangan pandang sepi. MOD : kasih, ibu bapa, jangan, pandang sepi VAR : ibu bapa Tema : Kekeluargaan
6	P113/58	Lemak pucuk labu, Goreng ikan pelata; Sayang kepada ibu, Kena turut kata.	MAT : Sayang kepada ibu, Kena turut kata. MOD : sayang, ibu, turut kata VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
7	P116/59	Singgah Pekan Rabu, Minum air barli; Kasih sayang ibu, Tidak dijual beli.	MAT : Kasih sayang ibu, Tidak dijual beli MOD : kasih sayang, ibu, tidak, dijual beli VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
8	P121/62	Sudah tumbuh putik, Berbunga tidak lama; Kasih adik beradik, Satu suruhan agama.	MAT : Kasih adik beradik, Satu suruhan agama MOD : kasih, adik-beradik, suruhan agama VAR : adik-beradik Tema : Kekeluargaan
9	P123/63	Tanam pokok badik, Tepi tanah kayang; Hidup adik-beradik, Pupuk kasih sayang.	MAT : Hidup adik-beradik, Pupuk kasih sayang MOD : adik-beradik, kasih sayang VAR : adik-beradik Tema : Kekeluargaan
10	P137/70	Masak gulai belanak, Hari masih pagi; Ibu sayang anak, Tidak berbelah bahagi.	MAT : Ibu sayang anak, Tidak berbelah bahagi MOD : ibu, sayang, anak, tidak, berbelah bahagi VAR : Ibu, anak Tema : Kekeluargaan

Jadual 4.1, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
11	P139/71	Cari daun palas, Tepi kebun jati; Kasih ibu ikhlas, Hidup sampai mati.	MAT : Kasih ibu ikhlas, Hidup sampai mati. MOD : kasih, ibu, ikhlas, sampai mati VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
12	P156/80	Tebang pokok lukut, Tepi pokok kelapa; Anak mesti ikut, Nasihat ibu bapa.	MAT : Anak mesti ikut, Nasihat ibu bapa. MOD : anak, nasihat, ibu bapa VAR : anak, ibu bapa Tema : Kekeluargaan
13	P157/80	Sagun dari kelapa, Padi buat ringgi; Jasa ibu bapa, Nilai amat tinggi.	MAT : Jasa ibu bapa, Nilai amat tinggi. MOD : jasa, ibu bapa, nilai VAR : ibu bapa Tema : Kekeluargaan
14	P159/81	Buat ladang tebu, Atas tanah rata; Sayang pada ibu, Jangan bantah kata.	MAT : Sayang pada ibu, jangan bantah kata. MOD : sayang, ibu, jangan, bantah, kata VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
15	P166/85	Baju warna kelabu, Beli kedai lelong; Kalau sayang ibu, Susah kena tolong.	MAT : Kalau sayang ibu, Susah kena tolong MOD : sayang, ibu, susah, tolong VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
16	P177/90	Goreng sayur badik, Kerabu buah semangka; Hidup adik-beradik, Jangan masam muka.	MAT : Hidup adik-beradik, Jangan masam muka. MOD : adik-beradik, jangan, masam muka VAR : adik-beradik Tema : Kekeluargaan
17	P179/91	Anak ayam didik, Makan nasi sisa; Dengan adik-beradik, Kena jaga bahasa.	MAT : Dengan adik-beradik, Kena jaga bahasa MOD : adik-beradik, jaga bahasa VAR : adik-beradik Tema : Kekeluargaan
18	P182/93	Petik buah labu, Bubuh dalam raga; Dengar nasihat ibu, Boleh masuk syurga.	MAT : Dengar nasihat ibu, Boleh masuk syurga MOD : nasihat, ibu, syurga VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
19	P183/93	Pergi Pekan Rabu, Beli buah nangka; Kalau bantah ibu, Boleh masuk neraka.	MAT : Kalau bantah ibu, Boleh masuk neraka MOD : bantah, ibu, neraka VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
20	P228/116	Labu buah labu, Berangan, buah kelapa; Kalau sayang ibu, Jangan lupa bapa.	MAT : Kalau sayang ibu, Jangan lupa bapa. MOD : sayang, ibu, jangan lupa, bapa VAR : ibu, ayah Tema : Kekeluargaan

Jadual 4.1, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
21	P229/116	Jual air tebu, Sama air kelapa; Kenang jasa ibu, Bapa jangan lupa.	MAT : Kenang jasa ibu, Bapa jangan lupa. MOD : kenang, jasa, ibu, bapa VAR : ibu bapa Tema : Kekeluargaan
22	P230/116	Malam gelap-gelita, Sampai seluruh angkasa; Ibu sayang kita, Hormat setiap masa.	MAT : Ibu sayang kita, Hormat setiap masa. MOD : ibu, sayang, hormat VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
23	P231/117	Atas dahan kekabu, Hinggap burung pekaka; Jaga hati ibu, Jangan sampai terluka.	MAT : Jaga hati ibu, Jangan sampai terluka MOD : jaga, hati, ibu VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
24	P234/119	Leban pokok leban, Tumbuh sebelah baruh; Elak kena tiban, Patuh ibu suruh.	MAT : Elak kena tiban, Patuh ibu suruh MOD : tiban, patuh, ibu VAR : ibu Tema : Kekeluargaan
25	P266/135	Petik buah saga, Bubuh dalam loyang; Hidup dalam keluarga, Penuh kasih sayang.	MAT : Hidup dalam keluarga, Penuh kasih sayang. MOD : keluarga, kasih sayang VAR : keluarga Tema : Kekeluargaan
26	P267/135	Buat kerabu pegaga, Gelama masak cuka; Sayang kaum keluarga, Tuhan amat suka.	MAT : Sayang kaum keluarga, Tuhan amat suka. MOD : sayang, keluarga, Tuhan, suka VAR : keluarga Tema : Kekeluargaan
27	P291/147	Punggah-memunggah, Jumpa batang alu; Adik suka sanggah, Emak marah selalu.	MAT : Adik suka sanggah, Emak marah selalu. MOD : adik, sanggah, emak, marah VAR : adik, emak Tema : Kekeluargaan

Kesimpulannya, dalam aspek tema kekeluargaan, PKK bukan hanya menyentuh secara langsung tentang hal yang merangkumi hubungan dalam keluarga untuk memupuk sifat agar menghargai setiap ahli keluarga tetapi PKK juga merakam norma dalam kehidupan berkeluarga, menjelaskan kewujudan dan kepentingan nilai berkasih sayang, hormati menghormati dan sifat bertanggungjawab dalam diri setiap ahli keluarga. Hal ini seiring dengan pernyataan Zainal Abidin Bakar (1984, p. 31) bahawa pantun bukan tetap temanya kerana setiap pantun boleh mendukung beberapa tema sekaligus. Maka adalah jelas bahawa PKK sesuai digunakan sebagai wadah bagi

menerapkan tema kekeluargaan di samping membantu kanak-kanak di peringkat sekolah rendah untuk belajar bahasa.

4.2.2 Tema Kemasyarakatan

Tema kemasyarakatan dalam pantun banyak menceritakan tentang corak kehidupan masyarakat Melayu. Harun Mat Piah (1989, 32) memberikan definisi pantun berdasarkan aspek dalaman dan luaran atau struktur visualnya. Aspek dalaman pantun meliputi unsur estetika dan isi (tema dan persoalan). Berdasarkan pada aspek isi (tema dan persoalan) pantun biasanya menyentuh hampir seluruh kehidupan masyarakat melayu. Namun pengisian tema kemasyarakatan yang digariskan dalam KSSR (Semakan 2017) adalah lebih menyeluruh kerana menyentuh tentang kehidupan bermasyarakat dalam pelbagai bangsa yang merujuk pada tanggungjawab individu dan kumpulan dalam komuniti untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab sesuai dengan latar kehidupan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama. Ringkasnya, secara umum pantun adalah sebagai cermin gambaran kehidupan masyarakat dan secara khususnya dapat berfungsi dalam hampir setiap aktiviti kehidupan masyarakat Melayu (Zalila Sharif, 1993, p. 114). Dalam konteks pemilihan bahan dan pengaplikasian tema kemasyarakatan dalam pengajaran bahasa, jelas menunjukkan bahawa pantun adalah relevan dan sesuai sebagai wadah dalam pengajaran bahasa. Analisis MAT, MOD dan VAR juga jelas memperlihatkan wujudnya tema kemasyarakatan dalam PKK.

*Pergi pasar Larkin,
Beli jolong-jolong;
Orang fakir miskin,(B1)
Patut kita tolong.(B2)*

(P71/37)

*Emak beli tepung,
Buat kuih putu;
Duduk satu kampung,(B1)
Harus saling membantu. (B2)*

(P109/56)

*Talang panggang bara,
Lemak ikan gelama;
Ada kenduri-kendara,(B1)
Harus bekerjasama.(B2)*

(P111/57)

Baris maksud dalam PKK (P71/37), '*orang fakir miskin,(B1), patut kita tolong.(B2)*' , PKK (P109/56), '*duduk satu kampung,(B1) harus saling membantu. (B2)*' dan PKK (P111/57), '*ada kenduri-kendara, (B1) harus bekerjasama.(B2)*' adalah unsur MAT yang memberikan gambaran umum tentang tema kemasyarakatan yang ditekankan dalam tiga rangkap PKK tersebut. Unsur MOD dalam PKK (P71/37) dizahirkan melalui beberapa kata kunci iaitu '*fakir miskin*', '*patut*' dan '*tolong*', dalam PKK (P109/56), '*satu kampung*', '*saling membantu*' dan dalam PKK (P111/57), '*kenduri-kendara*', '*bekerjasama*'. Seterusnya unsur VAR dalam PKK (P71/37) iaitu '*tolong*', dalam PKK (P109/56) iaitu '*saling membantu*' dan dalam PKK (P111/57) iaitu '*bekerjasama*' jelas menggambarkan tentang pentingnya individu dan kumpulan dalam masyarakat yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab untuk melahirkan keharmonian dalam kehidupan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Jadual 4.2 berikut menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema kemasyarakatan.

Jadual 4.2: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Kemasyarakatan)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P19/11	Tepat pukul dua, Acara lumba lari; Dengan orang tua, Cakap rendah diri.	MAT : Dengan orang tua, cakap rendah diri. MOD : orang tua, cakap, rendah diri VAR : rendah diri Tema : Kemasyarakatan
2	P20/11	Bahan buat ramu, Dicari sebelah hulu; Lintas depan tamu, Minta jalan dulu.	MAT : Lintas depan tamu, minta jalan dulu. MOD : depan tamu, minta jalan VAR : depan tamu Tema : Kemasyarakatan
3	P31/17	Bintang oh bintang, Nampak dari lorong; Jangan suara lantang, Orang pandang serong.	MAT : Jangan suara lantang, Orang pandang serong MOD : jangan, suara lantang, pandang, serong VAR : suara lantang Tema : Kemasyarakatan
4	P33/18	Kawasan ada lintah, Kena berjaga-jaga; Orang suka bantah, Sekali kecewa juga.	MAT : Orang suka bantah, Sekali kecewa juga. MOD : suka bantah, kecewa VAR : suka bantah Tema : Kemasyarakatan
5	P34/18	Buat kuih bengkang, Makan sewaktu berbuka; Jangan suka bengkang, Orang tidak suka	MAT : Jangan suka bengkang, Orang tidak suka MOD : jangan, suka bengkang, orang, tidak suka VAR : suka bengkang Tema : Kemasyarakatan
6	P35/18	Tunggu buah jatuh, Duduk asyik tengadah; Arahan kena patuh, Baru kerja mudah.	MAT : Arahan kena patuh, Baru kerja mudah MOD : arahan, patuh, kerja mudah VAR : patuh Tema : Kemasyarakatan
7	P49/26	Deras airnya deras, Runtuh titi lama; Cakap orang waras, Kita boleh terima.	MAT : Cakap orang waras, Kita boleh terima MOD : cakap, orang waras, terima VAR : orang waras Tema : Kemasyarakatan
8	P50/26	Pancing ikan duri, Dapat ikan ketuka; Sikap rendah diri, Tentu orang suka.	MAT : Sikap rendah diri, Tentu orang suka. MOD : rendah diri, orang suka VAR : rendah diri Tema : Kemasyarakatan
9	P71/37	Pergi pasar Larkin, Beli jolong-jolong; Orang fakir miskin, Patut kita tolong.	MAT : Orang fakir miskin, Patut kita tolong MOD : fakir miskin, patut, tolong VAR : tolong Tema : Kemasyarakatan
10	P76/39	Kait, kait pelepah, Jangan pula berleka; Kerja gopoh gapah, Orang tidak suka.	MAT : Kerja gopoh gapah, Orang tidak suka MOD : kerja, gopoh gapah, orang, tidak suka VAR : gopoh gapah Tema : Kemasyarakatan

Jadual 4.2, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
11	P88/45	Ibu tanam padi, Mula awal pagi; Baik akal budi, Orang sanjung tinggi.	MAT : Baik akal budi, Orang sanjung tinggi MOD : baik, akal budi, sanjung tinggi VAR : sanjung tinggi Tema : Kemasyarakatan
12	P100/51	Pergi tempat lelong, Beli barang murah; Kalau orang tolong, Jangan pula marah.	MAT : Kalau orang tolong, Jangan pula marah MOD : orang, tolong, jangan marah, VAR : tolong Tema : Kemasyarakatan
13	P102/52	Tanam pokok hiasan, Kena kawal selia; Tolong sesama manusia, Sifat orang mulia.	MAT : Tolong sesama manusia, Sifat orang mulia. MOD : tolong, manusia, mulia VAR : tolong Tema : Kemasyarakatan
14	P105/54	Petik buah cabai, Buat jeruk cuka; Kerja tidak abai, Banyak orang suka.	MAT : Kerja tidak abai, Banyak orang suka MOD : kerja, tidak abai, orang, suka VAR : kerja Tema : Kemasyarakatan
15	P109/56	Emak beli tepung, Buat kuih putu; Duduk satu kampung, Harus saling membantu.	MAT : Duduk satu kampung, Harus saling membantu MOD : satu kampung, saling membantu VAR : saling membantu Tema : Kemasyarakatan
16	P111/57	Talang panggang bara, Lemak ikan gelama; Ada kenduri-kendara, Harus bekerjasama.	MAT : Ada kenduri-kendara, Harus bekerjasama MOD : kenduri-kendara, bekerjasama VAR : bekerjasama Tema : Kemasyarakatan
17	P124/64	Rumah tambah sibar, Tempat letak kereta; Sabar biar sabar, Dengar orang mengata.	MAT : Sabar biar sabar, Dengar orang mengata. MOD : sabar, orang, mengata VAR : sabar Tema : Kemasyarakatan
18	P144/74	Gulai ikan pelata, Goreng sayur kalian; Jujur tutur kata, Ramai rakan taulan.	MAT : Jujur tutur kata, Ramai rakan taulan MOD : jujur, tutur kata, ramai, rakan VAR : jujur, tutur kata Tema : Kemasyarakatan
19	P146/75	Banyak ikan linang, Masuk dalam jala; Ikhlas orang kenang, Sampai bila-bila.	MAT : Ikhlas orang kenang, Sampai bila-bila MOD : ikhlas, orang kenang VAR : ikhlas Tema : Kemasyarakatan
20	P147/75	Adik berambut genjur, Cuci sampai bersih; Kalau berhati jujur, Tentu orang kasih.	MAT : Kalau berhati jujur, Tentu orang kasih. MOD : berhati jujur, orang kasih VAR : berhati jujur Tema : Kemasyarakatan

Jadual 4.2, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
21	P172/88	Malam bulan terang, Duduk atas titi; Kalau tegur orang, Biar hati-hati.	MAT : Kalau tegur orang, Biar hati-hati. MOD : tegur, orang, berhati-hati VAR : berhati-hati Tema : Kemasyarakatan
22	P175/89	Apa dalam sarang, Sarang tepi kali; Kalau bersifat garang, Teman tidak peduli.	MAT : Kalau bersifat garang, Teman tidak peduli. MOD : garang, teman, tidak peduli VAR : garang, tidak peduli Tema : Kemasyarakatan
23	P184/94	Bacang buah bacang, Dibawa dari Daik; Kerja kena bincang, Baru hasil baik.	MAT : Kerja kena bincang, Baru hasil baik. MOD : kerja, bincang, hasil, baik VAR : bincang, baik Tema : Kemasyarakatan
24	P186/94	Petik buah bacang, Terus bawa jala; Kalau suka bincang, Baru senang kerja.	MAT : Kalau suka bincang, Baru senang kerja. MOD : bincang, senang, kerja VAR : bincang, senang Tema : Kemasyarakatan
25	P187/95	Mudik Sungai Daik, Cari buah laka; Bincang cara baik, Tentu orang suka.	MAT : Bincang cara baik, Tentu orang suka. MOD : bincang, baik, suka VAR : bincang, suka Tema : Kemasyarakatan
26	197/100	Ular sawa lekir, Masuk dalam jala; Sedekah orang fakir, Tahun beri pahala.	MAT : Sedekah orang fakir, Tahun beri pahala. MOD : sedekah, fakir, pahala VAR : sedekah, fakir Tema : Kemasyarakatan
27	P198/100	Hujan habis basah, Air jatuh meleleh; Jumpa orang susah, Bantu kadar boleh.	MAT : Jumpa orang susah, Bantu kadar boleh. MOD : orang susah, bantu VAR : bantu Tema : Kemasyarakatan
28	P204/104	Ikut adat resam, Hormat budaya sendiri; Muka selalu masam, Teman semua lari.	MAT : Muka selalu masam, Teman semua lari. MOD : muka, masam, teman, lari VAR : teman Tema : Kemasyarakatan
29	P207/105	Perah santan kelapa, Buat lemak ketuka; Orang tegur sapa, Jangan paling muka.	MAT : Orang tegur sapa, Jangan paling muka. MOD : orang, tegur sapa, jangan, paling muka VAR : tegur sapa Tema : Kemasyarakatan
30	P226/115	Kerengga pinggang ramping, Ada di mana-mana; Pakaian compang-camping, Jangan kita hina.	MAT : Pakaian compang-camping, Jangan kita hina. MOD : pakaian, compang-camping, jangan, hina VAR : jangan, hina Tema : Kemasyarakatan

Jadual 4.2, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
31	P279/141	Pergi tempat lelong, Jumpa kawan lama; Orang minta tolong, Beri kerjasama.	MAT : Orang minta tolong, Beri kerjasama. MOD : orang, minta tolong, kerjasama VAR : minta tolong, kerjasama Tema : Kemasyarakatan
32	P309/156	Pergi pekan Sayong, Singgah pekan Bota; Kerja gotong-royong, Amalan orang kita.	MAT : Kerja gotong-royong, Amalan orang kita. MOD : gotong-royong, amalan VAR : gotong-royong Tema : Kemasyarakatan

Kesimpulannya, gambaran latar kehidupan bermasyarakat dalam dunia melayu banyak diketengahkan dalam pantun melayu. Masyarakat melayu zaman dahulu juga terkenal dengan corak kehidupan bermasyarakat yang saling bergantung antara satu sama lain. Hal ini mendorong masyarakat melayu melahirkan budaya yang positif seperti saling tolong menolong, berkerjasama dan sentiasa mengenang budi. Amalan ini dilakukan sebagai budaya masyarakat melayu untuk mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat.

4.2.3 Tema Kesihatan dan Kebersihan

Gaya hidup sihat merupakan suatu amalan kehidupan yang membina dan dapat membawa kesan yang positif kepada seseorang individu, institusi keluarga dan juga masyarakat. Sehubungan itu, tema kesihatan dan kebersihan dalam KSSR (Semakan 2017) adalah merujuk pada kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat. Menurut Nik Hassan Basri (2005, p. 104), pengajaran kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu ialah unsur yang paling sesuai bagi menerapkan kecerdasan jasmani (fizikal). Unsur jasmani adalah asas bagi semua aspek pendidikan kerana otak dan badan berfungsi secara bersama. Kehadiran unsur jasmani

di dalam pantun dapat dilihat dalam beberapa rangkap PKK (P1/2), PKK (P60/31), PKK (P148/76) dan PKK (P150/77).

*Balik dari kebun,
Sudah tengah hari;
Mandi dengan sabun,(B1)
Baru bersih diri.(B2)*

(P1/2)

*Koci tiga segi,
Makan jilat jari;
Amal gosok gigi,(B1)
Pagi malam hari.(B2)*

(P60/31)

Baris maksud dalam PKK (P1/2), '*mandi dengan sabun (B1), baru bersih diri (B2)*' dan PKK (P60/31), '*amal gosok gigi (B1), pagi malam hari (B2)*' menyampaikan mesej yang menekankan tentang aspek kebersihan dan kesihatan anggota fizikal seseorang. Amalan membersihkan badan melalui mandi menggunakan sabun adalah cara menjaga kebersihan diri yang perlu diamalkan dalam kehidupan yang sihat. Selain itu, penjagaan kesihatan mulut dan gigi juga amat dititik berat demi kehidupan yang lebih berkualiti dari segi kesihatan. Analisis unsur MAT dalam PKK (P1/2) adalah merujuk pada baris maksud, '*mandi dengan sabun (B1), baru bersih diri (B2)*' dan dalam PKK (P60/31), '*amal gosok gigi (B1), pagi malam hari (B2)*'. Unsur MOD diwakili oleh kata kunci '*mandi*', '*sabun*' dan '*bersih*' dalam PKK (P1/2) dan kata kunci '*amal*', '*gosok gigi*', '*pagi*' dan '*malam hari*'. Seterusnya, analisis ini diperincikan dengan unsur VAR iaitu kata '*bersih*' dalam PKK (P1/2) dan kata '*gosok gigi*' dalam PKK (P60/31). Menerusi unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK (P1/2) dan PKK (P60/31), jelas menunjukkan inti pati atau tema yang diketengahkan dalam PKK ini adalah tema kesihatan dan kebersihan.

Manusia yang sihat ialah manusia yang sejahtera serta seimbang jasmani dan rohani serta sentiasa aktif. Melalui kesihatan yang baik, manusia dapat meningkatkan kualiti hidup semaksimum yang mungkin dan dapat meningkatkan pengabdian diri kepada Allah S.W.T serta hubungan yang baik sesama manusia. Dalam PKK (P275/139) menekankan tentang kepentingan meningkatkan hubungan kerohanian melalui amalan menunaikan solat demi mencapai kehidupan yang sihat serta seimbang dari segi jasmani dan rohani.

*Perahu sedang berlabuh,
Anak perahu berehat;
Rajin solat subuh,(B1)
Akal badan sihat.(B2)*

(P275/139)

MAT dalam PKK (P275/139) wujud dalam baris maksud, '*rajin solat subuh (B1), akal badan sihat (B2)*'. Unsur MOD pula dizahirkan melalui kata kunci '*rajin*', '*solat*' dan '*sihat*'. Manakala unsur VAR pula diwakili oleh kata '*sihat*'. Ketiga-tiga unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK (P275/139) jelas menekankan tentang tema kasihatan dan kebersihan yang berfokuskan pada kesihatan yang merujuk pada kesempurnaan dari segi kesihatan rohani yang berkait rapat dengan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.

Bagi memastikan seseorang memiliki keseimbangan yang baik dari segi kesihatan fizikal, mental, sosial dan rohani, seseorang juga perlu menjaga kesihatan dan kebersihan tubuh badan dan persekitarannya. Mesej yan disampaikan dalam PKK (P75/39) menyentuh tentang kepentingan hubungan sosial dalam mewujudkan persekitaran dan kawasan kediaman yang bersih. Tugas dan tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan rumah dan persekitaran adalah tanggungjawab bersama dan perlu dilaksanakan secara bekerjasama dan saling bantu membantu.

*Benjol kena demam,
Akibat terkena batu;
Bersih kawasan rumah,(B1)
Harus bantu-membantu. (B2)*

(P75/39)

Tema kesihatan dan kebersihan dalam PKK (P75/39) dapat diterjemahkan melalui unsur MAT, ‘bersih kawasan rumah (B1), Harus bantu-membantu (B2).’ Daripada MAT, beberapa kata kunci yang mewakili unsur MOD dikenal pasti iaitu, ‘bersih’, ‘kawasan rumah’ dan ‘bantu-membantu’. Seterusnya kata ‘bersih’ adalah unsur VAR yang melengkapkan gambar tema kesihatan dan kebersihan dalam PKK (P75/39) ini. Jadual 4.3 berikut menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema Kesihatan dan Kebersihan.

Jadual 4.3: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Kesihatan dan Kebersihan)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P1/2	Balik dari kebun, Sudah tengah hari; Mandi dengan sabun, Baru bersih diri.	MAT : Mandi dengan sabun, baru bersih diri MOD : mandi, sabun, bersih VAR : bersih Tema : Kesihatan dan Kebersihan
2	P2/2	Tanam tepi perigi, Sebatang pokok turi; Untuk jaga gigi, Berus tiap hari.	MAT : Untuk jaga gigi, berus tiap hari. MOD : jaga, gigi, berus VAR : jaga gigi Tema : Kesihatan dan Kebersihan
3	P3/3	Pergi Rantau Panjang, Naik kereta api; Bila kuku panjang, Potong dengan rapi.	MAT : Bila kuku panjang, potong dengan rapi MOD : rapi, kuku panjang, potong VAR : rapi Tema : Kesihatan dan Kebersihan
4	P16/9	Arak-berarak, Tersepak anak kucing; Minum minyak jarak, Ubat sakit cacung.	MAT : Minum minyak jarak, ubat sakit cacung MOD : minyak jarak, ubat, sakit cacung VAR : ubat Tema : Kesihatan dan Kebersihan
5	P58/30	Tanam pokok selasih, Penat baru rehat; Gigi putih bersih, Tanda amal sihat.	MAT : Gigi putih bersih, Tanda amal sihat. MOD : gigi, bersih, sihat VAR : bersih Tema : Kesihatan dan Kebersihan
6	P59/30	Gulai ikan kerisi, Sayur kacang botor; Kalau sakit gusi, Cepat jumpa doktor.	MAT : Kalau sakit gusi, Cepat jumpa doktor MOD : sakit, gusi, doktor VAR : sakit Tema : Kesihatan dan Kebersihan

Jadual 4.3, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
7	P74/38	Tanam pokok selasih, Tanah tepi bendang; Jika laman bersih, Senang mata memandang.	MAT : Jika laman bersih, Senang mata memandang MOD : laman, bersih, senang, mata memandang VAR : bersih Tema : Kesihatan dan Kebersihan
8	P75/39	Benjol kena demam, Akibat terkena batu; Bersih kawasan rumah, Harus bantu-membantu	MAT : Bersih kawasan rumah, Harus bantu-membantu MOD : bersih, kawasan rumah, bantu-membantu VAR : bersih Tema : Kesihatan dan Kebersihan
9	P89/46	Muka tumbuh ketuat, Tentu tidak sihat; Lepas kerja kuat, Tubuh perlu rehat.	MAT : Lepas kerja kuat, Tubuh perlu rehat MOD : kerja, kuat, rehat VAR : rehat Tema : Kesihatan dan Kebersihan
10	P91/47	Rumpun pokok buluh, Tepi sawah padi; Kerja keluar peluh, Rehat baru mandi.	MAT : Kerja keluar peluh, Rehat baru mandi. MOD : kerja, peluh, rehat, mandi VAR : rehat Tema : Kesihatan dan Kebersihan
11	P92/47	Makan gula tarik, Jangan hari-hari; Tengah matahari terik, Rehat-rehat diri.	MAT : Tengah matahari terik, Rehat-rehat diri. MOD : matahari, terik, rehat VAR : rehat Tema : Kesihatan dan Kebersihan
12	P140/72	Tebas-menebas, Kerja boleh upah; Tempat tunggu bas, Jangan buat sampah.	MAT : Tempat tunggu bas, Jangan buat sampah. MOD : tempat, tunggu bas, jangan, buat sampah VAR : jangan buat sampah Tema : Kesihatan dan Kebersihan
13	P141/72	Beli batu bata, Angkut dengan kereta; Buang sampah merata, Buruk dipandang mata.	MAT : Buang sampah merata, Buruk dipandang mata MOD : buang, sampah, buruk, dipandang mata VAR : sampah, buruk, dipandang mata Tema : Kesihatan dan Kebersihan
14	P142/72	Orang jual kepah, Dekat pangkal titi, Jangan buang sampah, Ikut suka hati.	MAT : Jangan buang sampah, Ikut suka hati. MOD : jangan, buang sampah, ikut suka hati VAR : jangan, buang sampah Tema : Kesihatan dan Kebersihan
15	P143/73	Ikan gulai rempah, Goreng kacang botor; Bila sebut sampah, Ingat kata kotor.	MAT : Bila sebut sampah, Ingat kata kotor. MOD : sampah, kotor VAR : kotor Tema : Kesihatan dan Kebersihan

Jadual 4.3, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
16	P149/76	Balik dari kebun, Kemas pula setor; Mata sudah rabun, Cepat jumpa doktor.	MAT : Mata sudah rabun, Cepat jumpa doktor. MOD : rabun, doktor VAR : doktor Tema : Kesihatan dan Kebersihan
17	P150/77	Beli lepat liat, Bekal waktu rehat; Makan benda berkhasiat, Baru badan sihat.	MAT : Makan benda berkhasiat, Baru badan sihat. MOD : makan, berkhasiat, sihat VAR : sihat Tema : Kesihatan dan Kebersihan
18	P151/77	Timbun-bertimbun, Baju kain kasa; Kalau mata rabun, Kena lekas periksa.	MAT : Kalau mata rabun, Kena lekas periksa. MOD : rabun, lekas, periksa VAR : lekas, periksa Tema : Kesihatan dan Kebersihan
19	P275/139	Perahu sedang berlabuh, Anak perahu berehat; Rajin solat subuh, Akal badan sihat.	MAT : Rajin solat subuh, Akal badan sihat MOD : rajin, solat, sihat VAR : sihat Tema : Kesihatan dan Kebersihan
20	P284/144	Pakai baju kemas, Beli roti sekaya; Pakai baju kemas, Baru ada gaya.	MAT : Pakai baju kemas, Baru ada gaya. MOD : baju, kemas, gaya VAR : kemas Tema : Kesihatan dan Kebersihan
21	P285/145	Potong padi matang, Warna bagai emas; Kemeja kena butang, Baru nampak kemas.	MAT : Kemeja kena butang, Baru nampak kemas. MOD : kemeja, butang, kemas VAR : kemas Tema : Kesihatan dan Kebersihan
22	P286/145	Perdu pokok turi, Banyak semut melata; Kemas tampil diri, Indah tutur kata.	MAT : Kemas tampil diri, Indah tutur kata. MOD : kemas, tutur kata VAR : kemas Tema : Kesihatan dan Kebersihan
23	P287/145	Rumah bumbung limas, Pasang panji-panji; Diri sentiasa kemas, Orang tentu puji.	MAT : Diri sentiasa kemas, Orang tentu puji. MOD : kemas, puji VAR : kemas Tema : Kesihatan dan Kebersihan
24	P305/154	Kelapa satu tandan, Kait di kebun rakan; Hendak sihat badan, Kena jaga makan.	MAT : Hendak sihat badan, Kena jaga makan. MOD : sihat, badan, jaga, makan VAR : sihat Tema : Kesihatan dan Kebersihan
25	P307/154	Buat pengat keladi, Makan sebelum lena; Sihat akal budi, Ilmu senang cerna.	MAT : Sihat akal budi, Ilmu senang cerna. MOD : sihat, akal budi, ilmu, VAR : sihat Tema : Kesihatan dan Kebersihan
26	P310/157	Tengkuk rasa seram, Waktu senjakala; Sapu air jaram, Ubat pening kepala.	MAT : Sapu air jaram, Ubat pening kepala. MOD : air jaram, ubat VAR : ubat Tema : Kesihatan dan Kebersihan

Kesimpulannya, pantun berjaya memainkan peranannya sebagai penyampai pesanan dan peringatan dalam kehidupan masyarakat Melayu melalui penerapan tema kesihatan dan kekebersihan demi membentuk diri seseorang untuk memperoleh kehidupan yang sihat. Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan pandangan Arba'ei Sujud (2008, p. 139) bahawa kesusasteraan bukan sekadar sebuah hasil penulisan yang tiada hala tuju. Namun ia merupakan satu cabang ilmu yang sarat dengan nilai pendidikan yang mampu membentuk jati diri individu. Maka jelas bahawa PKK adalah sesuai berfungsi sebagai medium pendidikan bagi menerapkan tema kesihatan dan kebersihan dan berfungsi dengan jelas untuk memberikan kesan yang positif dalam kehidupan.

4.2.4 Tema Keselamatan

Setiap pantun yang dicipta mempunyai fungsi atau kegunaannya sendiri. Pantun sebagai alat untuk mendidik mengandungi unsur-unsur nasihat, pengajaran, peringatan dan sebagainya. Holt (2005, p. 16) mendefiniskan keselamatan sebagai ketiadaan bahaya, ketiadaan ruang yang membantu mewujudkan suasana bahaya, satu tahap perlindungan dan keadaan yang tidak melibatkan risiko. Melalui PKK, tema keselamatan yang merujuk pada keupayaan kanak-kanak untuk melindungi diri daripada bahaya ketika berada di pelbagai persekitaran dapat diterapkan bagi menjamin ruang kehidupan yang selamat dan sejahtera. PKK (P54/28) dan PKK (P173/88) menyampaikan pesanan dan peringatan agar bersikap lebih berhati-hati demi melindungi diri kemalangan dan situasi yang boleh membahayakan diri sendiri. PKK (P54/28) menyarankan cara yang perlu dipatuhi ketika hendak menyeberangi jalan raya iaitu dengan menoleh ke kanan dan kiri jalan bagi memastikan tiada kenderaan yang sedang bergerak dan keadaan yang selamat sebelum menyeberangi jalan. Peringatan tentang perlunya sikap berhati-hati dan sentiasa melindungi diri dari ancaman bahaya juga disentuh dalam PKK (P173/88)

berkenaan pentingnya aspek keselamatan ketika melalui jalan yang boleh mendatangkan risiko kemalangan seperti di tepi jurang. Ringkasnya, sikap berhati-hati dan sentiasa melindungi diri daripada bahaya ketika berada di pelbagai persekitaran adalah penting bagi mengelak situasi yang boleh menimbulkan risiko berlakunya kemalangan.

*Kambing biri-biri,
Jalan pelan-pelan;
Lihat kanan kiri, (B1)
Hendak seberang jalan. (B2)*

(P54/28)

*Ada dalam sarang,
Seekor anak merpati;
Lalu tepi jurang,(B1)
Biar hati-hati.(B2)*

(P173/88)

Tema keselamatan jelas digambarkan dalam baris maksud PKK (P54/28), *lihat kanan kiri, (B1) hendak seberang jalan. (B2)* dan PKK (P173/88), *lalu tepi jurang,(B1) biar hati-hati (B2)* yang menunjukkan unsur MAT dalam kedua rangkap PKK. Perincian pencarian tema dalam PKK ini dijelaskan lagi melalui unsur MOD iaitu kata kunci '*lihat*', '*kanan*', '*kiri*' dan '*seberang jalan*' dalam PKK (P54/28) dan kata kunci '*tepi*', '*jurang*' dan '*hati-hati*' dalam PKK (P173/88). Seterusnya, penetapan tema keselamatan dapat dilakukan setelah unsur VAR dikenal pasti iaitu kata '*lihat*' dalam PKK (P54/28) dan kata '*hati-hati*' dalam PKK (P173/88). Jadual 4.4 menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema keselamatan.

Jadual 4.4: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Keselamatan)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P4/3	Abah oh abah, Belok sebelah kiri; Rebah jangan gelabah, Elok periksa diri.	MAT : Rebah jangan gelabah, elok periksa diri MOD : rebah, jangan gelabah, periksa diri VAR : periksa diri Tema : Keselamatan
2	P54/28	Kambing biri-biri, Jalan pelan-pelan; Lihat kanan kiri, Hendak seberang jalan.	MAT : Lihat kanan kiri, Hendak seberang jalan MOD : lihat, kanan kiri, seberang jalan VAR : seberang jalan Tema : Keselamatan
3	P55/29	Golok oh golok, Letak atas peti; Tebuan jangan jolok, Padah bawa mati.	MAT : Tebuan jangan jolok, Padah bawa mati. MOD : tebuan, jangan, jolok, mati VAR : mati Tema : Keselamatan
4	P173/88	Ada dalam sarang, Seekor anak merpati; Lalu tepi jurang, Biar hati-hati.	MAT : Lalu tepi jurang, Biar hati-hati. MOD : tepi, jurang, hati-hati VAR : hati-hati Tema : Keselamatan
5	P232/118	Leban pokok leban Tumbang hempap jati; Kalau angkat beban, Harus hati-hati.	MAT : Kalau angkat beban, Harus hati-hati. MOD : angkat, beban, hati-hati VAR : hati-hati Tema : Keselamatan

Secara rumusannya, selain berperanan sebagai hiburan, PKK juga berperanan sebagai medium yang boleh digunakan untuk menyampaikan pesan dan peringatan tentang pentingnya aspek keselamatan dalam kalangan kanak-kanak khususnya pelajar di sekolah. Justeru, kanak-kanak perlu sentiasa diingatkan agar sentiasa melindungi diri sendiri kerana kini kanak-kanak juga berisiko berada di persekitaran yang boleh mengundang bahaya sehingga berlakunya kemalangan.

4.2.5 Tema Perpaduan

Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah, pemilihan bahan pengajaran hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Justeru itu, tema perpaduan diwujudkan

sebagai salah satu pilihan tema yang perlu diterapkan dalam pengajaran bahasa di sekolah. Dalam KSSR (Semakan 2017), tema perpaduan merujuk pada kepentingan hubungan erat yang berbentuk toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia untuk memupuk semangat perpaduan. Hasil analisis unsur MAT, MOD dan VAR, PKK (P70/36), PKK (P112/57) dan PKK (P213/108) merupakan contoh pantun yang bertemakan perpaduan. PKK (P70/36) adalah pantun peribahasa;

*Jinjing-menjinjing,
Sayur dalam bakul;
Ringan sama dijinjing,(B1)
Berat sama dipikul.(B2)*

(P70/36)

Unsur MAT dalam PKK (P70/36) adalah peribahasa, *ringan sama dijinjing* (B1), *berat sama dipikul* (B2) yang bermaksud 'suka duka sama-sama ditanggung'. (Abdullah Hussain, 2007). Baris maksud pantun sekali gus merupakan unsur MAT jelas menceritakan tentang nilai muafakat dan bersatu padu dalam menangani pelbagai isu suka mahupun duka. Tema perpaduan dalam PKK (P70/36) dijelaskan lagi menerusi unsur MOD, 'sama', 'dijinjing' dan 'dipikul' serta unsur VAR iaitu kata 'sama'.

PKK (P112/57) dan PKK (P213/108) merupakan contoh pantun yang bertemakan perpaduan. Hasil analisis MAT, MOD dan VAR dalam baris maksud pantun jelas menggambarkan tema yang didukung oleh pantun.

*Makan buah kurma,
Sama jeruk cermai;
Berkat kerjasama,(B1)
Hidup aman damai.(B2)*

(P112/57)

*Jangan rasa cuak,
Jalan atas titi;
Kalau berpuak-puak,(B1)
Hidup tiada erti.(B2)*

(P213/108)

Unsur MAT dalam PKK (P112/57) adalah *berkat kerjasama* (B1), *hidup aman damai* (B2). Manakala dalam PKK (P213/108), *kalau berpuak-puak* (B1), *hidup tiada erti* (B2). Daripada unsur MAT, terdapat kata kunci yang mewakili MOD iaitu kata '*kerjasama*', '*hidup*', '*aman*' dan '*damai*' dalam PKK (P112/57) dan kata '*berpuak-puak*', '*hidup*' dan '*tiada erti*' dalam PKK (P213/108). Seterusnya, unsur VAR pula diwakili oleh kata '*kerjasama*' yang merupakan salah satu sifat yang menunjukkan wujudnya semangat perpaduan dan kata '*berpuak-puak*' dalam PKK (P213/108) yang menjelaskan tentang sifat yang perlu dihindari kerana sifat '*berpuak-puak*' boleh menjadikan masyarakatan berpecah belah dan sukar untuk menikmati kehidupan yang penuh dengan nilai perpaduan. Jadual 4.5 berikut menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema perpaduan.

Jadual 4.5: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Perpaduan)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P67/35	Ibu di dapur, Buat lemak geti; Kota kena gempur, Pertahan sampai mati.	MAT : Kota kena gempur, Pertahan sampai mati. MOD : kota, kena gempur, pertahan, sampai mati VAR : pertahan, sampai mati Tema : Perpaduan
2	P70/36	Jinjing-menjinjing, Sayur dalam bakul; Ringan sama dijinjing, Berat sama dipikul.	MAT : Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul MOD : Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul VAR : sama dijinjing, sama dipikul Tema : Perpaduan
3	P72/37	Terpijak duri keman, Mengejar ayam serama; Hendak hidup aman, Harus bekerjasama.	MAT : Hendak hidup aman, Harus bekerjasama MOD : hidup, aman, bekerjasama VAR : aman Tema : Perpaduan
4	P112/57	Makan buah kurma, Sama jeruk cermai; Berkat kerjasama, Hidup aman damai.	MAT : Berkat kerjasama, Hidup aman damai. MOD : kerjasama, hidup, aman damai VAR : aman damai Tema : Perpaduan
5	P213/108	Jangan rasa cuak, Jalan atas titi; Kalau berpuak-puak, Hidup tiada erti.	MAT : Kalau berpuak-puak, Hidup tiada erti. MOD : berpuak-puak, tiada erti VAR : berpuak-puak Tema : Perpaduan

Kesimpulannya, bahasa memainkan peranan penting bukan sahaja di dalam memenuhi keperluan manusia tetapi juga untuk meningkatkan perpaduan antara kaum. Justeru, pemilihan pantun yang bertemakan perpaduan sebagai wadah dalam pengajaran bahasa untuk golongan pelajar di sekolah rendah bukan hanya kerana sifat pantun yang menghiburkan tapi pantun yang bertemakan perpaduan boleh juga menyumbang ke arah melonjakkan bahasa kredibiliti BM sebagai satu identiti bagi masyarakat majmuk sehingga mampu menjadi model perpaduan dunia melalui penggunaan satu bahasa.

4.2.6 Tema Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Masyarakat pelbagai kaum di Malaysia mempunyai cara hidup serta adat resam yang berbeza-beza. Perbezaan meliputi aspek pekerjaan seharian, makanan, pakaian dan sebagainya. Pantun melayu banyak menggambarkan tentang kehidupan masyarakat Melayu yang sememangnya mementingkan adat dan budaya dalam kehidupan seharian. Dalam KSSR (Semakan 2017), tema kebudayaan, kesenian dan estetika boleh diterapkan dalam PKK kerana tema ini merangkumi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia meliputi adat dan budaya agar kehalusan seni budaya dapat dihayati oleh pelajar sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia. Oleh itu, selain mengajar bahasa, pantun yang bertemakan kebudayaan, kesenian dan estetika juga dilihat sesuai untuk diajar sebagai alat untuk menyalurkan elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat berbilang bangsa dan kaum. Sebagai contoh,

*Kawasan tanah pamah,
Banyak pokok gelam;
Hendak masuk rumah,(B1)
Kena beri salam.(B2)*

(P206/105)

*Toman besar lengan,
Makan anak puyu;
Makan dengan tangan,(B1)
Itu adat Melayu.(B2)*

(P219/111)

*Orang jadi papa,
Sebab main judi,
Sapa-menyapa,(B1)
Tanda tinggi budi.(B2)*

(P129/66)

Baris maksud dalam PKK (P206/105), '*hendak masuk rumah (B1), kena beri salam.(B2)*', PKK (P219/111), '*makan dengan tangan (B1), itu adat Melayu.(B2)*' dan PKK (P129/66), '*sapa-menyapa (B1), tanda tinggi budi.(B2)*' merupakan unsur MAT yang menceritakan tentang adat dan budaya masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia amnya. Bagi menjelaskan lagi tentang tema kebudayaan, kesenian dan estetika dalam PKK, unsur MAT diperincikan bagi mengenal pasti unsur MOD dan VARnya. Unsur MOD dalam PKK (P206/105) dijemakan melalui kata kunci '*masuk rumah*' dan '*salam*', dalam PKK (P219/111), '*makan*', '*tangan*' dan '*adat Melayu*' serta dalam PKK (P129/66), '*sapa-menyapa*' dan '*tinggi budi*'. Seterusnya, setiap PKK juga mempunyai unsur VAR bagi melengkapkan proses untuk mengakstraksikan tema kebudayaan, kesenian dan estetika dalam pantun. Unsur VAR dalam PKK (P206/105) adalah kata '*salam*', kata '*makan*' dan '*tangan*' dalam PKK (P219/111) serta kata '*sapa-menyapa*' dalam PKK (P129/66) jelas merujuk pada budaya dan adat pelbagai kaum di Malaysia. Jadual 4.6 berikut menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema kebudayaan, kesenian dan estetika.

Jadual 4.6: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Kebudayaan, Kesenian dan Estetika)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P17/10	Asam buah asam, Kutip pagi hari; Ikut adat resam, Dapat bantu diri.	MAT : Ikut adat resam, dapat bantu diri. MOD : ikut, adat resam, bantu diri VAR : adat resam Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
2	P18/10	Lombong bijih timah, Hasil sudah susut; Bila masuk rumah, Kena buka kasut.	MAT : Bila masuk rumah, kena buka kasut MOD : masuk rumah, buka kasut VAR : masuk rumah Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
3	P110/57	Pipit si burung pipit, Hinggap di ranting turi; Pengantin ada pengapit, Jadi raja sehari.	MAT : Pengantin ada pengapit, Jadi raja sehari. MOD : Pengantin, pengapit, raja sehari VAR : raja sehari Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
4	P117/60	Rapat mari rapat, Bila gendang dipalu; Anyam sarung ketupat, Kena belajar dahulu.	MAT : Anyam sarung ketupat, Kena belajar dahulu MOD : anyam, ketupat, belajar VAR : ketupat Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
5	P118/60	Pancing ikan pari, Dapat alu-alu; Sambut Aidilfitri, Solat tunai dulu.	MAT : Sambut Aidilfitri, Solat tunai dulu. MOD : Aidilfitri, solat VAR : Aidilfitri Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
6	P119/61	Kuih seri kaya, Sedap tiada tara; Pada Hari Raya, Ziarah sanak-saudara.	MAT : Pada Hari Raya, Ziarah sanak-saudara. MOD : Hari raya, ziarah, sanak-saudara VAR : hari raya Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
7	P120/61	Pergi makan laksa, Waktu petang hari; Selesai ibadah puasa, Sambut Aidilfitri.	MAT : Selesai ibadah puasa, Sambut Aidilfitri MOD : ibadah, puasa, Aidilfitri VAR : puasa, aidilfitri Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
8	P128/66	Bau harum dupa, Adik tidur sepi; Sapa-menyapa, Ada angkat topi.	MAT : Sapa-menyapa, Ada angkat topi MOD : sapa-menyapa, angkat topi VAR : sapa-menyapa Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
9	P129/66	Orang jadi papa, Sebab main judi, Sapa-menyapa, Tanda tinggi budi.	MAT : Sapa-menyapa, Tanda tinggi budi. MOD : sapa-menyapa, tinggi budi VAR : sapa-menyapa Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
10	P130/67	Simen kena lepa, Baru timbul seri; Sapa-menyapa, Amalan hari-hari.	MAT : Sapa-menyapa, Amalan hari-hari. MOD : Sapa-menyapa, amalan VAR : Sapa-menyapa Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
11	P131/67	Jangan suka alpa, Boleh rugi diri; Sapa-menyapa, Orang kanan kiri	MAT : Sapa-menyapa, Orang kanan kiri MOD : Sapa-menyapa, Orang VAR : Sapa-menyapa Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Jadual 4.6, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
12	P193/99	Burung terbang burung, Hinggap di pokok ceri; Pakai baju kurung, Cantik berseri-seri.	MAT : Pakai baju kurung, Cantik berseri-seri. MOD : baju, kurung, cantik VAR : baju kurung Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
13	P200/102	Pergi tepi paya, Cari buah kelat; Pagi Hari Raya, Semua pergi solat.	MAT : Pagi Hari Raya, Semua pergi solat. MOD : Hari raya, solat VAR : Hari raya Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
14	P201/102	Ibu buat emping, Rebus ubi kayu; Pakai kain sampung, Dengan baju Melayu.	MAT : Pakai kain sampung, Dengan baju Melayu. MOD : kain sampung, baju Melayu VAR : baju Melayu Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
15	P203/103	Makan cucur keria, Buat guna tepung; Bila Hari Raya, Ramai pulang kampung.	MAT : Bila Hari Raya, Ramai pulang kampung MOD : Hari raya, kampung VAR : Hari raya Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
16	P205/105	Pergi jalan-jalan, Sampai sebelah hulu; Jumpa rakan taulan, Beri salam dulu.	MAT : Jumpa rakan taulan, Beri salam dulu. MOD : jumpa, rakan, salam VAR : salam Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
17	P206/105	Kawasan tanah pamah, Banyak pokok gelam; Hendak masuk rumah, Kena beri salam.	MAT : Hendak masuk rumah, Kena beri salam. MOD : masuk, rumah, salam VAR : salam Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
18	P210/107	Intan oh Intan, Kait buah pinang; Cincin belah rotan, Tanda jadi tunang.	MAT : Cincin belah rotan, Tanda jadi tunang MOD : cincin, belah rotan, tunang VAR : cincin, tunang Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
19	P216/110	Pergi naik kereta, Sampai Teluk Bayu; Suka meminta-minta, Bukan adat Melayu.	MAT : Suka meminta-minta, Bukan adat Melayu MOD : meminta-minta, bukan, adat Melayu VAR : adat Melayu Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
20	P217/110	Beli ubi kentang, Sama ubi kayu; Jamu tamu datang, Adat orang Melayu.	MAT : Jamu tamu datang, Adat orang Melayu MOD : jamu, tamu, adat VAR : jamu, tamu Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
21	P218/110	Jerat burung punai, Dekat rumah Pak Lamin; Kakak pakai inai, Hendak naik pelamin.	MAT : Kakak pakai inai, Hendak naik pelamin MOD : kakak, inai, pelamin VAR : inai, pelamin Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Jadual 4.6, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
22	P255/129	Makan ulam jering, Jangan hari-hari; Raja kena iring, Ikut adat negeri.	MAT : Raja kena iring, Ikut adat negeri. MOD : raja, iring, adat VAR : adat Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
23	P273/138	Perahu sedang berlabuh, Nakhoda turun bersolat; Abang pukul tabuh, Adik pencak silat.	MAT : Abang pukul tabuh, Adik pencak silat. MOD : abang, tabuh, adik, pencak silat VAR : tabuh, pencak silat Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
24	P292/148	Sama-sama rakan, Tebang pokok teja; Apabila duduk makan, Jaga adab di meja.	MAT : Apabila duduk makan, jaga adab di meja. MOD : makan, adab VAR : adab Tema : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Budaya melambangkan identiti sesebuah negara kerana amalan budaya melambangkan sifat majmuk golongan masyarakat. Selain itu, budaya juga menunjukkan budi dan pekerti masyarakat Malaysia. Pantun melayu juga merupakan salah satu bentuk kesusasteraan tradisional Melayu yang banyak merakamkan budaya, kesenian dan estetika masyarakat pada zaman ciptanya. Menurut Shamsudin Jaafar (1997, p. 8), kesusasteraan sesebuah negara merupakan khazanah budaya penduduknya, semakin beragam karya yang dihasilkan maka semakin kayalah khazanah yang akan diwarisi oleh generasi mudanya. Oleh itu, pengajaran bahasa menggunakan pantun dan penerapan tema kebudayaan, kesenian dan estetika adalah amat penting agar kehalusan seni budaya dapat dihayati oleh pelajar sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

4.2.7 Tema Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dalam KSSR (Semakan 2017) adalah merujuk pada keupayaan pelajar untuk menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan

sanggup berkorban demi negara demi untuk melahirkan masyarakat yang madani, yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara. Menurut Zaid Ahmad Ruslan (2013, p. 37), jati diri secara amnya membawa maksud rangkuman nilai, budaya, bahasa, pegangan, fahaman, dan pandangan jagat sesuatu kaum. Manifestasi dari nilai-nilai tersebut membentuk watak dan sifat peribadi, cara berfikir, cara hidup dan penampilan diri yang melambangkan tradisi bangsa dan jati diri kaumnya. Kata patriotisme, menurut Ramlah Adam (2003, p. 80) pula, mendukung makna kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang itu dianggap patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara. Pengaplikasikan konsep patriotisme dalam kehidupan akan mewujudkan warga yang tinggi jati diri, cintakan negara dan sanggup berjuang mempertahankan dan memakmurkan negara. Seterusnya, Geboers dalam Sitti Hasnah binti Bandu (2016, p. 3) menyatakan bahawa kewarganegaraan adalah sebagai mematuhi perjanjian dalam undang-undang, hak sama rata, amanah dalam kerajaan, penglibatan politik, penyertaan sivik dan penyertaan dalam aktiviti atau perkhidmatan secara sukarelaan. Seseorang warganegara itu mempunyai kewajipan untuk memberi perkhidmatan kepada negara. Oleh itu, terdapat hubungan timbal balik hasil dari tanggungjawab dan kemudahan yang diterima oleh seseorang warganegara dalam sesebuah negara.

Pantun adalah amat sesuai jika dieksploitasikan untuk membina rumpun masyarakat yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara. Semangat kekitaan boleh membentuk individu yang bertanggungjawab, bekerjasama dan sanggup mempertahankan masyarakat. Masyarakat yang sepakat bersedia melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan demi kepentingan bersama. PKK (P7/5), PKK (P66/34) dan PKK (P68/35) adalah contoh pantun yang bertemakan jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan.

*Abang oh abang,
Makan kuih bingka;
Negara ada lambang,(B1)
Tanda bumi merdeka. (B2)*

(P7/5)

*Dengar pantun seloka,
Semua orang ceria;
Kita anak merdeka,(B1)
Cinta negara Malaysia.(B2)*

(P66/34)

*Beli sayur sawi,
Sama asam jawa;
Taat ibu pertiwi,(B1)
Sanggup berkorban jiwa.(B2)*

(P68/35)

Baris maksud PKK (P7/5), '*negara ada lambang (B1), tanda bumi merdeka (B2)*', PKK (P66/34), '*kita anak merdeka (B1), cinta negara Malaysia (B2)*' dan PKK (P68/35), '*taat ibu pertiwi (B1), sanggup berkorban jiwa(B2)*' merupakan unsur MAT. Berdasarkan unsur MAT, unsur MOD dikenal pasti melalui beberapa kata kunci iaitu '*negara*', '*lambang*' dan '*merdeka*' dalam PKK (P7/5), kata kunci '*anak merdeka*', '*cinta*' dan '*Malaysia*' dalam PKK (P66/34) serta kata kunci '*taat*', '*ibu pertiwi*' dan '*berkorban jiwa*' dalam PKK (P68/35). Seterusnya unsur VAR dalam PKK (P7/5) iaitu kata '*merdeka*', PKK (P66/34) kata '*Malaysia*' dan kata '*berkorban jiwa*' dalam PKK (P68/35) melengkapkan lagi ciri untuk mengenal pasti tema dalam PKK. Tuntasnya, ketiga-tiga unsur iaitu MAT, MOD dan VAR menjadi asas untuk mengakstraksikan tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dalam PKK. Seterusnya, Jadual 4.7 menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan.

Jadual 4.7: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P7/5	Abang oh abang, Makan kuih bingka; Negara ada lambang, Tanda bumi merdeka	MAT : Negara ada lambang, tanda bumi merdeka MOD : negara, lambang, merdeka VAR : merdeka Tema : Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan
2	P47/25	Ibu beli jamu, Letak atas para; Merantau cari ilmu, Dapat bantu negara	MAT : Merantau cari ilmu, Dapat bantu negara MOD : merantau, cari ilmu, bantu negara VAR : bantu negara Tema : Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan
3	P66/34	Dengar pantun seloka, Semua orang ceria; Kita anak merdeka, Cinta negara Malaysia.	MAT : Kita anak merdeka, Cinta negara Malaysia MOD : anak merdeka, cinta, Malaysia VAR : Malaysia Tema :Jati Diri, Patriotisma dan Kewarganegaraan
4	P68/35	Beli sayur sawi, Sama asam jawa; Taat ibu pertiwi, Sanggup berkorban jiwa.	MAT : Taat ibu pertiwi, Sanggup berkorban jiwa MOD : taat, ibu pertiwi, berkorban jiwa VAR : berkorban jiwa Tema : Jati Diri, Patriotisma dan Kewarganegaraan
5	P209/107	Intan oh Intan, Pandai jaga diri; Emak dari Kelantan, Bapa dari negeri.	MAT : Emak dari Kelantan, Bapa dari negeri. MOD : emak, Kelantan, bapa, negeri VAR : Kelantan, Negeri (Negeri Sembilan) Tema : Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Rumusannya, kesusasteraan khususnya pantun boleh memainkan peranan bagi memupuk semangat cinta dan setia pada negara serta semangat kekitaan demi mewujudkan sebuah rumpun bangsa yang saling hormat menghormati, bertoleransi dan bekerjasama antara kaum walaupun terdapat perbezaan yang jelas dalam amalan budaya dan kepercayaan hidup masing-masing.

4.2.8 Tema Sains, Teknologi dan Inovasi

Tema sains, teknologi dan inovasi dalam KSSR (Semakan 2017) merujuk pada ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang berinovasi. Menurut Glosari Teknologi Pendidikan (1995, p. 105) inovasi didefinisikan sebagai idea, konsep atau strategi baru yang boleh mempertingkatkan sesuatu amalan. Menurut Sufean Hussin (2004, p. 45) pula menyatakan inovasi bermaksud pembaharuan, modifikasi, atau memperbaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu atau memenuhi citarasa tertentu atau memenuhi pasaran tertentu. Pantun Melayu mempunyai keajaiban tersendiri. Bukan sahaja indah susun bahasanya, tetapi sarat dengan teladan kehidupan melangkaui ruang, waktu dan zaman. Menurut Nik Hassan Nik Basri (2005, p. 130), teks kesusasteraan Melayu dianggap sebagai maklumat tuntas atau ensiklopedia bangsa kerana banyaknya ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya. Justeru, dalam proses memberikan pemahaman kepada pelajar tentang maksud PKK, pelajar sekali gus dapat menerapkan unsur intelek yang bertemakan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan pembelajaran mereka. Contoh;

*Abang oh abang,
Pandai menulis jawi;
Naik kapal terbang, (B1)
Pergi Pulau Langkawi. (B2)*

(P8/5)

*Ibu di dapur,
Sibuk buat tumpi;
Pergi Kuala Lumpur, (B1)
Naik kereta api. (B2)*

(P65/34)

*Abang bentang ambal,
Di bilik ibu saudara;
Guna kereta kebal, (B1)
Menentang musuh negara. (B2)*

(P163/83)

PKK (P8/5), PKK (P65/34) dan PKK (P163/83) adalah rangkap PKK yang menyentuh tentang penghasilan inovasi dalam bidang pengangkutan di negara Malaysia. Pengangkutan merupakan alat pemindahan barang atau manusia dari satu tempat ke tempat yang lain. Pada zaman yang serba canggih, sistem pengangkutan moden kian mempengaruhi kehidupan masyarakat. PKK (P8/5) menceritakan tentang pengangkutan jenis '*kapal terbang*' yang digunakan untuk pergi ke Langkawi. Manakala, PKK (P65/34) pula menceritakan pengangkutan jenis '*kereta api*' yang boleh digunakan untuk pergi ke Kuala Lumpur. Selain inovasi dalam bidang pengangkutan, PKK (P163/83) menggambarkan tentang inovasi dalam kententeraan melalui penciptaan '*kereta kebal*' yang merupakan salah satu aset utama dalam peperangan moden hari ini. Ketiga-tiga jenis inovasi ini merupakan unsur VAR dalam PKK. Bagi melengkapkan analisis untuk mengakstraksikan tema sains, teknologi dan inovasi dalam PKK unsur MAT dan MOD juga perlu dijemakan dengan jelas. Dalam PKK (P8/5), unsur MAT dizahirkan melalui maksud pantun '*naik kapal terbang (B1), pergi Pulau Langkawi (B2).*' dan unsur MOD pula dizahirkan melalui kata kunci '*kapal terbang*' dan '*Pulau Langkawi*'. Seterusnya unsur MAT dalam PKK (P65/34) merupakan '*pergi Kuala Lumpur (B1), naik kereta api (B2).*' Dan unsur MOD pula adalah melalui kata kunci '*Kuala Lumpur*' dan '*kereta api*'. Seterusnya, unsur MAT dalam PKK (P163/83) pula wujud dalam maksud pantun '*guna kereta kebal (B1), menentang musuh negara (B2).*' dan dilengkapi melalui kata '*kereta kebal*', kata '*menentang*' dan kata '*musuh*' sebagai unsur MOD dalam PKK. Dalam Jadual 4.8 menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema Sains, Teknologi dan Inovasi

Jadual 4.8: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Sains, Teknologi dan Inovasi)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P8/5	Abang oh abang, Pandai menulis jawi; Naik kapal terbang, Pergi Pulau Langkawi.	MAT : Naik kapal terbang, pergi Pulau Langkawi MOD : kapal terbang, pergi, Pulau Langkawi VAR : kapal terbang Tema : Sains, Teknologi dan Inovasi
2	P65/34	Ibu di dapur, Sibuk buat tumpi; Pergi Kuala Lumpur, Naik kereta api.	MAT : Pergi Kuala Lumpur, Naik kereta api. MOD : Kuala Lumpur, kereta api VAR : Kereta api Tema : Sains, Teknologi dan Inovasi
3	P163/83	Abang bentang ambil, Di bilik ibu saudara; Guna kereta kebal, Menentang musuh negara.	MAT : Guna kereta kebal, Menentang musuh negara MOD : kereta kebal, menentang, musuh VAR : kereta kebal Tema : Sains, Teknologi dan Inovasi

Kesimpulannya, PKK yang bertemakan sains, teknologi dan inovasi adalah sesuai dijadikan bahan dalam PdP BM di sekolah kerana melaluinya, mesej berkaitan pemikiran kreatif yang dapat menjana idea dan ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik dan penghasilan sesuatu yang berinovasi dapat disampaikan pada pelajar secara berhibur dan menyeronokkan.

4.2.9 Tema Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Teknologi Hijau membawa pengertian aplikasi teknologi moden untuk memulihara sumber dan alam sekitar semula jadi dan mengawal kesan negatif aktiviti manusia. Pengaplikasian teknologi hijau dapat meningkatkan dan melindungi ekosistem dan kepelbagaian hidup, meningkatkan kualiti udara dan air, mengurangkan pembuangan bahan tercemar dan melindungi sumber semula jadi. Menurut Saifollah Abdullah (2009) teknologi hijau berkait rapat dengan pembangunan lestari, penggunaan tenaga boleh diperbaharui, pencarian sumber tenaga baru dan pembuatan peralatan atau mesin yang menggunakan tenaga pada tahap optimum serta mesra alam. Berdasarkan kepentingan

dan kesan pengaplikasian teknologi hijau terhadap alam sekitar, pemilihan tema alam sekitar dan teknologi hijau yang disarankan dalam KSSR (Semakan 2017) dalam PdP BM yang menjadikan PKK sebagai wadah adalah sesuai merujuk pengisian tema iaitu meningkatkan keupayaan pelajar agar menjaga dan menguruskan alam sekitar demi kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan demi kelangsungan kehidupan generasi akan datang.

Tema ini juga amat sinonim dengan pantun Melayu yang mencerminkan keakraban masyarakat Melayu dengan alam seperti alam tumbuhan dan haiwan. Harun Mat Piah (1989, p.115) menjelaskan bahawa penggunaan lambang-lambang dan simbol-simbol daripada alam perlu diketahui untuk memahami maksud pantun. Lantaran itulah pantun dikaitkan dengan alam semulajadi sebagai perbandingan dan perlambangan yang berfungsi sebagai sumber pengajaran dan nasihat. Contoh;

*Perahu sedang berlabuh,
Muat batu bata;
Taman tepi lebu, (B1)
Cantik dipandang mata. (B2)*

(P274/138)

*Kerabu paku rawan,
Letak dalam sahan;
Jangan aniaya haiwan, (B1)
Ia makhluk Tuhan. (B2)*

(P63/33)

*Pergi kedai kawan,
Makan semangkuk laksa;
Orang seksa haiwan, (B1)
Sama tanggung dosa. (B2)*

(P135/69)

*Abang oh abang,
Berniaga minyak atar;
Pokok jangan terbang, (B1)
Jaga alam sekitar. (B2)*

(P5/4)

Tema alam sekitar dan teknologi hijau dalam PKK (P274/138), PKK (P63/33), PKK (P135/69) dan PKK (P5/4) diakstraksikan melalui analisis mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR yang terdapat dalam setiap rangkap pantun. Unsur MAT dalam PKK (P274/138) '*taman tepi lebu (B1), cantik dipandang mata (B2)*' menceritakan kehijauan dan keindahan alam yang boleh dinikmati melalui penanaman dan penjagaan tumbuh-tumbuhan. Dari unsur MAT, kata kunci '*taman*' dan '*cantik*' merupakan unsur MOD yang seterusnya memperincikan unsur VAR melalui kata '*taman*' dalam PKK. Seterusnya, dalam PKK (P63/33), unsur MAT dizahirkan melalui maksud pantun, '*jangan aniaya haiwan (B1), ia makhluk Tuhan (B2).*' Unsur MOD pula wujud dalam kata kunci '*haiwan*', '*makhluk*' dan '*Tuhan*'. Manakala, unsur VAR adalah kata '*haiwan*'. Dalam PKK (P135/69), '*orang seksa haiwan (B1), sama tanggung dosa (B2)*' adalah unsur MAT, kata kunci '*seksa*', '*haiwan*' dan '*dosa*' adalah unsur MOD dan kata '*haiwan*' adalah unsur VAR. Analisis PKK (P5/4) pula menunjukkan unsur MAT dizahirkan melalui '*pokok jangan terbang (B1), jaga alam sekitar (B2).*', unsur MOD melalui kata kunci '*pokok*', '*jangan terbang*' dan '*alam sekitar*' yang akhirnya mengarah pada unsur VAR dalam PKK iaitu melalui kata '*alam sekitar*'. Seterusnya Jadual 4.9 menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Jadual 4.9 : MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Alam Sekitar dan Teknologi Hijau)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P5/4	Abang oh abang, Berniaga minyak atar; Pokok jangan tebang, Jaga alam sekitar.	MAT : Pokok jangan tebang, jaga alam sekitar MOD : pokok, jangan tebang, alam sekitar VAR : alam sekitar Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
2	P63/33	Kerabu paku rawan, Letak dalam sahan; Jangan aniaya haiwan, Ia makhluk Tuhan.	MAT : Jangan aniaya haiwan, Ia makhluk Tuhan MOD : jangan, aniaya, haiwan, makhluk Tuhan VAR : haiwan, makhluk Tuhan Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
3	P64/33	Petik buah betik, Bawa jual di pekan; Bela ayam itik, Kena beri makan.	MAT : Bela ayam itik, Kena beri makan MOD : bela, ayam itik, beri makan VAR : ayam itik Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
4	P73/38	Kait, kait pelepah, Kepala tak berpaling; Jangan buat sampah, Jaga alam sekeliling.	MAT : Jangan buat sampah, Jaga alam sekeliling MOD : sampah, haga, alam sekeliling VAR : jaga, alam sekeliling Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
5	P133/68	Satu dua tiga, Gerabak kereta api; Sarang semut kerengga, Usah cucuh api.	MAT : Sarang semut kerengga, Usah cucuh api. MOD : sarang, semut kerengga, usah, cucuh, api VAR : sarang, semut kerengga Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
6	P135/69	Pergi kedai kawan, Makan semangkuk laksa; Orang seksa haiwan, Sama tanggung dosa.	MAT : Orang seksa haiwan, Sama tanggung dosa. MOD : seksa, haiwan, dosa VAR : haiwan Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
7	P233/118	Leban pokok leban, Tepi pokok mempelam; Ayam masuk reban, Itik dalam kolam.	MAT : Ayam masuk reban, Itik dalam kolam MOD : ayam, reban, itik, kolam VAR : ayam, itik Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
8	P246/124	Main batu seremban, Kena lentik jari; Ayam masuk reban, Bila petang hari.	MAT : Ayam masuk reban, Bila petang hari. MOD : ayam, reban, VAR : ayam Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Jadual 4.9, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
9	P274/138	Perahu sedang berlabuh, Muat batu bata; Taman tepi lebu, Cantik dipandang mata.	MAT : Taman tepi lebu, Cantik dipandang mata MOD : taman, lebu, cantik VAR : taman, lebu Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
10	P276/140	Pergi tempat lelong, Cari hasil bendang; Kambing bawah kolong, Lembu dalam kandang.	MAT : Kambing bawah kolong, Lembu dalam kandang. MOD : kambing, kolong, lembu, kandang VAR : kambing, lembu Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Tuntasnya, PKK dapat berfungsi dalam hampir setiap aktiviti kehidupan masyarakat. Melalui pantun, segala pengalaman hidup, pandangan hidup dan falsafah yang ingin dikemukakan boleh disampaikan baik dalam pembayang mahupun dalam maksud pantun. Justeru, sebagai usaha untuk melestarikan PKK yang sinonim dengan ciri penggunaan unsur alam, pengaplikasian tema alam sekitar dan teknologi hijau dilihat amat sesuai untuk dilaksanakan dalam PdP BM.

4.2.10 Tema Pertanian

Pertanian ialah pengeluaran makanan dan barangan melalui perladangan, penternakan, dan perhutanan. Menurut Van Aarsten (1953, p. 14) pertanian diertikan sebagai kegiatan manusia untuk memperoleh hasil yang berasal dari tumbuh-tumbuhan atau haiwan yang pada mulanya dapat dicapai dengan jalan sengaja untuk menyempurnakan dari segala kemungkinan yang telah diberikan oleh alam yang berguna untuk mengembangbiakan tumbuhan serta haiwan. Mosher (1968, p. 19) pula menyatakan pertanian merupakan suatu produksi yang didasarkan pada proses pertumbuhan tanaman juga haiwan. Berdasarkan tema pertanian yang digariskan dalam KSSR (Semakan 2017), PdP BM yang menerapkan tema pertanian perlu mendedahkan pelajar perihal pertanian seperti

bercucuk tanam, berternak dan menangkap ikan secara tradisional dan moden demi memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang pertanian dalam kehidupan.

Berkait rapat dengan tema pertanian, unsur yang seringkali digunakan dalam pantun ialah unsur tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Hal ini disebabkan hubungan akrab manusia dengan alam sebagai punca rezeki melalui aktiviti pertanian dijadikan sebagai pekerjaan untuk menyara kehidupan. Contoh;

*Masak lemak siput,
Keladi buat bubur;
Ayah buang rumput, (B1)
Padi naik subur. (B2)*
(P265/134)

Baris pembayang dan maksud PKK (P265/134) memilih diksi yang mudah difahami dan menggambarkan pekerjaan masyarakat Melayu yang terlibat dalam bidang pertanian. Kata '*siput*', '*keladi*', '*rumpun*' dan '*padi*' jelas berkaitan dengan bidang pertanian. Berdasarkan analisis MAT, MOD dan VAR pula, baris maksud PKK (P265/134), '*ayah buang rumput (B1)*, '*padi naik subur (B2)*' merupakan unsur MAT yang menggambarkan tentang situasi yang berlaku dalam aktiviti bertani. Berdasarkan unsur MAT, unsur MOD dalam pantun ini diwakili kata kunci '*ayah*', '*rumpun*' dan '*padi*' diikuti dengan unsur VAR iaitu kata '*padi*' yang memperincikan tentang sejenis tanaman utama yang diusahakan oleh masyarakat Melayu.

*Mari kita berkebun,
Tanam ubi kelubi;
Serai hidup rimbun, (B1)
Celah batas ubi. (B2)*
(P261/132)

PKK (P261/132) juga memperlihatkan pemilihan diksi yang berkaitan dengan pertanian melalui kata '*berkebun*', '*tanam*', '*ubi kelubi*' dan '*serai*'. Tema pertanian

dalam PKK ini dijelaskan melalui unsur MAT, 'serai hidup rimbun (B1), celah batas ubi (B2). Manakala unsur MOD pula dicitrakan melalui kata kunci 'serai', 'batas' dan 'ubi' diikuti dengan unsur VAR iaitu kata 'serai' dan 'ubi' yang juga menyatakan tentang jenis-jenis tanaman yang biasanya ditanam di kawasan persitaran rumah sebagai sumber makanan harian. Seterusnya, Jadual 4.10 menunjukkan analisis menyeluruh berkaitan unsur MAT, MOD dan VAR dalam PKK yang bertemakan pertanian.

Jadual 4.10: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Pertanian)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P11/7	Adik berambut kerinting, Bergambar satu keping; Ambil padi bunting, Tumbuk jadi emping.	MAT : Ambil padi bunting, tumbuk jadi emping MOD : padi bunting, tumbuk, emping VAR : padi bunting Tema : Pertanian
2	P14/8	Arak-berarak, Sambut pengantin baru; Tebas pokok larak, Tumbuh pokok dedaru.	MAT : Tebas pokok larak, tumbuh pokok dedaru MOD : tebas, pokok larak, tumbuh, pokok dedaru VAR : pokok larak, pokok dedaru Tema : Pertanian
3	P194/99	Burung terbang burung, Terbang tinggi-tinggi; Ayah petik terung, Awal-awal pagi.	MAT : Ayah petik terung, Awal-awal pagi. MOD : terung, pagi VAR : terung Tema : Pertanian
4	P244/124	Main batu seremban, Lambung paras kepala; Akar perdu haleban, Buat batang tenggala.	MAT : Akar perdu haleban, Buat batang tenggala. MOD : akar, perdu, tenggala VAR : tenggala Tema : Pertanian
5	P247/125	Main batu seremban, Kerja lain tak jadi; Siat batang bemban, Ikat anak padi.	MAT : Siat batang bemban, Ikat anak padi. MOD : batang bemban, ikat, anak padi VAR : anak padi Tema : Pertanian
6	P257/130	Mana di mana ? Kumbuh paras dada; Tanam buah nona, Tumbuh durian belanda.	MAT : Tanam buah nona, Tumbuh durian belanda MOD : tanam, buah nona, tumbuh, durian belanda VAR : buah nona, durian belanda Tema : Pertanian
7	P261/132	Mari kita berkebun, Tanam ubi kelubi; Serai hidup rimbun, Celah batas ubi.	MAT : Serai hidup rimbun, Celah batas ubi MOD : serai, rimbun, ubi VAR : serai, ubi Tema : Pertanian

Jadual 4.10, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
8	P265/134	Masak lemak siput, Keladi buat bubur; Ayah buang rumput, Padi naik subur.	MAT : Ayah buang rumput, Padi naik subur. MOD : ayah, rumput, padi, VAR : padi Tema : Pertanian
9	P304/154	Tebang jangan tebang, Cempa, pokok kekaku; Cari buah berembang, Jumpa buah gedabu.	MAT : Cari buah berembang, Jumpa buah gedabu. MOD : cari, buah berembang, buah gedabu VAR : buah berembang, buah gedabu Tema : Pertanian

Kesimpulannya, penerapan tema pertanian dalam PdP bahasa menggunakan pantun boleh dilaksanakan kerana pengungkapan unsur pertanian dalam PKK adalah berdasarkan pengalaman dan pemerhatian masyarakat Melayu terhadap alam yang diperolehi daripada aktiviti bercucuk tanam, berternak dan menangkap ikan baik secara tradisional mahupun moden.

4.2.11 Tema Ekonomi/Keusahawanan

Pendidikan Negara bermatlamat menghasilkan modal insan seimbang dalam empat domain utama iaitu kognitif, psikomotor, afektif dan sosial. Kemahiran Keusahawanan pula merupakan antara kemahiran penting dalam Kemahiran-kemahiran Insaniah (*soft skills*) yang harus dimiliki oleh pelajar. Dalam bahasa Melayu istilah usahawan sebenarnya berasal dari perkataan 'usaha'. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, p. 1425), usahawan berasal daripada perkataan usaha. Usaha yang dimaksudkan ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan perbuatan untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan. Kuratko & Hodgetts (1992, p. 59) menyatakan dengan jelas definisi usahawan. Mereka menyatakan bahawa "*entrepreneur is one who undertakes to organise, manage and assume the risks of business*". Dalam KSSR (Semakan 2017), strategi pengajaran BM menggariskan tema ekonomi/keusahawanan

yang merujuk perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan adalah sesuai untuk diterapkan melalui pendekatan tematik bagi mengajar BM.

Selain PdP bahasa melalui pelbagai bentuk genre sastera seperti cerita, syair, puisi, nyanyian kanak-kanak dan sebagainya, PKK juga boleh digunakan sebagai wadah dalam PdP di samping berperanan sebagai gambaran masyarakat dari pelbagai segi termasuklah ekonomi. Di dalam PKK, terselit mesej untuk memberi nasihat, teguran dan pandangan. Walaupun pantun sifatnya ringkas tapi kental serta padat untuk memberi pandangan dan gambaran yang merentas pelbagai bidang. PKK (P192/98), PKK (P195/99) dan PKK (P260/132) menggambarkan mesej yang bertemakan ekonomi/keusahawanan.

*Burung terbang burung,
Atas pokok gelam;
Terung dalam karung, (B1)
Jual di pasar malam. (B2)*
(P192/98)

*Burung terbang burung,
Dendang burung nuri;
Bawa jambu sekarung, (B1)
Jual di pekan sari. (B2)*
(P195/99)

*Mari kita berkebun,
Setiap hari Rabu;
Bela lembu tambun, (B1)
Seekor dua ribu. (B2)*
(P260/132)

Pemilihan tema ekonomi/keusahawanan dibuat berdasarkan analisis MAT, MOD dan VAR. Dalam PKK (P192/98), unsur MAT digambarkan melalui baris maksud pantun iaitu '*terung dalam karung (B1), jual di pasar malam (B2)*'. Dalam PKK (P195/99), '*bawa jambu sekarung (B1), jual di pekan sari (B2)*' dan dalam PKK (P260/132) pula unsur MAT diwakili oleh baris maksud, '*bela lembu tambun (B1), seekor dua ribu (B2)*'. Analisis diperincikan melalui mengenal pasti unsur MOD dalam

setiap PKK. Dalam PKK (P192/98), unsur MOD digambarkan melalui kata kunci 'terung', 'jual' dan 'pasar malam'. Dalam PKK (P195/99) pula, unsur MOD adalah berdasarkan kata kunci 'jambu', 'jual' dan 'pekan sari'. Manakala, dalam PKK (P260/132), unsur MOD dizahirkan melalui kata kunci 'lembu', 'tambun' dan 'dua ribu'. Seterusnya, analisis dilengkapkan melalui mengenal pasti unsur VAR dalam PKK. Dalam PKK (P192/98) dan PKK (P195/99), unsur VAR dijelaskan melalui kata 'jual' diikuti dengan kata 'dua ribu' sebagai kata yang mewakili unsur VAR dalam PKK (P260/132). Jadual 4.11 menunjukkan analisis yang menyeluruh untuk mengenal pasti MAT, MOD dan VAR bagi mengklasifikasikan PKK dalam tema Ekonomi/Keusahawan.

Jadual 4.11: MAT, MOD dan VAR dalam PKK (Tema Ekonomi/Keusahawan)

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
1	P185/94	Bacang buah bacang, Tanam di tanah lapang; Duit dalam uncang, Seringgit dua kupang.	MAT : Duit dalam uncang, Seringgit dua kupang MOD : duit, uncang, kupang VAR : duit, kupang Tema : Ekonomi
2	P192/98	Burung terbang burung, Atas pokok gelam; Terung dalam karung, Jual di pasar malam.	MAT : Terung dalam karung, Jual di pasar malam. MOD : Terung, karung, jual, pasar malam VAR : jual, pasar malam Tema : Ekonomi
3	P195/99	Burung terbang burung, Dendang burung nuri; Bawa jambu sekarung, Jual di pekan sari.	MAT : Bawa jambu sekarung, Jual di pekan sari MOD : jambu, jual, pekan sari VAR : jual, pekan sari Tema : Ekonomi
4	P260/132	Mari kita berkebun, Setiap hari Rabu; Bela lembu tambun, Seekor dua ribu.	MAT : Bela lembu tambun, Seekor dua ribu. MOD : lembu, tambun, dua ribu VAR : dua ribu Tema : Ekonomi
5	P278/141	Pergi tempat lelong, Cari baju kemeja; Beli seutas kalung, Hasil upah kerja.	MAT : Beli seutas kalung, Hasil upah kerja. MOD : beli, kalung, upah VAR : beli, upah Tema : Ekonomi

Jadual 4.11, sambungan

Bil	Pantun (P)/MS	Pantun	Matriks/Model/Varian
6	P311/157	Gulai jolong-jolong, Goreng kacang kelisa; Hidup tolong-menolong, Dapat maju bangsa.	MAT : Hidup tolong-menolong, Dapat maju bangsa. MOD : tolong-menolong, maju, bangsa VAR : maju, bangsa Tema : Ekonomi
7	P312/158	Tolong-menolong, Angkat susun peti; Beli kemeja lelong, Pilih berhati-hati.	MAT : Beli kemeja lelong, Pilih berhati-hati MOD : beli, lelong, pilih VAR : beli Tema : Ekonomi

Kesimpulannya, pemupukan budaya keusahawanan adalah penting bagi melahirkan pelajar yang relevan dengan keperluan semasa dan cabaran masa depan. Oleh itu, penerapan tema ekonomi/keusahawanan dalam PdP BM perlu dilaksanakan seawal peringkat persekolahan. Ini bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan budaya kerja yang baik selain daripada boleh menghasilkan inovasi, mereka cipta dan mempunyai kecenderungan untuk mengurus niaga serta menjana pendapatan.

4.3 Rumusan

Penelitian dalam bab ini menggunakan metode pemaknaan Riffaterre untuk memaknai PKK. Metode MAT, MOD dan VAR digunakan untuk meneruskan mengenal pasti tema yang wujud sebagai 'cerita utama' dalam PKK. Analisis ini bersandarkan pemikiran Riffaterre bahawa karya sastera mengandungi suatu model yang diciptakan oleh pengarang dapat dibuktikan melalui tanda-tanda yang tersebar dalam karya tersebut. Penghasilan tema dalam PKK melalui analisis yang menggunakan metode MAT, MOD dan VAR mengwujudkan perkaitan tentang signifikan dan relevannya PKK sebagai satu wadah dalam PdP BM. Hal ini dijelaskan dalam KSSR (Semakan 2017) yang menyenaraikan sebelas cakupan tema yang bersesuaian untuk diterapkan sebagai

strategi PdP BM melalui pendekatan tematik. Pendekatan tematik merupakan suatu usaha mengintegrasikan pengetahuan, sikap, dan keterampilan, serta pemikiran yang kreatif dengan menggunakan tema-tema untuk meningkatkan motivasi belajar. Sebelas cakupan tema yang wujud dalam masyarakat yang berhubungan langsung dengan pelajar ke dalam pembelajaran dan dikembangkan model pembelajarannya. Tuntasnya, analisis ini menunjukkan bahawa metode MAT, MOD dan VAR berupaya menghuraikan tema dan seterusnya menyumbang ke arah memaknai PKK.

University of Malaya

BAB 5: ANALISIS KETIDAKLANGSUNGAN EKSPRESI DAN HIPOGRAM (HIP) DALAM PANTUN KANAK-KANAK (PKK)

5.1 Pendahuluan

Pantun ialah karya puisi Melayu lama yang bukan sekadar sarat dengan makna tetapi juga padat dengan keindahan bahasanya. Za'ba (1965, p. 218) menyatakan bahawa puisi khususnya pantun menekankan kepada kecantikan, keindahan bahasa, metafora, pemikiran, pendidikan, pengajaran dan sebagainya. Bahasa pantun yang indah dan halus sering kali dipengaruhi oleh makna yang didokong oleh leksikal dan rangkai kata yang mengisi rangkap pantun. Bahasa pantun berbeza dengan bahasa seharian. Sifat bahasa pantun ringkas, padat dan kaya dengan makna. Makna dalam pantun dihasilkan oleh ungkapan yang ditulis atau dinyatakan secara tidak langsung. Riffaterre (1978, p. 5) menyatakan puisi sebagai bentuk ketidaklangsungan ekspresi. Ketidaklangsungan ekspresi dalam pantun terjadi menerusi bahasa tersirat yang menyampaikan maksud yang berlapis dan mempunyai makna yang lain.

Pantun merupakan kesinambungan dan transformasi teks yang lain iaitu teks yang menjadi latar belakang penciptaannya. Kemunculan rangkap pantun boleh berkaitan dengan karya sastera lain yang terlebih dahulu tercipta. Makna pantun boleh difahami sepenuhnya setelah diketahui hubungan antara pantun tersebut dengan pantun atau karya sastera lain yang menjadi latar penciptanya. Riffaterre (1978, p. 24) mengemukakan bahawa hipogram (HIP) terwujud dalam teks-teks yang ada sebelumnya, baik berupa mitos maupun karya sastera lainnya.

Namun, tahap pengekspresian konsep secara tidak langsung dalam PKK tidaklah dianggap kritikal kerana sifat PKK yang biasanya dibina menggunakan kata-kata yang mudah, jelas dan boleh ditafsir secara langsung. Oleh itu, bagi memahami makna

khususnya semiotik dalam PKK, pembaca hendaklah mengenal pasti aspek ketidaklangsungan ekspresi dan HIP dalam pantun. Jadi, proses pemahaman PKK dengan analisis SR merupakan salah satu usaha untuk dapat menangkap unsur ketidaklangsungan ekspresi dan HIP yang terdapat dalam PKK sehingga dengan mudah pembaca pantun dapat memahami makna pantun tersebut. Justeru, untuk mengungkapkan makna yang terkandung di dalamnya, kajian ini mengacu pada teori SR dan analisis meliputi aspek ketidaklangsungan ekspresi dan HIP dalam PKK. Analisis ini perlu diteliti secara mendalam untuk memahami dan mengali makna dari sudut semiotik yang hadir dalam PKK.

5.2 Ketidaklangsungan Ekspresi dalam PKK

Pantun berbeza berbanding dengan puisi tradisional yang lain kerana memiliki nilai estetikanya yang tersendiri sebagai alat untuk pembuka bicara, pengucapan emosi, menyatakan hajat dan pembayang niat. Selain itu, pantun khususnya PKK juga dianggap sebagai alat hiburan, alat pendidikan dan alat menguji ketajaman akal dan kehalusan perasaan serta sebagai alat untuk mendapatkan gambaran masyarakat. Di sebalik nilai tersebut terdapat pula maksud yang tersirat dan memerlukan kajian yang mendalam untuk memahami maksud di sebaliknya. Nor Hashimah Jalaluddin (2014, p. 6) menyatakan bahawa bahasa tersirat yang terakam banyak dalam pantun, peribahasa dan gurindam yang dianggap sebagai ketinggalan zaman oleh sesetengah orang sebenarnya menjadi medan pengasahan minda Melayu.

Berfokuskan bahan kajian, setiap rangkap PKK yang dianalisis bersifat mudah untuk diungkap dan indah untuk dituturkan selayaknya untuk menjadi bahan bacaan kanak-kanak. Namun, bahasa berseni yang menyampaikan makna konotasi tetap wujud dalam PKK. Wallek & Warren dalam Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim.

(2017, p. 108) mengatakan bahwa karya yang baik dapat membantu mempengaruhi penerimaan dan pemahaman pendengar atau penikmat karya sekiranya bahasa yang digunakan adalah jelas, indah dan berkesan. Justeru, seperti juga bahasa yang digunakan dalam pantun untuk golongan dewasa, bahasa PKK juga bersifat ekspresi yang tidak langsung, iaitu menyatakan fikiran atau gagasan secara tidak langsung dengan cara lain walaupun tidak begitu menyerlah berbanding pantun untuk golongan dewasa.

Bahasa PKK yang diungkapkan dengan kata konotatif merupakan teknik ekspresi tidak langsung. Riffaterre (1978, p. 5) menyebutnya sebagai ketidaklangsungan ekspresi. Ketidaklangsungan ekspresi dalam puisi menurut Riffaterre (dalam Pradopo 2009, p.111) disebabkan oleh penggantian erti (*displacing of meaning*), penyimpangan erti (*distorsing of meaning*) dan penciptaan erti (*creating of meaning*). Hal ini dikemukakan oleh Riffaterre (1978, p. 2),

'Inderection is produced by displacing, distorting or creating meaning. Displacing, when the sign shift from one meaning to another, when the one word 'Stands for' another, as happens with metaphore and metonymy. Distorting, when there is ambiguity, contradiction, or nonsense. Creating, when the textual space serve as a principle of organization for making signs out of linguistics items that may not be meaningful otherwise (for instance, syimmetry, rhyme, or semantic equivalence between positional homologues in a stanza).'

Penggantian erti merupakan penggunaan kata yang menggantikan erti sebenarnya. Penggantian erti ini menurut Riffaterre (dalam Pradopo, 2009, p. 124) disebabkan oleh penggunaan metafora dan metonimi dalam karya sastra. Penggantian erti itu menggunakan bahasa kiasan seperti simile (perbandingan), metafora, personifikasi, sinekdoki dan sebagainya. Menurut Riffaterre (dalam Pradopo, 2009, p. 125) lagi penyimpangan erti pula disebabkan oleh tiga hal, iaitu pertama; ambiguiti, kedua; kontradiksi dan ketiga; *nonsense*. Manakala, menurut Riffaterre (dalam Pradopo, 2009, p. 126) juga mengemukakan bahawa penciptaan erti merupakan konvensi keputisan yang berupa bentuk visual yang secara linguistik tidak mempunyai erti, tetapi menimbulkan makna dalam karya sastra. Jadi, penciptaan erti ini merupakan

pengorganisasian teks di luar linguistik. Termasuk di dalam penciptaan erti ini adalah pembaitan, enjambemen, rima, tipografi dan homolog.

Dalam penggantian makna, suatu kata (kiasan) memberi makna yang lain. Menurut Riffaterre (dalam Pradopo, 2009, p. 212), umumnya kata-kata kiasan menggantikan makna sesuatu yang lain. Dalam PKK, penggantian makna iaitu kata kiasan seperti simile (perbandingan), metafora, personifikasi, sinekdoki dan sebagainya digunakan untuk menerangkan sesuatu makna yang lain. Bahasa kiasan merupakan teknik pengungkapan bahasa yang maknanya tidak menunjuk secara langsung terhadap khalayak yang disasarkan. Bahasa kiasan lebih cenderung menampilkan makna tersirat, sehingga penangkapan makna perlu dilakukan melalui penafsiran terlebih dahulu. Penggunaan bahasa kiasan dilakukan sebagai suatu cara untuk menimbulkan kesan tertentu, sehingga menjadikan pendengar/pembaca PKK lebih tertarik untuk mengetahui maksud yang ingin disampaikan dalam PKK. Contoh,

*Kawan oh kawan,
Bertemu atas titi;
Piring dengan cawan,
Seperti kawan sejati.*

(P223/113)

Simile adalah suatu kata perbandingan yang eksplisit atau tidak langsung dengan menggunakan kata-kata pembanding seperti, sama, sebagai, bagaikan, laksana, mirip dan sebagainya. Nurgiyantoro (2007, p. 298) menyebutkan simile sebagai kata yang menyatakan perbandingan tidak langsung dan implisit, dengan mempergunakan kata-kata tugas tertentu sebagai penanda keeksplisitannya iaitu seperti, bagai, bagaikan, sebagai, laksana, mirip dan sebagainya. Simile dalam PKK (P223/113), '*piring dengan cawan, seperti kawan sejati*' atau lebih jelas diungkapkan sebagai '*seperti piring dengan cawan*' mendukung maksud tentang hubungan yang akrab. Perumpamaan ini juga sinonim dengan perumpamaan '*bagai aur dengan tebing*' dan '*bagai isi dengan kuku*' yang membawa maksud berkaitan dengan hubungan yang erat dan sangat rapat. Dalam

PKK (P223/113), perumpamaan '*piring dengan cawan, seperti kawan sejati*' mencitrakan tentang perhubungan antara kawan/sahabat sejati yang erat dan saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain sinonim dengan cawan dan piring yang tidak dapat dipisahkan. Cawan selalunya dicipta untuk diisi dengan air minuman yang panas. Jadi, piring diperlukan bukan hanya sebagai lapik atau alas bagi mengelak daripada air minuman dalam cawan tertumpah, malah boleh juga membantu memudahkan untuk cawan yang berisi minuman panas diangkat dan diminum.

Ambiguiti dalam PKK menuntut usaha dan kemahiran yang lebih demi memahami maksud di sebalik yang ingin disampaikan melalui PKK. Ambiguiti dalam bahasa sastera bersifat memiliki makna yang ganda atau lebih dari satu erti. Walaupun unsur ambiguiti jarang berlaku dalam ciptaan PKK disebabkan bentuk PKK yang menggunakan bahasa yang ringkas, kemampuan golongan kanak-kanak untuk mempelbagaikan penggunaan makna dalam kata dan keupayaan untuk menjelaskan unsur ambiguiti dalam PKK dilihat sebagai suatu yang positif dari segi tahap penguasaan bahasa. Kenyataan ini dikemukakan oleh Abdullah Hassan (2007, p. 48) bahawa keupayaan kanak-kanak mempelbagaikan penggunaan makna bagi sesuatu perkataan yang diujarkan adalah melambangkan kemampuan sebenar kanak-kanak dalam penguasaan bahasanya yang berjaya dikaitkan dengan pengetahuan tentang dunia disekitarnya.

Penyimpangan (*distorting*) makna dalam PKK berlaku disebabkan oleh ambiguiti, kontradiksi dan *nonsense* (tidak bermakna). Ambiguiti atau ketaksaan bermaksud kata/frasa/ayat yang bermakna ganda atau mendua makna.

Abah oh abah, (baris 1 seterusnya B1)
Belok sebelah kiri;(baris 2 seterusnya B2)
Rebah jangan gelabah,(baris 3 seterusnya B3)
Elok periksa diri.(baris 4 seterusnya B4)

(P4/3)

PKK (P4/3) berfungsi sebagai pantun yang memberi peringatan agar kita sentiasa berhati-hati ketika beraktiviti. Secara tersurat, baris pembayang pantun, '*abah oh abah* (B1), *belok sebelah kiri* (B2) jelas menunjukkan perlakuan yang sedang dilakukan oleh abah yang bergerak dan membelok ke sebelah kiri. Manakala, baris maksud PKK (P4/3) ini mempunyai unsur ambiguiti yang boleh menimbulkan makna yang berganda. Berhubung kait dengan makna baris pembayang pantun, baris maksud pantun '*rebah jangan gelabah* (B3), *elok periksa diri*' (B4) boleh memberi maksud sebagai pesan atau peringatan kepada abah yang sedang membelok agar berhati-hati bagi mengelak daripada berlakunya kemalangan. Abah juga diingatkan agar sentiasa memeriksa dan mengawasi diri serta bertenang jika berdepan dengan kesukaran. Selain itu, secara umumnya baris maksud '*rebah jangan gelabah* (B3), *elok periksa diri*' (B4) juga boleh ditafsirkan sebagai peringatan kepada umum tentang pentingnya sikap bermuhasabah diri dan bertenang ketika berdepan dengan masalah atau kepayahan. Sifat menerima kekuatan dan kelemahan diri akan menjadikan kita lebih rasional dalam menangani setiap masalah yang timbul.

Selain unsur ambiguiti, Kontradiksi digunakan untuk memberikan pernyataan yang mempunyai pengertian yang bertentangan atau digunakan untuk menyatakan hal secara berkebalikan dengan tujuan menyindir. Kontradiksi wujud dalam pantun menggunakan ironi, paradoks dan antitesis. Ironi menyatakan sesuatu secara sebaliknya dan biasanya bertujuan untuk mengejek, menyindir atau memperolok. Contoh;

Gulai ikan kerisi, (B1)
Kerabu pucuk selada; (B2)
Ketawa nama gusi, (B3)
Gigi sebatang tiada. (B4)

(P57/30)

Ironi dalam PKK (P57/30), '*ketawa nama gusi (B3), gigi sebatang tiada (B4)*' dipamerkan melalui maksud pantun mengejek penampilan orang yang tidak menarik disebabkan oleh deretan gigi yang tidak sempurna. Walaupun maksud pantun ini tidak secara jelas menceritakan tentang kekurangan penampilan seseorang, ironi berupa ejekan dalam pantun ini boleh memberi kesan kerana penampilan menarik dan mempesona tidak hanya dipandang dari segi bentuk tubuh dan kesihatan kulit, namun juga kesihatan gigi yang sempurna.

Kontradiksi berupa pradoks dan antitesis menggunakan kata-kata yang pertentangan dalam pantun. Pradoks dan antithesis diperlukan dalam karya sastra untuk memberikan impak yang lebih besar terhadap pendengar/pembaca. Pradoks adalah kata yang memuat pernyataan yang seolah-olah berlawanan dengan pendapat umum, tetapi benar kenyataannya. Contoh;

Jangan rasa cuak, (B1)
Guru suruh mengeja; (B2)
Ilmu tidak luak, (B3)
Walaupun dibelanja. (B4)

(P214/108)

PKK (P214/108) menyampaikan maksud kebaikan berkongsi ilmu dengan sesiapa sahaja. Perbuatan menyampaikan ilmu akan membuka minda kepada lebih banyak ilmu lagi sekali gus menjadikan kita lebih berfikiran kreatif dalam memperbaiki ilmu yang sedia ada. Baris maksud, '*ilmu tidak luak (B3), walaupun dibelanja (B4)*' merupakan pradoks yang membawa pernyataan seolah-olah bertentangan dengan pandangan bahawa sesuatu yang 'dibelanjakan' pasti menjadi semakin berkurang/luak. Tapi penyataan yang benar adalah ilmu yang dikongsi tidak akan berkurang/luak kerana perkongsian ilmu menjadikan ilmu semakin berkembang dan luas.

Berbeza dengan pradoks, antitesis pula adalah kata yang berupa gabungan dua kata yang berlawanan dalam susunan kata yang sejajar. Contoh,

Naik kereta kuda, (B1)
Panjat tangga pintu; (B2)
Kasih harta benda, (B3)
Kaya belum tentu. (B4)

(P268/136)

Dalam PKK (P268/136), bait '*kasih harta benda*' (B3) dan bait '*kaya belum tentu*' (B4) merupakan gabungan dua ungkapan yang berlawanan. Lumrahnya, seseorang yang mengejar harta benda adalah orang yang sukakan kehidupan yang kaya dan berharta. Namun, antitesis dalam PKK (P268/136) ini menyatakan bahawa kekayaan bukanlah jaminan yang pasti untuk seseorang yang sentiasa mengejar harta benda kerana harta benda boleh berkurang/luak jika tidak diurus dengan cara yang betul.

Seterusnya, *nonsense* secara linguistik tidak mempunyai erti leksikal yang tidak boleh dirujuk dalam kamus. Menurut Riffaterre (1978), *nonsense* tidak mempunyai makna tapi mempunyai makna ghaib atau juga mempunyai makna lain yang sesuai dengan konteksnya. Unsur *nonsense* juga wujud dalam PKK walaupun tiada contoh yang dapat dipetik dari bahan kajian. Contoh,

Pat pat siku lipat,
siapa cepat dia dapat.

Sang sang sut,
Tali sabut,
Siapa kentut,
Pecah perut.

Baris '*pat pat siku lipat*' dan '*sang sang sut*' di atas tidak memberi makna tapi berfungsi sebagai *nonsense* dalam ungkapan. Pantun yang menggunakan *nonsense* masih memiliki makna kerana wujudnya konvensi sastera. PKK dua kerat dan empat kerat ini merupakan pantun yang sering dinyanyikan oleh kanak-kanak dalam permainan tradisi. Pantun ini dinyanyikan/diungkapkan untuk mendapatkan siapa yang

‘menang’ atau ‘kalah’ dalam suatu perlawanan. Contohnya, orang yang ‘menang’ boleh meneruskan permainan dan bersaing dengan pemain-pemain yang lain sehingga tamat perlawanan. Manakala orang yang ‘kalah’ tidak boleh meneruskan perlawanan. Dalam konteks struktur pantun pula, bait ‘*pat pat siku lipat*’ memenuhi syarat pembentukan rima dan bunyi dalam pantun dua kerat menerusi pemilihan kata ‘*lipat*’ dan ‘*dapat*’ di hujung setiap baris pantun. Hal yang sama juga wujud dalam bait ‘*sang sang sut*’. Ungkapan ‘*sut*’ berfungsi sebagai pelengkap rima dan bunyi kata ‘*sabut*’, ‘*kentut*’ dan ‘*perut*’ di setiap hujung baris pantun empat kerat.

Penciptaan erti dalam PKK merupakan sebuah konvensi keputisan. Konvensi atau aturan ini berupa bentuk visual yang secara linguistik tidak mempunyai erti tetapi menimbulkan makna bagi pantun tersebut. Kenyataan ini dikemukakan oleh Riffaterre (1978, p. 2) bahawa penciptaan (*creating*) makna terjadi bila ruang teks berperanan sebagai prinsip pengorganisasian untuk membuat tanda-tanda keluar dari hal-hal ketatabahasaan yang secara linguistiknya tidak memberi erti. Penciptaan erti terdiri dari enjambemen, homolog dan tipografi. Enjambemen adalah ungkapan yang ‘melanggar batas’ atau berlakunya perloncatan baris dalam pantun sehingga membuat intensiti makna atau perhatian pada baris akhir pantun. Homolog pula bermaksud persejajaran bentuk atau baris dalam pantun sehingga boleh menimbulkan makna yang sama. Manakala tipologi pula merupakan tata huruf dalam pantun yang tiada makna tapi dapat mencipta makna. Contoh,

Kait, kait pelepah, (B1)
Kepala tak berpaling; (B2)
Jangan buat sampah, (B3)
Jaga alam sekeliling. (B4)

(P73/38)

Rambai, buah rambai, (B1)
Dijual merata-rata; (B2)
Sambil tangan melambai, (B3)
Titis air mata. (B4)

(P115/58)

Bait '*kait, kait pelepat*' (B1) dalam PKK (P73/38) dan bait '*rambai, buah rambai*' (B1) dalam PKK (P115/58) digunakan bagi menunjukkan berlakunya *enjambemen* atau perlanggaran batas sehingga boleh memberikan intensiti makna pada baris akhir pantun yang berbunyi *kait pelepat* (B1) (P73/38) dan *buah rambai* (B1) (P115/58). Misalnya, baris pembayang PKK (P73/38), '*kait, kait pelepat, (B1) kepala tidak berpaling*' (B2) boleh ditafsirkan sebagai perbuatan mengait benang untuk menghasilkan corak 'daun' (pelepat) yang perlu dilakukan dengan penuh teliti dan kemas untuk menghasilkan corak kait yang cantik. Pengulangan kata '*kait*' (2 kali) boleh memberikan intensiti makna dari segi perbuatan 'mengait benang' yang perlu dibuat secara berulang-ulang dan sistematik untuk menghasilkan satu corak penuh (daun). Sikap teliti, kemas dan menghargai sesuatu yang cantik juga dapat dikaitkan dengan makna yang disampaikan dalam maksud PKK (P73/38) '*jangan buat sampah, jaga alam sekeliling*' yang menyeru agar kita sentiasa menjaga keindahan/kebersihan alam sekeliling.

Manakala, aspek persejajaran dalam bentuk kata dan bunyi dalam PKK (P73/38) melalui kata *pelepat* (B1) dan *sampah* (B3) serta kata *berpaling* (B3) dan *sekeliling* (B4) dalam PKK (P73/38) juga menghasilkan kesan keindahan dalam seni sastera disamping nilai makna yang ingin disampaikan dalam PKK. Unsur pensejajaran dalam PKK (P115/58) juga berlaku melalui penggunaan kata dan bunyi '*rambai*' (B1) dan '*melambai*' (B3) serta '*merata-rata*' (B2) dan '*air mata*' (B4) sehingga menghasilkan kesan keindahan dalam seni pantun.

Secara keseluruhannya, penelitian adalah menyentuh tentang wujudnya pemaknaan yang berbeza dari hal yang dinyatakan dalam PKK seperti yang disebutkan oleh Riffattere (1978, p. 5) sebagai ketidaklangsungan ekspresi. Hal ini membuktikan bahawa ketidaklangsungan ekspresi menjadikan PKK lahir sebagai satu ciptaan yang bersifat multi makna dan suatu pendekatan diperlukan bagi memastikan golongan kanak-kanak mampu memahami dan menginterpretasi makna konotasi dalam PKK.

Abdul Halim Ibrahim menyatakan bahawa (dalam Mangantar, 1983, p.685) bahawa kemampuan kanak-kanak menggunakan bahasa dalam bentuk ujaran yang mempunyai makna adalah berdasarkan lingkungan pengalaman, pemahaman dan tanggapannya sendiri yang berbeza daripada sistem orang dewasa. Justeru, berdasarkan teori SR dan berfokuskan pada aspek ketidaklangsungan ekspresi, PKK boleh diterjemahkan dengan tepat dan logik dari sudut semiotik.

5.3 HIP dalam PKK

Karya sastera termasuk PKK hadir atau dicipta kerana adanya seorang pengarang yang menuliskannya. Karya sastera dicipta untuk menanggapi isu-isu yang terjadi pada masyarakat disekelilingnya, bahkan seorang pengarang tidak terlepas dari elemen pemikiran, ideologi dan juga pandangan dunia pada zamannya atau sebelumnya. Semua elemen tersebut tercantum dalam karyanya. Oleh itu, PKK tidak terlepas dari fenomena sosial budayanya dan juga mempunyai perkaitan dengan hubungan kesejarahan sasteranya. Menurut Pradopo (2009, p.167), sebuah karya sastera, baik puisi mahupun prosa mempunyai hubungan sejarah antara karya sezaman, yang mendahuluinya atau yang kemudian. Hubungan sejarah ini baik berupa persamaan atau pertentangan. Dengan hal demikian ini, sebaiknya membicarakan karya sastera itu dalam hubungannya dengan karya sezaman, sebelum atau sesudahnya.

Riffaterre (1978, p. 156) memandang karya sastera sebagai suatu bentuk maklum balas ke atas karya sastera yang lain. Tugas pembaca/pendengar adalah untuk menemukan dan menafsirkan makna yang terkandung dalam karya sastera tersebut. Satu prinsip yang penting dan berkaitan dengan hal ini diungkapkan oleh Riffattere adalah prinsip intertekstualiti iaitu karya sastera memiliki hubungan dengan karya yang lain. Jelasnya, seorang pembaca puisi dapat memperoleh makna puisi secara lengkap

(penuh) ke atas puisi yang dibacanya jika dapat menemukan hubungan (pertentangannya) dengan karya sastra yang lain. Untuk hal ini diistilahkan oleh Riffaterre sebagai HIP. Menurut Riffaterre (1978, p. 63-64), hipogram adalah teks yang diimajinasikan oleh pembaca dalam sebuah kondisi yang belum bertransformasi. Hipogram berupa sebuah kalimat tunggal atau serangkaian kalimat yang terbentuk dari klise, kutipan dari teks-teks lain, atau sebuah sistem yang deskriptif.

Tujuan analisis HIP dalam PKK adalah untuk memahami secara lebih baik karya sastra yang bersangkutan, di samping untuk membantu menjelaskan pembaca yang kurang dapat memahami teks PKK. Justeru, analisis dibuat berdasarkan jenis-jenis HIP. Menurut Riffaterre (1978, p. 23), HIP terbentuk dalam dua jenis iaitu HIP potensial dan HIP aktual. HIP potensial adalah HIP yang terkandung dalam bahasa yang digunakan dalam karya sastra, segala bentuk implikasi dari makna kebahasaan yang telah difahami. Bagi mengetahui bentuk implikasi tersebut pembaca tidak perlu mencarinya dalam kamus kerana sebenarnya bentuk implikasi tersebut telahpun wujud dalam fikiran masing-masing. HIP potensial boleh berbentuk presuposisi, sistem deskripsi, makna konotasi dan lain-lain. HIP boleh teraktualisasikan dalam teks dan boleh juga tidak (Riffaterre, 1978, p. 25). Kata berfungsi seperti ensiklopedia mewakili hal yang berkaitan dengan kata itu. Aktualisasi yang ada memungkinkan adanya penekanan, visualisasi sehingga memerlukan penguraian konotasi dan denotasi (Riffaterre, 1978, p. 26). HIP potensial merupakan bahagian dari kemampuan pembaca dalam menguasai konvensi linguistik dan konotasi-konotasi pembaca seringkali dikaitkan pada HIP tersebut.

Merujuk maksud HIP potensial yang berkonsepkan 'terkandung dalam bahasa yang digunakan dalam karya sastra dan segala bentuk implikasi dari makna kebahasaan yang telah difahami', wujud perkaitan konsep 'pengetahuan sedia ada' yang merupakan asas penting dalam mempercepatkan proses pemahaman. Brooks dan

Brooks (1993, p. 69) menyatakan bahawa kanak-kanak membina makna tentang dunia dengan mensintesis pengalaman baru kepada perkara yang mereka telah fahami sebelum ini. Mereka membentuk peraturan melalui refleksi tentang interaksi mereka dengan objek dan idea. Apabila mereka bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang tidak bermakna, maka mereka sama ada akan menginterpretasikan perkara yang dilihat supaya sesuai dengan peraturan yang telah dibentuk atau akan menyesuaikan peraturan agar dapat menerangkan maklumat baru ini dengan lebih baik. Jadi, pemahaman dan pemaknaan juga banyak bergantung kepada sejauh mana pengetahuan sedia ada tentang latar, aktiviti dan budaya yang dibincangkan di dalam teks. Hal ini juga dinyatakan oleh Beck (1981, p. 8) bahawa pengetahuan sedia ada memainkan peranan penting dalam pemahaman isi kandungan teks. Selain daripada itu beliau turut menegaskan bahawa pemahaman bergantung kepada beberapa aspek iaitu linguistik, konseptual, kognitif dan kemampuan pengetahuan am.

HIP potensial tidak dieksplisitkan dalam teks, tetapi harus diabstraksikan dari teks. HIP potensial adalah MAT yang merupakan inti teks yang berupa satu kata, frasa atau ayat mudah. Transformasi pertama MAT atau HIP potensial adalah MOD yang kemudian ditransformasikan menjadi VAR. Jadi, HIP potensial di dalam PKK adalah maksud yang disampaikan dalam setiap rangkap PKK. Contoh,

Tanam tepi perigi, (B1)
Sebatang pokok turi; (B2)
Untuk jaga gigi, (B3)
Berus tiap hari. (B4)
(P2/2)

Tanam pokok selasih, (B1)
Penat baru rehat; (B2)
Gigi putih bersih, (B3)
Tanda amal sihat. (B4)
(P58/30)

Koci tiga segi, (B1)
Makan jilat jari; (B2)
Amal gosok gigi, (B3)
Pagi malam hari. (B4)

(P60/31)

HIP potensial dalam PKK (P2/2), PKK (P58/30) dan PKK (P60/31) jelas digambarkan melalui dua baris maksud pantun. HIP potensial PKK (P2/2), '*untuk jaga gigi, (B3) berus tiap hari. (B4)*', PKK (58/30), '*gigi putih bersih (B3), tanda amal sihat (B4)*' dan PKK (P60/31), '*amal gosok gigi (B3), pagi malam hari (B4)*' menyampaikan maksud yang diabstraksikan melalui MAT iaitu inti teks. Tiga rangkap PKK tersebut memperihalkan tentang penjagaan kesihatan gigi iaitu dengan cara amalan memberus gigi. Amalan memberus gigi secara teratur dan berkesan adalah langkah untuk mengekalkan gigi dan gusi yang sihat. Kesihatan gigi merupakan sebahagian daripada kesihatan anggota badan demi kesempurnaan kualiti hidup. Gigi yang sempurna adalah gigi yang bebas dari ancaman masalah pergigian.

Jual tentu laku, (B1)
Betik buah berangan; (B2)
Bila baca buku, (B3)
Elak angan-angan. (B4)

(P38/20)

Petik pucuk paku, (B1)
Sama ulam raja; (B2)
Bawa bersama buku, (B3)
Baca di mana sahaja. (B4)

(P39/21)

Tepi kebun duku, (B1)
Tanam pokok pegaga; (B2)
Ilmu dalam buku, (B3)
Nilai tidak terhingga. (B4)

(P40/21)

Baris maksud PKK (P38/20), PKK (P39/21) dan PKK (P40/21) merupakan ungkapan yang mewakili HIP potensial atau MAT dalam PKK. HIP potensial dalam PKK (P38/20), '*bila baca buku (B3), elak angan-angan (B4)*', PKK (39/21), '*bawa bersama buku (B3), baca di mana sahaja (B4)*' dan PKK (P40/21), '*ilmu dalam buku (B3), nilai*

tidak terhingga (B4)' menyampaikan maksud tentang peranan buku sebagai alat penting bagi manusia memperoleh ilmu. Justeru, membaca buku sememangnya perlu dijadikan budaya yang mampu menjadi panduan dan landasan utama untuk membentuk budaya cintakan ilmu.

HIP yang kedua adalah HIP yang merupakan teks yang aktual iaitu teks yang terdahulu, maka kompetensi kebahasaan mungkin tidak mencukupi untuk pembaca/pendengar memahami makna teks. Ketika pembaca menemui HIP dan menghuraikan teks yang dibaca berdasarkan HIPnya, interpretasi pembaca terhadap teks yang dibaca bukan hanya berkisar tentang penguraian teks sahaja tetapi juga meliputi kesedaran terhadap tradisi yang melingkari teks tersebut. Kesedaran ini mengarahkan pembaca teks kepada evaluasi berkaitan estetika yang wujud dalam teks tersebut. Menurut Riffaterre (1978, p. 144), untuk pembaca/pendengar mengenali HIP dan menguraikan makna teks berdasarkan HIPnya, interpretasinya tidak hanya berisi penguraian, tetapi juga kesedaran terhadap tradisi. Kesedaran ini mengarahkan pembaca/pendengar kepada evaluasi estetikanya.

HIP aktual merupakan '*dead landscape*' yang mengarah ke realiti yang lain (Riffaterre, 1978, p. 12) dan kewujudannya harus dirumuskan sendiri oleh pembaca/pendengar (Riffaterre, 1978, p. 94). Teks-teks yang lain boleh bersifat luas dan terbatas. Ketika pembaca berhasil menemui hubungan antara teks-teks lain dengan teks yang dibaca (interteks), intertekstualiti dapat dilihat secara eksplisit (Riffaterre, 1978, p. 137). Penemuan tersebut membantu pembaca untuk mensejajarkan dan membandingkan kedua-duanya (teks yang dibaca dengan teks yang lain) sehingga dapat mengetahui hubungannya. Hal ini memudahkan pembaca untuk memahami makna dan mengungkapkan signifikasi teks.

Jadi, analisis HIP aktual dalam PKK bermula dengan pegangan bahawa sebelum teks KPKK (2011) dihasilkan, teks ini tidak mungkin lahir dari situasi kekosongan

budaya termasuklah semua konvensi dan tradisi di masyarakat yang wujudnya berupa teks-teks sastra berbentuk PKK. Antaranya, buku *Nyanyian dari bumi: buku pantun kanak-kanak* (1989) oleh S. Shaffour, *Koleksi pantun kanak-kanak* (1990) oleh Jamalludin Othman, *Mari Berpantun 1* (2001), *Mari Berpantun 2* (2001), *Mari Berpantun 4* (2001) oleh Khadijah Hashim, *Semerbak Puisi (Kumpulan Puisi Kanak-kanak)* (2004) oleh Khadijah Hashim, *Mari Berpantun 3* (2001) oleh Ismail Restu, *Mari Berpantun 5* (2001) oleh Zam Ismail, *Mari Berpantun 6* (2001) oleh Siti Zaleha M. Hashim, *Sayang anakku sayang* (2001) oleh Khadijah Hashim dan buku berjudul *Sayang : pantun dan seloka kanak-kanak* (2008) oleh Azah Aziz & Dzulkafli Buyong.

Jelas bahawa karya berkaitan PKK yang ditulis biasanya mendasarkan diri pada karya-karya yang lain yang telah ada sebelumnya baik secara langsung maupun tidak langsung, baik dengan cara meneruskan atau menyimpangi konvensi. Hal ini dinyatakan oleh Riffaterre (dalam Teeuw, 1983, p. 28) bahawa karya sastra merupakan tentangan, tentangan yang terkandung dalam perkembangan sastra sebelumnya, yang secara konkrit berupa sebuah atau sejumlah karya. Jadi, HIP pada dasarnya adalah karya-karya terdahulu yang menjadi latar penciptaan karya lain.

Setiap teks merupakan mozek kutipan-kutipan dan penyerapan serta transformasi teks-teks lain. Maksudnya, setiap teks itu mengambil hal-hal yang sesuai dan berkaitan dari teks lain yang diolah kembali berdasarkan tanggapan pengkaryanya. Contoh,

*Adik berambut kerinting,
Bergambar satu keping;
Ambil padi bunting,
Tumbuk jadi emping.*

(P11/7)

*Bentang tikar lebar-lebar,
Supaya senang tidur merampai;
Kalau tuan bersawah lebar,
Carikan abang **emping** bertangkai.*

Pantun Melayu (1961, p. 85)

Baris maksud '*ambil padi bunting, tumbuk jadi emping*' dalam PKK (P11/7) di atas menceritakan tentang proses penghasilan emping, sejenis kudap-kudapan yang diperbuat daripada padi yang masih muda. Berkait dengan HIP aktual dalam PKK di atas, terdapat teks sastera berbentuk pantun yang terdahulu dalam karya yang disunting oleh tokoh terkemuka iaitu R.J Wilkinson dan R.O Winstedt. Contohnya rangkap pantun yang dipetik dari teks Pantun Melayu (1961, p. 95) terbina dengan baris maksud pantun '*kalau tuan bersawah lebar, carikan abang emping bertangkai*' menggambarkan bahawa kegiatan pertanian padi yang menjadi sumber utama untuk menghasilkan *emping* telah mula dilakukan oleh masyarakat melayu sejak zaman dahulu lagi. Pantun ini juga menceritakan hal yang sama dan berkaitan dengan baris maksud PKK (P11/7) '*ambil padi bunting, tumbuk jadi emping*' iaitu tentang *emping* yang dihasilkan dari sumber tanaman padi. Selain itu, terdapat juga teks sastera terdahulu berbentuk pantun nyanyian rakyat;

*Tumbuk tumbuk emping,
emping dalam gantang;
mana tikus bunting,
lari masuk celah batang.*

(Nyanyian tradisi Melayu, 1994)

*Tumbuk tumbuk emping,
emping dalam cupak;
mana tikus bunting,
lari masuk celah ketiak.*

(Haji Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohamad, 1994, p. 36)

Aktiviti membuat ‘*emping*’ juga telah diterjemahkan dalam pelbagai teks sastera. Contohnya satu permainan tradisi rakyat di Negeri Sembilan yang diberi nama permainan ‘*tumbuk kalang*’ merupakan permainan yang dimainkan oleh masyarakat pesawah pada zaman dahulu ketika mengemping padi terutamanya pada waktu malam bulan mengambang. Permainan tersebut menghasilkan irama menghiburkan hanya daripada tumbukan ‘manja’ beberapa batang antan ke sebuah lesung kayu. Teks-teks sastera terdahulu yang memberikan gambaran dan maklumat tentang ‘*emping*’ jelas membuktikan bahawa ilmu berkaitan hasil padi dan ‘*emping*’ telah tercatat dalam diari kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi dan sehingga kini masih relevan penceritaannya dalam bentuk teks sastera moden seperti rencana, rakaman dan gambar. Justeru, pantun petikan dari Pantun Melayu (1961) dan nyanyian rakyat dalam karya Nyanyian Tradisi Melayu (1994) boleh dijadikan latar intertektual atau HIP aktual dalam penciptaan PKK (P11/7) yang menampakkan kesinambungan mesej dan makna yang ingin disampaikan dalam pantun.

*Ayam dalam serkap,
Patuk-patuk bulu;
Buat kerja cekap,
Guru puji selalu.*

(P21/12)

*Buang pokok dedaru,
Waktu sebelah pagi;
Dengar nasihat **guru**,
Tiada apa rugi.*

(P23/13)

*Anak Encik Farid,
Segak tak terperi;
Guru sayang murid,
Macam anak sendiri.*

(P24/13)

PKK (P21/12), PKK (P23/13) dan PKK (P24/13) mencitrakan suatu pekerjaan yang mulia iaitu *guru*. *Guru* bertanggungjawab mendidik manusia bagi melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, membentuk dan mengasuh jiwa para pelajar dengan nasihat

yang baik. Guru adalah pendidik, pembimbing dan pendorong. Guru juga penyampai ilmu, penggerak dan penasihat. Tiga rangkap PKK ini bukanlah karya yang terawal yang memperihalkan tentang mulianya tugas seorang *guru*. Sebelum PKK ini, terdapat teks-teks terdahulu yang merupakan HIP aktual yang menjadi latar penciptaan teks KPKK (2011). Raja Ali Haji (1847) telah menghasilkan ciptaan unggul berbentuk gurindam yang berjudul Gurindam dua belas yang menulis tentang *guru*.

*Cahari olehmu akan **guru**,
Yang boleh tahukan tiap seteru...*

*Jika orang muda kuat **berguru**,
Dengan syaitan jadi berseteru...*

(Petikan Gurindam dua belas oleh Raja Ali Haji, 1847)

Raja Ali Haji telah menyebut tentang penting berguru kerana dengan adanya guru kita boleh memiliki cara pemikiran yang bijak. Selain teks Gurindam dua belas, sajak oleh Usman Awang (1979) yang berjudul '*Guru o Guru*' telah dihasilkan;

Guru o Guru

*Berburu ke padang datar
Dapat rusa belang kaki
Berguru kepalang ajar
Ibarat bunga kembang tak jadi*

*Dialah pemberi paling setia
Tiap akar ilmu miliknya
Pelita dan lampu segala
Untuk manusia sebelum jadi dewasa.*

*Dialah ibu dialah bapa juga sahabat
Alur kesetiaan mengalirkan nasihat
Pemimpin yang ditauliahkan segala umat
Seribu tahun katanya menjadi hikmat.*

*Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa
Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta
Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara
Jika hari ini seorang ulama yang mulia
Jika hari ini seorang peguam menang bicara
Jika hari ini seorang penulis terkemuka
Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa;*

*Sejarahnya dimulakan oleh seorang **guru** biasa
Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca.
Di mana-mana dia berdiri di muka muridnya
Di sebuah sekolah mewah di Ibu Kota
Di bangunan tua sekolah Hulu Terengganu
Dia adalah guru mewakili seribu buku;
Semakin terpencil duduknya di ceruk desa
Semakin bererti tugasnya kepada negara.*

*Jadilah apa pun pada akhir kehidupanmu, **guruku**
Budi yang diapungkan di dulangi ilmu
Panggilan keramat "**cikgu**" kekal terpahat
Menjadi kenangan ke akhir hayat.*

Seterusnya, HIP aktual PKK berkaitan guru juga wujud dalam bentuk sajak ciptaan A. Samad Said (1988);

Obor Hemah

***Guru** adalah awan indah terbang rendah,
melimpahkan hujan pada musim gersang,
menyegarkan benih ilmu, berbuah hikmah;
ia renjis embun pada tanah bakat,
suara ihsan ketika manusia kalah,
sepi yang syahdu dalam dunia resah.*

***Guru** adalah atap ganti ketika pondok bocor,
ketika sejarah dalam bilik darjah,
senyum penyembuh bagi wabak sengsara,
ia sungai rangsang sentiasa tenang,
menghantar bahtera ke segara dharma,
memesan angin menghikmahkannya.*

***Guru** adalah penelaah yang tekun,
mewariskan dunia sebagai kutubkhanah,
menyediakan kutubkhanah sebagai dunia,
ia mengemudi biduk, melepaskannya,
atas lambungan laut, merangsangkan
manusia menyelami rahsia khazanahnya.*

***Guru** adalah minda segar dan kukuh akar,
menghidupkan batin yang bersih
di daerah dunia cemar kasih,
dan pada ketika tak tersangkakan,
walau diambilnya kemball semua buku,
sempat ditinggalkan asas i lmu.*

***Guru** adalah batin suci hatinurani,
penjunjung budi, manusia yang takwa,
obor hemah kehidupan bangsa.*

Kesimpulannya, hubungan antara teks ini bukan hanya berfokus pada pemikiran yang dikemukakan tetapi juga boleh berkait mengenai struktur penceritaan atau alurnya. Teks-teks yang dikategorikan sebagai teks yang berkait tidak terbatas pada persamaan genre, keberkaitan teks juga boleh memberikan kemungkinan yang seluas-luasnya kepada pembaca untuk memperoleh HIP dalam penelitiannya terhadap teks. HIP berperanan sebagai unsur cerita yang terdapat dalam suatu teks sastera terdahulu yang kemudiannya mempengaruhi teks sastera yang dihasilkan selepas teks tersebut. Teks sastera berikutnya yang muncul boleh memberikan transformasi terhadap teks sastera terdahulu. Secara keseluruhannya, HIP dan transformasi dalam teks sastera merupakan antara faktor yang penting untuk kelangsungan teks sastera untuk terus hidup.

5.4 Rumusan

Interpretasi terhadap makna dalam PKK harus bertolak dari realiti yang ada dalam teks KPKK (2011) yang merupakan bahan kajian. Oleh kerana makna itu bersifat kebahasaan, maka makna dapat ditemukan di dalam teks PKK yang diteliti. Namun, makna dari segi kebahasaan sahaja belum cukup memadai untuk membawa pembaca pada pengetahuan mengenai semiotik melainkan ada langkah atau cara yang menjadi “pengantar” ke arahnya. Analisis ini menjelaskan dua aspek pemaknaan dalam Teori SR iaitu ketidaklangsungan ekspresi dan HIP yang menyumbang ke arah penemuan makna semiotik dalam PKK.

BAB 6: APLIKASI PEMBACAAN HEURISTIK (PHEU) DAN PEMBACAAN HERMENEUTIK (PHER) DALAM PANTUN KANAK-KANAK (PKK)

6.1 Pendahuluan

PKK sebagai sebuah karya sastra berbentuk puisi tradisional yang menggunakan bahasa sebagai mediumnya merupakan sistem tanda yang mempunyai makna. Untuk itu, PKK menarik untuk dikaji dari aspek semiotik. Analisis semiotik terhadap PKK dapat membantu untuk menangkap makna yang terkandung dalamnya. Hal ini dikemukakan oleh Zoest (1996, p. 3) bahawa proses penafsiran dapat terjadi kerana tanda yang bersangkutan merujuk pada suatu kenyataan. Dalam konteks pemaknaan, pembaca/pendengar PKK seharusnya bertugas untuk memberi makna PKK.

Micheal Riffaterre melalui bukunya *Semiotics of Poetry* (1978), mengemukakan metode pemaknaan puisi (PKK) secara semiotik. Riffaterre menggagaskan langkah-langkah pemaknaan terhadap PKK untuk mengungkap makna yang terdapat dalam PKK secara menyeluruh. Riffaterre (1978, p. 35) mengemukakan bahawa pemaknaan terhadap puisi tidak hanya melibatkan kompetensi linguistik pembaca, tetapi juga harus melibatkan kompetensi kesusasteraan pembaca. Maksudnya, pemaknaan tidak diarahkan pada suatu proses yang hanya menyentuh permukaan karya sastra, tetapi yang mampu ‘menembus kedalaman makna’ yang terkandung di dalamnya. Menurut Riffaterre lagi, proses semiotik sebenar-benarnya terjadi di dalam fikiran pembaca dan itu merupakan hasil dari dua tingkat pembacaan. Riffaterre (1978, p. 13) memahami puisi (berlaku juga untuk PKK) melalui analogi bahawa puisi ibarat donat. Menurut Riffaterre lagi, teks puisi adalah isi donat, sesuatu ‘yang hadir’. Manakala bahagian yang ‘tidak hadir’ berbentuk bulat yang berada di tengah donat adalah suatu ‘ruang kosong’. Ruang kosong ini sangat penting kerana ruang inilah yang membentuk

keseluruhan kueh tersebut sehingga menjadi donat. Justeru, Riffaterre (1978, p. 5-6) menyarankan pembacaan puisi (PKK) perlu dibuat melalui dua tahap pembacaan yaitu PHEU dan PHER untuk menemukan sebuah kesatuan makna.

6.2 PHEU dalam PKK

PHEU adalah langkah pembacaan untuk menemukan makna unsur-unsurnya menurut kemampuan bahasa yang berdasarkan fungsi bahasa sebagai alat komunikasi tentang dunia luar. Menurut Nurgiyantoro (2007, p. 33), kerja heuristik merupakan pembacaan karya sastra pada sistem semiotik tingkat pertama. Ia berupa pemahaman makna sebagaimana yang dikonvensikan oleh bahasa (yang bersangkutan). Pembacaan ini berdasarkan sistem bahasa yang sesuai dengan kedudukan bahasa sebagai semiotik tingkat pertama. PKK menggunakan bahasa yang menyimpang dari bahasa biasa dan melalui pembacaan semiotik tingkat pertama ini PKK dipaksa untuk kembali pada sistem normatif bahasa. Andri Wicaksono (2014, p. 58-59) mengemukakan langkah-langkah pelaksanaan PHEU seperti berikut;

- a. PKK dibaca secara linear.
- b. Parafrasa perlu dibuat terhadap PKK bertujuan untuk ‘memrosakan PKK’.
- c. (bila perlu), susunan ayat dalam PKK perlu diwajarkan sesuai dengan susunan bahasa yang normatif.
- d. (bila perlu), kata-kata dalam PKK diberikan tambahan bahan sambung yang dituliskan dalam kurungan.
- e. (bila perlu), kata-kata dalam PKK dikembalikan ke bentuk morfologi yang normatif.

- f. (bila perlu), kata-kata dalam PKK diberikan sisipan-sisipan kata dan kata sinonimnya yang ditulis di dalam kurungan agar maknanya menjadi jelas.

Jadi, berdasarkan langkah-langkah tersebut, PHEU dalam PKK dilaksanakan dengan menggunakan sistem pembentukan ayat dalam BM berfokuskan bahagian subjek dan bahagian predikat yang merupakan bahagian utama untuk membentuk ayat dalam BM.

Contoh,

Tanam tepi perigi,(B1)
Sebatang pokok turi;(B2)
Untuk jaga gigi,(B3)
Berus tiap hari.(B4)
(P2/2)

Hasil PHEU,

(saya) Tanam (pokok)(turi) (di) tepi perigi (B1-PHEU) dan (B2-PHEU)

(saya) (men) jaga gigi (B3-PHEU)

(saya) berus (gigi) tiap hari (B4-PHEU)

Berdasarkan empat baris ayat dalam PKK (P2/2), proses PHEU perlu dilakukan bagi menzahirkan makna yang jelas dalam ayat B1, B2, B3 dan B4. Hasil PHEU memperlihatkan baris pembayang PKK, *tanam tepi perigi (B1)*, *sebatang pokok turi (B2)* perlu menggugurkan dan menambah/menyisip kata. Hasilnya, *(saya) tanam (pokok) (turi) (di) tepi perigi (B1-PHEU)* dan *(B2-PHEU)* menampakkan makna yang lebih jelas dengan cara menambah/menyisipkan kata 'saya' sebagai *konstituen subjek* dalam ayat, menambah/menyisipkan kata 'pokok', 'turi' dan imbuhan 'di' dan menggugurkan kata 'sebatang' sebagai *konsetituen predikat* dalam ayat 'saya tanam pokok turi di tepi perigi'.

Masak lemak turi,(B1)
Makan sama dayang;(B2)
Pandai jaga diri,(B3)
Ibu bapa sayang.(B4)

(P42/22)

Hasil PHEU;

(kita) Masak lemak (ikan) turi (dan) Makan (ber) sama dayang; (B1-PHEU) dan (B2-PHEU)

(jika) (kita) Pandai (men) jaga diri, Ibu bapa (pasti) sayang (kan) (kita). (B3-PHEU) dan (B4-PHEU)

Seterusnya, melalui PHEU dalam PKK (P42/22), baris pembayang PKK, ‘*masak lemak turi (B1), makan sama dayang’ (B2)* perlu dibaca secara linear untuk menjelaskan kesinambungan makna. Bagi melengkapkan struktur ayat, kata ‘*kita*’ perlu ditambah sebagai konstituen subjek dan kata ‘*dan*’, ‘*ikan*’ dan imbuhan ‘*ber-*’ perlu ditambah bagi melengkapkan konstituen predikat dalam ayat ‘*kita masak lemak ikan turi dan makan bersama dayang’ (B1-PHEU) dan (B2-PHEU)*. Baris maksud PKK (P42/22) juga perlu dibaca secara linear melalui menyisipkan kata jika, ‘*kita*’ (sebagai konstituen subjek), ‘*pasti*’, imbuhan ‘*men-*’ dan ‘*kan*’ bagi melengkapkan ayat dengan konstituen predikatnya. Hasil PHEU, baris maksud PKK menampakkan makna yang jelas melalui ayat ‘*jika kita pandai menjaga diri, ibu bapa pasti sayangkan kita’ (B3-PHEU) dan (B4-PHE)*’.

Golok oh golok, (B1)
Cantas ranting geti;(B2)
Baru saja belok, (B3)
Terlanggar kepala titi.(B4)

(P53/28)

Hasil PHEU,

(golok) (digunakan) (untuk) (men) cantas ranting (pokok) geti;(B1-PHEU) dan (B2-PHEU)

Baru saja (kita) (hendak) (mem) belok, (terus) (kita) terlanggar kepala titi. (B3-PHEU) dan (B4-PHEU)

Baris pembayang dalam PKK (P53/28), ‘*golok oh golok (B1), cantas ranting geti*’ (B2) menampakkan makna yang lebih jelas setelah PHEU, ‘*golok oh golok*’ (B1-PHEU) ‘*(golok) (diguna) (untuk) (men) cantas ranting (pokok) geti*’ (B2-PHEU). Kata ‘*golok*’ dan ‘*oh*’ digugurkan dan dalam B2, kata ‘*golok*’ ditambah (sebagai konstituenn subjek) bersama kata-kata lain iaitu kata ‘*digunakan*’, ‘*untuk*’, ‘*pokok*’ dan imbuhan ‘*men-*’ sebagai konstituen predikat dalam ayat. Maka, ayat ‘*golok digunakan untuk mencantas ranting pokok geti*’ (B1-PHEU) dan (B2-PHEU) adalah hasil PHEU dalam baris pembayang PKK (P53/28). Manakala, dalam baris maksud pula, kata ‘*kita*’ ditambah sebagai konstituen subjek dalam ayat bersama kata-kata lain seperti ‘*hendak*’, ‘*terus*’ dan imbuhan ‘*mem-*’ sebagai konstituen predikat dan pelengkap ayat dalam maksud PKK, ‘*baru saja kita hendak membelok, terus kita terlanggar kepala titi*’ (B3-PHEU) dan (B4-PHEU).

Ibu di dapur,(B1)
Buat lemak geti;(B2)
Kota kena gempur;(B3)
Pertahan sampai mati.(B4)
 (P67/35)

Hasil PHEU,

Ibu di dapur;(B1-PHEU)

(ibu) (masak) lemak (pucuk) geti;(B2-PHEU)

kota (kita) kena gempur;(B3-PHEU)

(kita)(perlu) pertahan (kan) (kota) (kita) sampai mati.(B4-PHEU)

Berikutnya, baris B2, B3 dan B4 dalam PKK (P67/35) perlu dibaca secara linear untuk menjelaskan makna sekali gus membentuk struktur ayat yang lengkap. Ayat di B1 menampakkan struktur ayat yang lengkap melalui kata ‘*ibu*’ sebagai konstituenn subjek dan kata ‘*di dapur*’ sebagai konstituen predikat. Manakala, selepas proses PHEU, ayat B2 perlu ditambah dengan kata ‘*ibu*’ sebagai konstituen subjek dan kata ‘*masak*’ dan

'*pucuk*' perlu ditambah bagi melengkapkan konstituen predikat dalam ayat. Seterusnya dalam B3, bagi menjelaskan makna, kata '*kita*' perlu ditambah bagi melengkapkan ayat '*kota kita kena gempur*'. Dalam ayat B4 pula perlu ditambah kata '*kita*' (sebagai konstituen subjek), '*perlu*', '*kota*' dan imbuhan '*-kan*' sebagai konstituen predikat dalam ayat. Hasil PHEU, baris maksud PKK menampakkan makna yang jelas melalui ayat '*kota kita kena gempur (B3-PHEU), kita perlu pertahankan kota kita sampai mati.*' (B4-PHEU).

Semut buat sarang, (B1)
Celah cabang turi;(B2)
Banyak nasihat orang,(B3)
Tentu sempurna diri.(B4)
(P85/44)

Semut (mem) buat sarang (di) celah cabang (pokok) turi; B1-PHEU) dan (B2-PHEU)

Banyak (kita) (mendengar) nasihat orang (lain), Tentu (akan) sempurna diri (kita).(B3-PHEU) dan (B4-PHEU)

Seterusnya, melalui PHEU dalam PKK (P85/44), baris pembayang PKK perlu dibaca secara linear untuk menjelaskan kesinambungan makna. Oleh itu, kata '*pokok*' dan sisipan imbuhan '*mem-*' dan '*di*' ditambah bagi membentuk struktur ayat yang lengkap. Hasil PHEU, ayat B1 dan B2 menampakkan makna yang jelas, '*semut membuat sarang dicelah cabang pokok turi*' B1-PHEU) dan (B2-PHEU). Dalam baris maksud PKK pula, hasil PHEU ayat B3 dan B4 memerlukan penambahan kata '*kita*', '*mendengar*', '*lain*' dan '*akan*' sehingga membentuk ayat '*banyak kita mendengar nasihat orang lain, tentu akan sempurna diri kita*' (B3-PHEU) dan (B4-PHEU) yang lebih jelas maknanya. Penerangan dalam Jadual 6.1: PHEU dalam PKK (dalam Lampiran D) menunjukkan analisis yang mengaplikasikan tingkat pertama sistem semiotik dalam PKK.

Secara keseluruhannya, PHEU membantu memudahkan pembaca pantun untuk memahami dan memaknakan pantun. Langkah-langkah PHEU jelas dan boleh dituruti sebagai panduan untuk mengali makna PKK yang bersifat ringkas dan berseni. Namun,

makna bahasa dalam PKK tidak semata-mata sama mengikut sistem bahasanya, tetapi juga terdapat makna tambahan yang merupakan makna sastera berdasarkan tempat dan fungsinya dalam struktur sastera. Justeru, pembacaan makna PKK perlu ditingkatkan pada pembacaan semiotik tingkat kedua iaitu PHER.

6.3 PHER dalam PKK

PHER atau retroaktif merupakan kelanjutan dari PHEU untuk mencari makna. Metode ini merupakan cara kerja yang dilakukan pembaca dengan bekerja secara terus menerus melalui pembacaan teks sastera secara berulang-ulang dari awal sampai akhir (Riffattere dalam Sangidu, 2004, p. 19). Tahap PHER merupakan interpretasi tahap kedua yang bersifat retroaktif yang melibatkan banyak kod di luar bahasa dan menggabungkannya secara integratif sehingga pembaca dapat membongkar secara struktural guna mengungkapkan makna (*significance*) dalam sistem tertinggi, iaitu makna keseluruhan teks sebagai sistem tanda. Menurut Anshari (2009, p. 6), hermeneutika terkait erat dengan kegiatan penafsiran dan pemahaman makna. Karya sastera yang terwujud dalam bentuk teks memiliki sejumlah tanda atau kod, seperti tanda atau kod bahasa, tanda atau kod sastera, dan tanda atau kod budaya. Tanda atau kod tersebut kadang ditampilkan dalam bentuk simbolik sehingga diperlukan usaha untuk menafsirkan dan memahami maknanya.

Menurut Palmer (2003, p. 14) kata hermeneutika berasal dari istilah Yunani dari kata kerja '*hermeneuein*', yang berarti "menafsirkan", dan kata benda '*hermeneia*', "interpretasi". Palmer (2003, p. 48) juga mengemukakan hermeneutik adalah proses penguraian yang berangkat dari isi dan makna yang terlihat ke arah makna tersembunyi. Objek interpretasi dalam pengertian yang luas, dapat berupa simbol dalam mimpi atau bahkan mitos-mitos dari simbol dalam masyarakat atau sastera. Manakala menurut Teeuw (1984, p. 123), hermeneutika adalah ilmu atau keahlian menginterpretasi karya

sastera dan ungkapan bahasa dalam erti yang lebih luas maksudnya. Riffaterre dalam Pradopo (2009, p. 97) mengemukakan bahawa dalam PHER, puisi (PKK) dibaca berdasarkan konvensi-konvensi sastera menurut sistem semiotik. Konvensi makna yang memberikan makna itu di antaranya konvensi ketidaklangsungan ekspresi yang disebabkan oleh penggantian erti, penyimpangan erti, dan penciptaan erti. Tuntasnya, PHER adalah satu prosedur analisis makna dengan cara menginterpretasi mengikut pemahaman pembaca bagi menghasilkan makna yang lebih jelas dan dapat difahami berdasarkan konvensi sastera. Jika PHEU hanya mampu menjelaskan erti kebahasaan dalam PKK, PHER diperlukan bagi mengungkapkan makna semiotik dalam PKK yang belum dizahirkan dengan jelas. Oleh sebab itu, PHEU perlu diulang dengan PHER dan diberi tafsiran secara hermeneutik sesuai dengan konvensi sastera sebagai sistem semiotik tingkat kedua. Hal ini dijelaskan oleh Pradopo (2009, p.268) bahawa karya sastera dapat difahami tidak saja erti kebahasaannya, tetapi juga makna (*significance*) kesasteraannya berdasarkan PHER atau pembacaan retroaktif.

Jadi, dalam memproduksi makna, di samping menekankan sistem konvensi bahasa yang digunakan, pembaca PKK juga perlu memperhatikan sistem konvensi sastera. Melalui PHER, pembaca mulai dapat memahami bahawa segala sesuatu yang dihasilkan melalui PHEU dilihat jelas sebagai ketidakgramatikal dan hasil PHEU dengan PHER merupakan fakta-fakta yang berhubungan. Langkah-langkah PHER adalah dengan mengkaji makna melalui pembacaan yang berulang-ulang dengan meramalkan makna yang terkandung secara tersirat dalam PKK itu sendiri dengan menggunakan segenap pengetahuan yang dimiliki. Contoh;

*Mana di mana ?
Kumbuh paras dada;
Tanam buah nona,
Tumbuh durian belanda.*

(P257/130)

Dalam PKK (P257/130) boleh diberikan makna semiotik dengan menyentuh tentang sikap masyarakat khususnya masyarakat masa kini. Merujuk makna kata *kumbuh* yang bermaksud rumput lalang yang tumbuh tinggi, berdaun panjang meruncing, lebar dan tebal yang kebiasaannya dianyam untuk dijadikan tikar (Kamus Besar Bahasa Indonesia, 2007) dan fungsi makna kata *kumbuh* dalam baris pembayang pantun yang dimulakan dengan pertanyaan '*mana di mana ?, kumbuh paras dada*' mencerminkan sikap rajin dan bijak dalam memanfaatkan sumber alam (*kumbuh*) untuk kehidupan. Masyarakat pada masa kini sentiasa berusaha untuk memajukan ekonomi keluarga dan sumber alam (tumbuh-tumbuhan) merupakan punca rezeki yang amat berharga. Contohnya, baris pembayang pantun ini menggambarkan bahawa rumput '*kumbuh*' adalah hasil sumber alam yang sentiasa dicari untuk menghasilkan kraf anyaman iaitu tikar.

Namun begitu, terdapat juga masyarakat yang bersikap cuai/lalai dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Sikap cuai/lalai ini dicitrakan dalam baris maksud pantun, '*tanam buah nona, tumbuh durian belanda*'. Buah nona dan buah durian belanda adalah dua jenis buah yang berbeza namun biji buah nona dan buah durian belanda kelihatan hampir sama dari segi warna dan bentuknya. Selain itu, cara menanam pokok buah nona dan buah durian belanda iaitu melalui menyemai benih (biji) kedua-dua pokok ini boleh dibuat secara bersama/bercampur. Justeru, untuk mendapatkan hasil tanaman buah yang betul, petani perlu teliti dalam memilih dan mengenal pasti biji benih yang hendak disemai. Dari aspek semiotiknya, maksud PKK ini menggambarkan sikap masyarakat yang cuai/lalai semasa bekerja sehingga akhirnya mereka tidak mendapat hasil seperti yang diharapkan.

*Golok oh golok,
Letak atas peti;
Tebuan jangan jolok,
Padah bawa mati.*

(P55/29)

*Satu dua tiga,
Gerabak kereta api;
Sarang semut kerengga,
Usah cucuh api.*

(P133/68)

PKK (P55/29) dan PKK (133/68) tidak menampakkan perkaitan/hubungan antara baris pembayang dan baris maksud. Namun begitu, maksud kedua-dua rangkap PKK ini perlu dibaca berdasarkan konvensi-konvensi sastera menurut sistem semiotiknya kerana baris maksud pantun yang diekspresikan secara tidak langsung. Baris maksud PKK (P55/29), '*tebuan jangan jolok, padah bawa mati*' dan PKK (133/68), '*sarang semut kerengga, usah cucuh api*' menyampaikan maksud untuk memberi peringatan kepada pembaca pantun agar bersikap berhati-hati dan hindari perkara/perbuatan yang boleh mendatangkan bahaya/malapertaka kepada diri sendiri. Dalam bahasa sastera, terdapat peribahasa berkaitan iaitu '*sarang tebuan jangan dijolok*' yang bermaksud jangan mencari susah dengan mengganggu orang atau sesuatu yang dapat mencetuskan masalah. Maksud peribahasa ini menerangkan maksud yang sama dalam PKK (P55/29). Seterusnya, maksud PKK (P55/29) juga menyatakan hal yang serupa kerana ciri '*semut kerengga*' dan '*tebuan*' yang mudah untuk '*menyerang*' jika habitatnya terancam. Jadi, hasil PHER menjelaskan bahawa PKK (P55/29) dan PKK (P133/68) merupakan pantun yang memberi pengajaran dan peringatan kepada pembaca supaya jangan suka mengganggu orang/sesuatu sehingga boleh menimbulkan keadaan/situasi yang mendatangkan masalah kepada diri sendiri.

*Ibu di dapur,
Buat lemak geti;
Kota kena gempur,
Pertahan sampai mati.*

(P67/35)

*Beli sayur sawi,
Sama asam jawa;
Taat ibu pertiwi,
Sanggup berkorban jiwa.*

(P68/35)

Maksud PKK (P67/35), '*kota kena gempur, pertahan sampai mati*' dan PKK (P68/35), '*taat ibu pertiwi, sanggup berkorban jiwa*' menceritakan tentang semangat cintakan negara yang perlu dipupuk dalam diri seorang rakyat. Baris '*kota kena gempur*' dalam PKK (P68/35) memberikan makna tersirat yang merujuk pada sebuah negara yang diserang oleh musuh atau dilanda kesusahan. Justeru, pantun ini menyeru agar rakyat perlu sentiasa setia dan mempertahankan kedaulatan negara sehingga sanggup bertarung nyawa demi negara yang tercinta. Maksud yang serupa juga disampaikan dalam PKK (P68/35) yang menyeru agar rakyat sentiasa taat setia dan sanggup berkorban untuk negara. Nilai ketaatan dan rela berkorban untuk negara ini boleh dipamerkan melalui sikap bertanggungjawab berjaga nama baik negara, berdedikasi dan menyumbang untuk kesejahteraan negara dan rela berkhidmat untuk negara.

*Ilmu kena sebar,
Baru ada guna;
Sabar biar sabar,
Bila diri terkena.*

(P125/64)

*Ambil anak kunci,
Lalu buka peti;
Kalau rasa benci,
Simpan dalam hati.*

(P171/87)

PKK (P125/64) dan PKK (P171/87) mengajar kita agar bersikap sabar dan tenang. Baris maksud PKK (P125/64), '*sabar biar sabar, bila diri terkena*' dan PKK (171/87), '*kalau rasa benci, simpan dalam hati*' menyampaikan maksud untuk mengajar kita agar bersikap sabar bila ditimpa masalah dan sentiasa bertindak rasional dan tenang ketika menyelesaikan masalah. Sikap tidak sabar dan mengikut emosi yang dipengaruhi perasaan benci boleh menimbulkan keadaan yang sukar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Justeru, hasil PHER memberikan pemahaman

dari segi makna semiotik dalam PKK (P125/64) dan PKK (P171/87) yang mengingatkan tentang pentingnya sikap bertenang dan bersabar ketika menyelesaikan atau berdepan dengan masalah. Jadual 6.2: PHER dalam PKK (dalam Lampiran E) menunjukkan analisis yang mengaplikasikan tingkat kedua sistem semiotik dalam PKK.

6.4 Rumusan

Dalam memahami suatu karya sastra, pembaca boleh menggunakan metode pemahaman heuristik dan hermeneutik. Metode pemahaman heuristik merupakan langkah untuk menemukan makna melalui pengkajian struktur bahasa dengan mengintrepetasikan teks sastra secara referensial melalui tanda-tanda linguistik, sehingga menghasilkan pemahaman makna secara harfiah. Sedangkan metode pemahaman hermeneutik merupakan interpretasi tahap kedua yang bersifat retroaktif yang melibatkan banyak kod di luar bahasa dan menggabungkannya secara integratif sampai pembaca dapat membongkar secara struktural makna (*significance*) dalam sistem tertinggi iaitu makna keseluruhan teks sebagai sistem tanda sehingga akhirnya pembaca dapat memahami karya sastra secara menyeluruh dan mendalam.

BAB 7: PENUTUP

7.1 Rumusan Kajian

Bahagian ini membincang dan merumuskan tentang hasil kajian terhadap semiotik dalam PKK daripada persektif SR yang mengemukakan langkah-langkah pemaknaan berdasarkan empat aspek pemaknaan iaitu pertama; ketidaklangsungan ekspresi, kedua; MAT, MOD dan VAR, ketiga; HIP dan keempat; PHEU dan PHER.

7.1.1 Semiotik dalam PKK Daripada Perspektif SR

Dalam kajian ini, pendekatan SR merupakan alat yang digunakan untuk menganalisis makna semiotik dalam PKK melalui proses mengenal pasti unsur MAT, MOD dan VAR yang wujud dalam pantun. Pantun merupakan perkembangan dari MAT menjadi MOD dan ditransformasikan menjadi VAR. Setiap baris maksud PKK akan dicerakinkan untuk mengenal pasti unsur dalam baris maksud pantun. Unsur MAT, MOD dan VAR berfungsi sebagai penunjuk arah untuk mengenal pasti tema yang didukung oleh PKK sekali gus menyenaraikan data mengikut sebelas jenis tema KSSR yang telah digariskan untuk menganalisis makna semiotik dalam PKK sebagaimana telah dibincangkan dalam Bab 4. Kesimpulannya, analisis PKK dengan melihat pada unsur MAT, MOD dan VAR boleh menjadi petunjuk yang jelas tentang isu utama (tema) yang ingin disampaikan dalam PKK. Hasil penyelidikan juga membolehkan pembaca untuk menjurus pada makna dan mesej yang disampaikan setelah mengenal pasti tema dalam pantun.

Karya sastera merupakan ekspresi yang tidak langsung iaitu menyatakan fikiran secara tidak langsung dengan cara yang lain. Ketidaklangsungan ekspresi dalam puisi (PKK) berlaku disebabkan oleh penggantian erti (*displacing of meaning*),

penyimpangan erti (distorting of meaning) dan penciptaan erti (creating of meaning). Tahap pengekspresian konsep secara tidak langsung dalam PKK tidaklah dianggap kritikal. Ini adalah kerana sifat PKK yang biasanya dibina menggunakan kata-kata yang ringkas, jelas dan boleh ditafsir secara langsung. Namun, bahasa berseni yang menyampaikan makna konotasi tetap wujud dalam PKK dan analisis SR berfokuskan aspek pemaknaan ketidaklangsungan ekspresi merupakan usaha untuk dapat menginterpretasi unsur penggantian, penyimpangan penciptaan erti dalam PKK. Selain itu, aspek HIP berperanan sebagai unsur cerita yang terdapat dalam suatu teks sastera yang terdahulu dan cerita tersebut mempengaruhi teks sastera yang dihasilkan kemudian. Seiring dengan itu, kajian ini meletakkan pantun sebagai suatu teks sastera yang berkesinambungan baik di peringkat sebelum mahupun selepas pantun tersebut tercipta sehingga boleh ditransformasikan kepada teks-teks sastera yang lain. Ringkasnya, aspek ketidaklangsungan ekspresi dan HIP membantu menyediakan landasan pencarian makna bahasa serta ruang latar yang 'sempurna' kepada pembaca pantun untuk memahami makna yang disampaikan oleh pantun,

Bagi menghasilkan pemahaman yang jitu tentang makna keseluruhan pantun, teori SR menggariskan aplikasi dua tingkat pembacaan iaitu PHEU dan PHER. Proses ini mendorong pembaca pantun untuk menggali makna pantun dengan lebih mendalam. PHEU dan PHER adalah penting kerana proses menginterpretasi dan pemaknaan pantun tidak diarahkan pada suatu proses yang hanya menyentuh permukaan pantun, tetapi proses yang mampu "menembus kedalaman makna" yang terkandung di dalamnya. Tuntasnya, kajian ini membuktikan keupayaan aplikasi PHEU dan PHER sebagai alat yang boleh digunakan untuk memudahkan proses memahami dan seterusnya menginterpretasi makna pantun. PHEU berfungsi untuk menemukan makna pantun melalui pengkajian struktur bahasa sehingga menghasilkan pemahaman makna pantun secara harfiah. Manakala PHER pula berfungsi sebagai alat yang membolehkan

pembaca pantun untuk menghasilkan interpretasi tahap kedua yang bersifat retroaktif sehingga pembaca dapat membongkar dan mengungkapkan makna (*significance*) dalam sistem tertinggi, iaitu makna keseluruhan teks sebagai sistem tanda.

7.2 Implikasi

Setelah menyelesaikan kajian ini, terdapat beberapa implikasi yang boleh diketengahkan sebagai rujukan dan seterusnya membandingkan hasil penelitian kajian ini dengan kajian-kajian yang terdahulu. Implikasi kajian ini mencakupi hal-hal yang berikut;

7.2.1 Implikasi Terhadap Pembaca PKK

Kebiasaannya PKK dicipta untuk mendidik dan memberi nasihat. Selain itu, PKK juga dapat dijadikan sebagai hiburan melalui pantun yang lucu dan ceria. Ringkasnya, kajian ini meletakkan PKK sebagai medium yang membantu untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa khususnya penguasaan terhadap aspek makna dan semiotik sekaligus melestarikan pantun melayu lama dalam golongan kanak-kanak. Di samping itu, cara mengungkapkan PKK melalui aktiviti nyanyian dan aluan suara yang menghiburkan juga boleh menimbulkan minat dan keterujaan kanak-kanak atau pelajar terhadap PKK. Usaha menanam minat PKK terhadap generasi kanak-kanak adalah penting kerana mereka merupakan akar tunjang yang bakal mewarisi warisan pusaka bangsa serta mewarnai masyarakat masa hadapan.

7.2.2 Implikasi Terhadap Pencipta/Penulis PKK

Rentetan dengan perkembangan zaman, masyarakat hari ini lebih terdedah kepada alam siber sehingga memberikan kesan kepada komunikasi serta cara berinteraksi dalam masyarakat. Menerusi kajian ini, kebimbangan turut dizahirkan terhadap fenomena transformasi dalam PKK melalui penggunaan bahasa yang bercelaru seperti bahasa rojak. Di samping itu, pantun zaman moden kini juga kian kurang atau tidak lagi menggunakan kosa kata usang dalam penciptaannya. Fenomena ini menyebabkan keaslian dan keindahan pantun tidak dapat dipelihara. Justeru, kajian ini memfokuskan betapa pentingnya peranan dan tanggungjawab pencipta PKK untuk menghasilkan pantun yang bukan hanya dicipta untuk memenuhi tuntutan zaman yang serba moden tetapi juga terus mengekalkan fungsinya sebagai cermin keindahan, keaslian dan khazanah silam Melayu.

7.2.3 Implikasi Terhadap Pendidik/Pengajar PKK

Sebagai seorang guru khususnya guru bahasa Melayu adalah menjadi keperluan untuk dapat menghuraikan dan menjelaskan makna pantun kepada pelajarannya. Guru bahasa Melayu yang baik bukan sahaja sekadar menguasai kecekapan rumus linguistiknya, tetapi sepatutnya mempunyai kecekapannya dalam menyampaikan makna yang tersurat dan tersirat. Kajian ini juga memberi impak terhadap dimensi PdP BM melalui pengaplikasian pantun sebagai medium pengajaran bahasa. Pemilihan pantun dalam pengajaran bahasa amnya dan pengajaran kosa kata khususnya perlu dititikberatkan kerana melalui pantun guru boleh membimbing pelajar untuk menguasai bahasa dan meningkatkan penguasaan kosa kata di samping meneroka makna dan budaya serta nilai masyarakat Melayu. Selain itu, teori SR juga dilihat berkemampuan berfungsi sebagai 'alat' yang boleh digunakan untuk menterjemahkan makna dan semiotik dalam PKK

menerusi empat aspek pemaknaan yang digagaskan dalam teori SR iaitu pertama; ketidaklangsungan ekspresi, kedua; unsur MAT, MOD dan VAR, ketiga; PHEU dan PHER, dan keempat; aspek HIP. Keempat-empat aspek pemaknaan tersebut boleh dijadikan sebagai 'acuan' yang memudahkan proses PdP BM menggunakan PKK khususnya untuk menginterpretasi makna dan semiotik dalam PKK.

7.2.4 Implikasi Terhadap Kementerian Pelajaran Malaysia

Usaha pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (seterusnya KPM) yang memasukkan puisi tradisional seperti pantun dalam Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (seterusnya KOMSAS) di peringkat sekolah menengah perlu dipuji. KOMSAS telah dijadikan komponen wajib dalam pengajaran BM di peringkat sekolah menengah dengan tujuan mendorong para pelajar untuk membaca bahan-bahan sastera, menikmati dan mengapresiasi hasil karya sastera, mengetahui latar belakang para penulis serta sumbangannya dan sejarah perkembangan sastera tanah air. Setiap genre dalam KOMSAS memerlukan penghayatan pelajar yang sangat mendalam, bukan semata-mata untuk lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan malah lebih daripada itu dalam memberikan 'nilai tambah' dan pendedahan kepada semua pelajar supaya mendapat pengajaran yang berguna dan seterusnya mengaplikasikan nilai dan pengajaran tersebut dalam kehidupan seharian. Namun, permulaan pelaksanaan KOMSAS yang dibuat seawal di peringkat sekolah menengah memperlihatkan seperti KOMSAS bermula bukan pada garisan permulaan yang tepat.

Hasil kajian ini menampakkan betapa signifikan dan relevannya PKK dalam PdP BM di peringkat sekolah rendah. Jika diteliti perkembangan sahsiah pelajar sekolah rendah sekarang yang sudah jauh ke hadapan berbanding dengan apa yang kita fikirkan. Ramai pelajar sekolah rendah sekarang terlibat dengan kegiatan dan perlakuan yang

tidak sihat. Dalam konteks pengisian nilai dan pengukuhan jati diri melalui pantun, KPM seharusnya mempertimbangkan tentang kewajaran pelaksanaan KOMSAS seawal di peringkat sekolah rendah. KOMSAS di peringkat sekolah rendah boleh membantu menerapkan nilai dan pengajaran daripada genre dan bahan yang bersesuaian dengan tahap pelajar sekolah rendah.

7.2.5 Implikasi Terhadap Pengkaji dan Bidang Kajian

Kajian ini menyumbang kepada bidang ilmu terutamanya bidang linguistik dan semantik. Kajian yang telah dibuat ini juga akan memperkembangkan bidang yang dikaji berdasarkan data iaitu pantun Melayu. Penggunaan teori SR telah mengembangkan lagi kajian mengenai pantun khususnya PKK. Menerusi kajian ini, pengkaji memperoleh penemuan baharu berkaitan kesesuaian pengaplikasian PHEU dan PHER dalam PKK. Melalui PHEU dan PHER dalam PdP yang menggunakan PKK, pelbagai aspek boleh didedahkan dan dikuasai oleh para pelajar selain aspek makna dan semiotik. Contohnya, aplikasi PHEU yang memerlukan pembaca untuk memparafrasa baris pembayang dan maksud PKK membantu penguasaan bahasa daripada aspek morfologi dan kosa kata yang seterusnya meningkatkan penguasaan daripada aspek sintaksis melalui proses menjadikan klausa yang wujud dalam PKK sebagai ayat yang lengkap berdasarkan sistem ayat dalam BM. Justeru, kajian ini diharapkan boleh menjadi rujukan dan dasar untuk menghasilkan modul pengaplikasian PHEU dan PHER dalam PdP menggunakan PKK di sekolah rendah dan seterusnya menjadi bahan rujukan ilmiah kepada para pengkaji yang lain.

7.3 Cadangan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji menyatakan cadangan yang boleh dilakukan untuk kajian-kajian yang akan datang. Antaranya adalah membangunkan sebuah modul PdP menggunakan PKK sebagai bahan rujukan PdP bahasa Melayu di sekolah rendah. Modul ini perlu dihasilkan untuk membantu memudahkan proses memahami, memaknai dan menginterpretasi pantun sekali gus menyelesaikan masalah kesukaran pelajar sekolah rendah untuk memahami makna tersurat dan tersirat dalam pantun. Dalam kajian ini, pengkaji menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah pengaplikasian PHEU dan PHER dalam PdP menggunakan PKK. Inovasi dalam PdP ini bukan hanya menyelesaikan isu kesukaran pelajar untuk memahami makna pantun, malah juga meletakkan fungsi dan kepentingan pantun sebagai wadah dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah rendah.

Di samping itu juga, teori SR juga dilihat sebagai pendekatan yang sesuai dan mempunyai 'langkah kerja' yang jelas melalui empat aspek pemaknaan yang disarankan dalam teori tersebut. Justeru, pengkaji mencadangkan agar lebih banyak lagi kajian yang dijalankan menggunakan teori SR sebagai alat untuk mengkaji puisi tradisional yang lain seperti syair, gurindam, seloka dan sebagainya. Kajian-kajian tersebut perlu dijalankan sebagai usaha untuk menghidupkan puisi tradisional dan seterusnya mengukuhkan kepelbagaian fungsi teori SR.

RUJUKAN

- Aartsen, J. V. (1953). *Ekonomi pertanian Indonesia*. Jakarta: Pembangunan.
- Ab Rahman, Mohamad Azmi. (1997). *Analisis Symbolisme dalam Pantun Percintaan Melayu*. Sintok:Universiti Utara Malaysia.
- AR,Syamsuddin. (2007). *Metode Penelitian Pendidikan Bahasa*. Bandung: PT. Remaja Rosdekarya.
- Abdul Chear. (2007). *Leksikologi & Leksikografi Indonesia*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Abdul Chear. (1994). *Linguistik Umum*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Abdul Halim Ali. (2004). *Di sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Hassan. (1990). *Semiotik dan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am*. Selangor:PTS Professional.
- Abdullah Hussain. (2007). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Achmad H. P. (1998). *Wacana bahasa Indonesia: suatu pengantar*. Jakarta: IKIP.
- Agni, B. (2009). *Sastra Indonesia lengkap pantun, puisi, majas, pribahasa, kata mutiara*. Jakarta: PT Buku Kita.

- Ahmad Mahdzan Ayob. (1983). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alex Sobur. (2004). *Semiotika Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Amin, Woodruff. (1987). *Prosedur Penelitian*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Aminuddin. (1988). *Pengantar Studi Tentang Makna*. Fakultas Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. Malang: IKIP.
- Andri Wicaksono. (2014). *Pengkajian Prosa Fiksi*. Yogyakarta: Garudhawaca.
- Anshari. (2009). *Hermeneutik Sebagai Teori Dan Metode Interpretasi Makna Teks Sastra*. Sulawesi Selatan: Universitas Negeri Makassar.
- Arba'ie Sujud. (2008). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn Bhd.
- Aripin Said. (2011). *Nyanyian Rakyat*. Kuala Lumpur: GUMUM GEMILANG.
- Arsyad, Azhar. 2006. *Media Pembelajaran*. Jakarta: PT. Rajagrafindo Persada.
- Awang Sariyan. (1984). *Isu-isu bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Azah Aziz. (2008). *Sayang: Pantun & Seloka Kanak-kanak*. Selangor: MPH Group Publishing.
- Azizah Hamdan & Md Sidin A. Ishak. (2004). *Children's Book Publishing in Malaysia*. Proceeding of Seminar-cum-Workshop on Children's Book Publishing in the Next Millennium, 10-48. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Azizi Yahya & Zainuddin Abu Bakar. (2008). *Teori-teori Perkembangan: Psikologi Pendidikan*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia,
- Baharuddin Zainal. Persidangan Pengajian Sastera dan Bahasa Melayu Universiti-universiti Malaysia (SPESBAM) di Universiti Sains Malaysia (USM) (*Berita Harian, 14 April 2011*).

- Barthes, R. (1967). *Elements of Semiology*. New York: Hill and Wang.
- Beck, L. Isabel. (1981). Reading Problems and Instructional Practice, dalam *Reading Research Advances in Theory And Practice Volume 2*, London: Academic Press.
- Brooks, J. G., & Brooks, M. G. (1993). *In search of understanding: The case for constructivist classrooms*. Alexandria: Association of Supervision and Curriculum Development.
- Burhan Nurgiyantoro. (2007). *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Chaer, Abdul. (1990). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Charles. W. Kreidle (1998). *Introducing English Semantics*. England: Psychology Press.
- Darmojuwono, Setiawati. (2005). *Semantik (Pesona Bahasa)*. Jakarta: Gramedia.
- Deraman, Haji Aziz and Wan Mohamad, Wan Ramli. (1994). *Muzik dan nyanyian tradisi Melayu. Siri Pengetahuan Popular*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- D.F. Kuratko & R.M. Hodgetts. (1992). *Entrepreneurship: A Contemporary Approach*. London: Dryden Press.
- Eco, Umberto. (1979). *A Theory of Semiotics*. Bloomington: Indiana University Press.
- Effendy, M. Ruslan. (1983). *Selayang Pandang Kesusastraan Indonesia*. Surabaya: PT. Bina Ilmu.
- Endraswara. (2006). *Metode, Teori, Teknik, Penelitian Kebudayaan: Ideologi, Epistemologi dan Aplikasi*. Yogyakarta: Pustaka Widyatama.
- Faruk. (2012). *Pengantar Sosiologi Sastra: Dari Strukturalisme Genetik sampai Post-modernisme*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Fereday, J., & Muir-Cochrane, E. (2006). Demonstrating Rigor Using Thematic Analysis: A Hybrid Approach of Inductive and Deductive Coding and Theme Development. *International Journal of Qualitative Methods*, 5, 1-11.

- Francois & Rene Daillie. (1988). *Alam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari Teknologi Pendidikan. (1995). *Kementerian Pelajaran Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Graffiths, P. (2006). *An Introduction to English Semantics and Pragmatics*. United Kingdom: Edinburgh University Press.
- Hajar Abdul Rahim. (1999). Keumuman erti dan ketaksaan: satu analisis. *Jurnal dewan bahasa, jil.43:1124-1126*.
- Harmon, William & Holman, C. Hugh. (1986). *A Handbook to Literature*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Hartini Mohd Ali & Normaliza Abd Rahim. (2017). Perlambangan Kata Kerja dalam lirik lagu “Bebaskan” Berdasarkan Teori Relevans. *Journal of Business and Social Development Volume 5 Number 1, March 2017: 102-111*
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1985). *Teman Pelajar Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hashim Musa. (1994). *Falsafah Bahasa Melayu: Beberapa Aspek Kajian*. Petaling Jaya: DJ Gemilang Sdn. Bhd.
- Holt, A.S.J. (2005). *Principles of Construction Safety*. Oxford: Blackwell Science.
- Hurford, J.R. (1984). *Semantics: a Coursebook*. Cambridge: Cambridge Univ. Press.
- Ismail Hashim. (1991). Bahasa Halus dan Hubungannya dengan Makna, dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Kusmayadi (2006). *Think Smart Bahasa Indonesia*. Jakarta: Grafindo.
- Jais Sahok. (1989). Makna dalam Pantun Melayu, *Jurnal Dewan Bahasa, 33:12 (145-149)*.

- Johari Yahya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Jonathan D. Culler. (1977). *Ferdinand de Saussure*. London: Penguin Books.
- Julia Kristeva. (1990). *Desire in Language: A Semiotic Approach of Literature and Art*. London: Blackwell.
- J.W.M. Verhaar. (1978). *Pengantar Linguistik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kearns, Keith. (2000). *Semantics*. New York: Macmillan.
- Keraf, Gorys. (1984). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Kriyantono, Rachmat. (2007). *Teknik Praktis Riset Komunikasi*. Jakarta: Kencana
- Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. (1984). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Bahasa Malaysia Tahun Empat* (2014). Putrajaya: KPM.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Bahasa Malaysia Tahun Lima* (2014). Putrajaya: KPM.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Bahasa Malaysia Tahun Enam* (2014). Putrajaya: KPM.
- Lenneberg, E.H. (1967). *Biological foundations of language*. Oxford, England: Wiley.
- Liaw Yok Fang. (2011). *Sejarah kesusteraan Melayu klasik*. Jakarta: Pustaka Obor Indonesia.
- Lucid, Daniel P. (1977). *Soviet Semiotics*. Baltimore and London: The John Hopkins University Press.

- Mahzan Arshad. (1993). *Preferen pelajar tingkatan empat terhadap bahan kesusasteraan dan hubungannya dengan tahap pemahaman bacaan*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.
- Mana Sikana. (2001). Teori semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastera. *Jurnal Bahasa, Vol 1, No 2*. 193-212.
- Mangantar Simanjuntak. (1983). *Pemerolehan Bahasa Melayu: Bahagian Semantik*. Dewan Bahasa, 27, 688-697
- Misran Rokimin, (2001). *Sastera Kanak-Kanak dan Remaja Sebagai Agen Pembangunan*. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja. 26-27 April. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Azmi. (1997). *Analisis Symbolisme dalam Pantun Percintaan Melayu*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Shaidan. (2001). *Penjabaran Semiotik dalam Puisi-puisi Suhaimi Hj. Muhammad*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Rosli Saludin. (2007). *Puisi Melayu Tradisional*. Penang: Goal Intelligent Publishing.
- Mohd Syukri Hanapi. (2001). *Bacaan lucu dan pembentukan akhlak remaja*. Massa Januari: 20-26.
- Mohd Taib Osman. (1996). Pantun, syair, dan sajak dari segi pandangan diakronis dan sinkronis. *Penulis 2. P. 1-14*.
- Mosher, A.T. (1968) *.Menggerakkan dan Membangun Pertanian*. Jakarta: Yasaguna.
- Muhamaad Haji Salleh. (1984). *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naffi Mat. (2006). *Teknik mengajar KOMSAS komponen sastera*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Nazel Hashim. (2011). *Koleksi Pantun untuk Kanak-Kanak*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). Pengajaran Gaya Bahasa Dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 16*.
- Nik Safiah Karim. (1996). *Pantun Melayu: Satu Garapan Struktur Ayat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim et al. (2010). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Pemugaran penyelidikan untuk pemeraksanaan bahasa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah Taslim. (1996). *Menggarapi Dunia Faedah dan Keilmuan Sastera Melalui Penstrukturan Kurikulum dan Pemantapan Kaedah Pengajaran*. Dlm. *Pengajaran Sastera*. Othman Puteh (Peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2007) .Pantun dan Pembudayaan Bangsa. *Dewan Sastera. Ogos: 81-84*
- Noriza Daud. (2006). Analisis Lambang Kata Nama Literal Dalam Pantun. *Jurnal Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka: 148 – 168*.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2017). Metafora Anatomi dalam Bahasa Melayu. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.
- Nurazmi Kuntum. (2008). *Sastera Kanak-kanak dan Kaedah Pengajaran*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nur Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication Jilid 32(1) 2016: 311-334*.
- Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad. (2014). Interpretasi Pantun daripada Perspektif Semiotik. *Jurnal Linguistik Vol. 18(1) Jun. 2014 (001-009)*.

- Panduan Guru Bahasa Malaysia; Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)*. (2010). Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Prastowo, A. (2012). *Metode Penelitian Kualitatif dalam Perspektif Rancangan Penelitian*. Yogyakarta: Ar-Ruzz Media.
- Pateda, M. (2010). *Semantik Leksikal (Edisi Kedua)*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Pateda, M. (1990). *Sosiolinguistik*. Bandung: Angkasa.
- Piaget, J. (1964). Cognitive Development in Children: Development and Learning. *Journal of Research in Science Teaching*, 2, 176-186.
- Pradopo, Rachmat Djoko. (2009). *Beberapa Teori Sastra, Metode Kritik, dan Penerapannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Pradopo, Rachmat Djoko. (2009). *Pengajian Puisi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Pradopo, Rachmat Djoko. (2013). *Beberapa Teori Sastra, Metode Kritik, Dan Penerapannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Preminger, Alex. (1974). *Princeton Encyclopedia of Poetry and Poetics*. New Jersey: Princeton University Press.
- R. Hoesein Djajadiningrat. (1999). *Arti pantun Melayu yang gaib*. Jakarta: Zaman Baru
- Rahardi. K. (2005). *Pragmatik: Kesantunan Imperatif Bahasa Indonesia*. Jakarta: Erlangga.
- Rais Yatim. (2013). *Pantun & Bahasa Indah: Jendela Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Endowment Publications.
- Ramlah Adam. (2003). *Pejuang-pejuang kemerdekaan*. Batu Berendam, Melaka, Malaysia: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Razali Hai Yu. (2007). "Teknik Mudah Mengajar Pantun". *Seminar Penyelidikan Institut Perguruan Batu Lintang*.

- Rene Wellek & Austin Warren. (1963). *Theory of Literature: by Rene Wellek and Austin Warren*. Harmondsworth: Penguin Book.
- Richard E. Boyatzis. (1998). *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. California: Sage Publications.
- Riffaterre, Michael. (1978). *Semiotics of Poetry*. Bloomington and London: Indiana University press.
- Riffaterre, Michael. (1983). *Text Productions*. New York: Columbia University press.
- R.J. Wilkinson & R.O. Winstedt. (1961). *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Pub. House Ltd.
- Rosli Saludin. (2005). *Bahasa Dalam Pantun dan Keistimewaannya*. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
- Saifollah Abdullah. (2009). *Teknologi Hijau satu konsep terkehadapan*. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (Berita Harian, 13 April 2009).
- Sangidu. (2004). *Metode Penelitian Sastra, Pendekatan Teori, Metode dan Kiat*. Yogyakarta: UGM.
- Saussure, F. (1961). *Course in General Linguistics*. London: Duckworth.
- Sharifah Nor Syed Abd. Rahman, Nornajmah Najmuddin dan Rosdah Omar, (2007). *Bahasa Melayu Kertas 1 & 2 Teks Rujukan Lengkap*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Shamsuddin Jaafar. (1997). *Sastera dalam masyarakat majmuk Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Short, M. (1996). *Exploring the language of poems, plays and prose*. London: Longman.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2010). Kekaburan makna dalam retorik iklan radio. *Jurnal bahasa, bil.21:25-32*.

- Simanjuntak, Mangantar. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinclair, J. (1991) *Corpus, Concordance, Collocation*, Oxford University Press.
- Siswanto, Wahyudi. (2008). *Pengantar Teori Sastra*. Jakarta: PT. Grasindo.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman) 1(1)*, 2013: 75 – 81.
- Sitti Hasnah binti Bandu. (2016). *Penerapan Kompetensi Kewarganegaraan dalam Kalangan Pelajar Pelbagai Etnik Peringkat Sekolah Menengah di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Situmorang. (1983). *Puisi dan Metodologi Pengajarannya*. Ende Flores: Nusa Indah.
- Sohaimi Abdul Aziz. Persidangan Pengajian Sastera dan Bahasa Melayu Universiti-universiti Malaysia (SPESBAM) di Universiti Sains Malaysia (USM) (*Berita Harian*, 14 April 2011).
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sugihastuti. (2007). *Teori Apresiasi Sastra*. Jogjakarta: Pustaka Pelajar.
- Suminto A. Sayuti. (1985). *Puisi dan Pengajarannya*. Semarang: IKIP Semarang Prees.
- Summers, D. (1998). *The Role of Dictionaries in Language Teaching*. Dlm. *Vocabulary and Language Teaching*, disunting oleh Carter, R. & McCarthy, M. London: Longman.
- Sunardi, TS. (2002). *Semiotika Negativa*. Yogyakarta: Kanak.
- Supardy Muradi. (1990). *Semiotik dan Prosa: Satu Tanggapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Surat Pekeliling Ikhtisas, Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016. *Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017*. Tarikh: 2 Nov 2016. Bil: KP/KPPM/6 Jld. 2 (22)

Tarigan, H.G. (1985). *Pengajaran Semantik*. Bandung: Angkasa.

Teeuw, A. (1983). *Membaca dan Menilai Sastra*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Teeuw, A. (1984). *Sastra dan Ilmu Sastra: Pengantar Teori Sastra*. Jakarta: Dunia Pustaka Jaya.

Tenas Effendy. (1990). *Tunjuk ajar dalam pantun Melayu*. Pekan Baru: Depdikbud.

Tenas Effeny. (1993). *Pantun sebagai media dakwah danunjuk ajar Melayu*. Pekan Baru: UNRI Press.

Tenas Effendy. (2005). *Pantun Nasehat*. Yogyakarta: Penerbit Adicita Karya Nusa.

Tengku Intan Marlina Tg. Mohd. Ali dan Mohamad Shahidan. (2009). *Semiotik Peirce: Penandaan dan Pemaknaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tjiptadi, Bambang. (1984). *Tata Bahasa Indonesia. Cetakan II*. Jakarta: Yudistira.

T.S. Alisjahbana. (2004). *Puisi Lama: Pancaran Masyarakat Lama*. Jakarta: Dian Rakyat.

Ullmann, S. (1962). *Semantics: An introduction to the science of meaning*. New York: Barnes & Noble.

Umar Junus. (1990). *Semiotik dan Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Umar Junus. (1988). *Karya sebagai sumber makna: pengantar strukturalisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid. (2011). *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- UU Hamidy. (2005). *Estetika Melayu di tengah harapan estetika islam*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Wan Abd Kadir Wan Yusoff. (1996). *Pantun motivasi masyarakat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Wiyatmi. (2005). *Pengantar Kajian Sastra*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Wijaya, Dewa Putu. (1996). *Dasar-Dasar Pragmatik*. Yogyakarta: Penerbit Andi.
- Winstedt, R.O. (1969). *A History of Classical Malay Literature*. London: Oxford University Press.
- Wong Soak Koon. (1990). *Semiotik dan Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusita kusumarini. (2006). *Teori Semiotik*. Surabaya: Universitas Kristen Petra.
- Yusof bin Mat. (1995). *Dictionary Use in the Teaching of English*. Fakulti Linguistik dan Bahasa Moden, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zaid Ahmad. (2010). *Buku Teks Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. (2008). *Kalung Bunga Za'ba*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. (1984). *Teks Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan, Abdullah Abu Bakar & Alawi Mohamad Zin (2007). *Pemikiran dan Peradaban Bangsa dalam Pantun Melayu. Prosiding Seminar Pantun Melayu: Semalam, Hari Ini dan Esok anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia: 102-108.*

Zaid Ahmad (Editor), Ruslan Zainuddin, Ahmad Tarmizi Talib & Nazri Muslim, Najeemah Mohd Yusof, Sarjit Singh Gill, Lee Yok Fee, Ho Hui Ling. Hubungan Etnik di Malaysia. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.

Zalila Sharif & Jamilah Haji Ahmad. (1993). *Kesusasteraan melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zoest, A.V (1996). *Interpretasi dan semiotika*. Jakarta: PT Gramedia.

Salam. (2009). Pembelajaran Menulis Puisi Dengan Metode Michael Riffaterre. <http://gerbangpendidikan.blogspot.co.id/2009/01/pembelajaran-menulis-puisi-dengan.html>

Zurinah Hassan, Salinah Ja'afar & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2008). Kritik Sosial Dalam Pantun Melayu: Lambang Ketekalan Minda. *Blog Zurinah Hassan*. <http://zurinahhassan.blogspot.com>

University of Malaya